

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 13	Rabu	25 Jun 2014
----------------	-------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014	(Halaman 31)
USUL: Ucapan Penangguhan Malaysia Sebagai Hab Hiburan - <i>YB. Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed</i>	(Halaman 88)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 25 Jun 2014
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi. Semua Ahli Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa biasanya soalan lisan ini akan dijawab lebih kurang sepuluh, lebih-lebih 12. Saya pohon semua kerjasama Ahli Yang Berhormat supaya kemukakan soalan itu dengan tepat dan jawapan juga daripada kementerian kalau boleh dengan tepat dan ringkas.

Tanpa buang masa, ini untuk memberi peluang kepada lebih banyak soalan dapat kita jawab kerana kalau kita lihat tiap-tiap hari lebih kurang 70 soalan yang kita hanya dapat jawab lima ataupun sepuluh soalan sahaja. Cuba kita buat satu perubahan serta meningkatkan lagi jawapan-jawapan dan soalan untuk memanfaatkan Dewan ini. Tanpa buang masa saya silakan Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, bilangan kes penderaan kanak-kanak semenjak tiga tahun ini dan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menanganinya.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Roslin di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua saya mohon keizinan jawapan saya agak panjang sedikit dalam hal yang agak penting ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa Yang Berhormat, silakan.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin dan memandang serius akan kes penderaan ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting yang bakal mencorakkan masa hadapan negara kita. Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak 11,378 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan kepada JKJ bagi tempoh 2011 hingga 2013.

Bagi menangani kes penderaan kanak-kanak, kerajaan telah melaksanakan inisiatif yang melibatkan penggubalan dasar dan perundangan, penyediaan perkhidmatan sokongan serta pelaksanaan program advokasi seperti berikut:

- (i) Akta Kanak-kanak 2001 – Akta Kanak-kanak telah digubal bagi memelihara, melindungi, dan memulihkan mangsa kanak-kanak. Mereka yang melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga menyebabkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual boleh disabitkan di bawah seksyen 31(1), Akta Kanak-kanak 2011. Apabila disabitkan pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya;
- (ii) Dasar Perlindungan Kanak-kanak – kerajaan telah menggubal Dasar Perlindungan Kanak-kanak pada bulan Julai 2009 untuk memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan sewajarnya. Dasar ini turut memastikan komitmen menyeluruh diambil oleh semua pihak termasuk ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dalam melindungi kanak-kanak khususnya daripada sebarang bentuk keganasan mental dan fizikal, kecederaan, pengabaian, penderaan atau eksploitasi dengan menyediakan persekitaran yang selamat dan mesra kanak-kanak;
- (iii) Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak – Akta Kanak-kanak juga memperuntukkan penubuhan Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-kanak untuk menasihati Menteri tentang aspek perlindungan kanak-kanak. Seterusnya majlis ini mewujudkan Pasukan perlindungan Kanak-kanak (PPKK) yang dianggotai oleh seorang pelindung Pegawai Kebajikan Masyarakat sebagai pengerusinya dianggotai oleh Pegawai Perubatan, Pegawai Kanan Polis serta anggota masyarakat yang prihatin terhadap isu sosial yang melibatkan kanak-kanak. Fungsi utama PPKK adalah untuk menyelaras perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan. Pada masa ini terdapat 134 buah PPKK di seluruh negara;
- (iv) Rumah Kanak-kanak – bagi kanak-kanak yang menjadi mangsa dera, JKM turut menyediakan 12 buah rumah kanak-kanak di seluruh negara untuk memberikan perlindungan kepada mereka;
- (v) Pasukan Pencegahan Penganiayaan dan Pengabaian Kanak-kanak ataupun *Scan Team*, dengan izin. Kerajaan memperkenalkan *Scan Team* di 34 buah hospital kerajaan di seluruh negara. Pasukan ini berperanan khusus untuk mengendalikan kes penderaan dan penganiayaan kanak-kanak dan dilaksanakan di hospital kerajaan yang mempunyai pakar pediatrik;

- (vi) Talian Nur dan *Childline*. Pada Tahun 2007 kementerian telah memperkenalkan perkhidmatan talian Nur iaitu 15999. Talian ini membantu untuk memudahkan orang awam dan mangsa kanak-kanak untuk membuat aduan dan mendapatkan khidmat nasihat. Pada bulan November 2010, kementerian juga telah memperluaskan perkhidmatan Talian Nur dengan mewujudkan talian khusus bagi aduan kanak-kanak iaitu *Childline* iaitu 15999. Talian ini merupakan talian tambahan bagi memberikan perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak dan bertindak sebagai perantara untuk menangani kes penganiayaan kanak-kanak. Sejak dilancarkan pada November 2010 hingga 31 Mei tahun ini talian ini telah mengendalikan sebanyak 15,181 panggilan dan 74,701 kes aduan kanak-kanak;
- (vii) Pusat Aktiviti Kanak-kanak – selain ditubuhkan Pusat Aktiviti Kanak-kanak ataupun PAKK ditubuhkan bagi menyediakan perkhidmatan sokongan dan advokasi kepada keluarga kanak-kanak berisiko tinggi dalam aspek penderaan dan pengabaian. Kini terdapat 149 buah PAKK di seluruh negara yang memberikan perkhidmatan kepada 20,000 orang kanak-kanak;
- (viii) Khidmat Kaunseling – kementerian juga turut menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada mangsa penderaan kanak-kanak bagi membantu mengukuhkan emosi dan psikologi mangsa penderaan kanak-kanak. Dalam hal ini kita mempunyai pegawai-pegawai psikologi di Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita juga dia Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara serta juga panel kaunselor di bawah penyelarasan LPPKN yang sentiasa bersedia untuk membantu kanak-kanak dan ahli keluarga apabila berlaku kes-kes traumatik.

■1010

Seterusnya, Program Advokasi. Bagi mengukuhkan usaha menangani masalah penderaan kanak-kanak, kementerian melalui JKM dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah melaksanakan pelbagai Program Advokasi kepada masyarakat di semua peringkat dengan kerjasama agensi kerajaan yang lain dan NGO bagi mengurangkan penderaan kanak-kanak dalam masyarakat.

Antara program yang telah dilaksanakan ialah Kursus Pra Perkahwinan *Smart Start*. Sebanyak 559 kursus telah dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan seramai 20,617 pasangan daripada tahun 2006 hinggalah Mac 2014. Yang keduanya, Program Keluarga@Kerja, *Parenting@Work*. Ini juga adalah kita tujukan khusus kepada ibu bapa yang bekerja dan setakat ini sebanyak 616 program telah dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan seramai 26,484 orang ibu bapa. Juga dilaksanakan dengan kerjasama pegawai agensi-agensi kerajaan yang lain dan juga badan-badan swasta dan NGO.

Yang ketiga, sebanyak 10,481 Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN juga dilaksanakan. Sehingga kini telah melibatkan penyertaan 1.17 juta orang peserta. Kementerian juga melalui LPPKN telah membangunkan Program Pekerti@Sekolah. Ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan sebagai satu aktiviti ko-kurikulum di sekolah-sekolah yang dipilih oleh Kementerian Pelajaran untuk pelajar-pelajar murid Tahun 6 dan juga pelajar Tingkatan 3 setelah peperiksaan UPSR dan setelah peperiksaan PMR. Pada setakat ini, seramai 2,376 murid telah mengikuti program rintis ini.

Sebagai kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, kementerian amat prihatin akan isu penderaan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, usaha berterusan dan kerjasama bersepadu daripada semua pihak iaitu agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan setiap anggota masyarakat diperlukan bagi membanteras kes penderaan kanak-kanak di negara kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat soalan tambahan. Yang Berhormat Puan Roslin.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab secara menyeluruh pada soalan-soalan berkenaan dengan penganiayaan kanak-kanak ini. Kita maklum bahawasanya kanak-kanak di Malaysia ini 1:4 pada penduduk Malaysia yang berjumlah lebih kurang 30 juta orang. Golongan yang lemah ini terdedah kepada keganasan mental, fizikal dan juga seksual. Kes terbaru yang menggemparkan ialah kes Mohd. Firdaus Dullah. Kes begini merupakan satu *wake up call*, dengan izin, dalam masyarakat tentang sistem dan perundangan yang sedia ada. Kita sedar bahawa faktor utama penganiayaan kanak-kanak ini bermula daripada rumah mereka sendiri. Kita tahu juga ia berpunca daripada keruntuhan institusi keluarga dan kita maklum bahawa masyarakat sekeliling sedikit sebanyak tahu apa yang terjadi.

Soalan saya adalah apakah- sebab tadi tentang banyak penganiayaan yang kita lihat sekarang hari ini. Penganiayaan juga berlaku pada kanak-kanak ini adalah di atas dasar perkahwinan dalam rumah tangga baru. Kalau Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebelum ini mengadakan *Program Smart Start* untuk bakal-bakal pengantin, bakal-bakal untuk ibu bapa yang mendirikan rumah tangga, bagaimanakah ataupun apa perlukah kita mewajibkan ibu bapa yang telah pun berkahwin itu untuk berkahwin semula, perlu melalui satu kursus orientasi berkeluarga tiri kerana banyak kes-kes banyak terjadi melibatkan ibu bapa dengan anak-anak tiri. Itu soalan pertama saya.

Soalan kedua saya, apakah telah terjadi kepada dasar dan Pelan Perlindungan Kanak-kanak dalam fasa pencegahan yang mana Sistem Amaran Merit dan manakah dia pasukan perlindungan kanak-kanak yang dimaklumkan pada tahun 2007 yang lalu. Soalan saya yang ketiga, sejauh manakah tindakan pragmatik telah diambil...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dua saja Yang Berhormat.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Bolehlah satu ini penting. Dia tidak melalui penderaan tapi ini adalah di mana kanak-kanak telah di eksploitasi dengan kegiatan menjajakan,

mengutip derma, jualan amal yang banyak dilindungi oleh rumah kebajikan anak yatim, sekolah-sekolah agama. Saya bertanya soalan kepada kementerian ini, sejauh manakah tindakan pragmatik telah diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini bersama agensi-agensi kerajaan yang lain seperti JAKIM, PDRM dan juga Kementerian Pendidikan dan KDN merangka dan merencana pelan komprehensif menangani isu-isu pengeksploitasian remaja dan kanak-kanak berdasarkan undang-undang sedia ada. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, saya benarkan itu. Selain itu lain kali tidak boleh. Dia kalau boleh soalan tambahan itu biar ringkaslah sikit dan dia ada dua soalan saja dengan itu. Sekarang saya persilakan tambahan yang kedua, jawab dulu. Biar jawab dulu.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Jawab dulu. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Puan Roslin di atas soalan-soalan yang bernas dan memang tepat pada masa dan ketikanya. Saya amat bersetuju bahawa kebanyakan masalah ini bermula daripada rumah, daripada dalam keluarga itu sendiri. Oleh kerana itulah institusi keluarga itu adalah amat-amat penting sekali dibina atas asas. Kedua, manusia yang menjadi suami dan isteri kemudian menjadi bapa dan ibu mestilah mempunyai ilmu-ilmu yang mencukupi. Di kementerian kita, kita masih lagi melaksanakan *Program SmartStart* di bawah LPPKN dengan kerjasama NGO's dalam negara kita ini di mana yang diberi kursus itu bukan saja bakal suami isteri tetapi juga suami isteri di dalam tempoh masa lima tahun mereka berkahwin.

Akan tetapi ini tidak bererti kita berpuas hati dengan kursus yang kita adakan ini. Saya lebih suka mengatakan di sini, kursus pra perkahwinan yang diadakan sama ada untuk orang Islam ataupun yang bukan *non-Muslim* perlu lagi ditambah baik. Masanya juga perlu dipanjangkan lagi supaya kedua-dua insan yang akan bergelar suami dan isteri dan juga bapa dan ibu ini betul-betul mengenal pasti tugas dan tanggungjawab mereka dan dapat menghayatinya dengan sebaik-baik. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi, apabila yang baru mahu berkahwin semula setelah berkahwin sebelum ini iaitu yang mempunyai anak lagi, ibu yang mempunyai anak. Bukan saja anak OKU tapi yang normal pun, bila hendak berkahwin semula dengan suami yang baru, perlu juga ada kursus yang khusus agaknya. Ini kerana mereka bukan saja berkahwin dengan ibu itu tetapi juga menjadi bertanggungjawab terhadap anak-anak yang dibawa oleh seorang wanita yang sebelum itu bergelar ibu tunggal.

Kes yang menimpa Mohd. Firdaus yang amat-amat menyedihkan kita semua ini. Betullah sebagai satu *wake up call* kepada kita betapa perlunya seseorang itu jika ingin berkahwin dengan seorang ibu tunggal yang mempunyai anak, seorang lelaki yang mahu berkahwin dengan seorang ibu tunggal yang mempunyai anak termasuk anak orang kurang upaya ini mestilah bertanggungjawab terhadap keluarga itu secara keseluruhannya. Dalam kes ini kita dimaklumkan kemungkinannya si ibu tidak dibenarkan untuk menjaga anak OKU nya. Jadi, saya berharap bukan saja kementerian kami tapi kementerian yang lain juga mungkin JAKIM dan sebagainya bekerjasama dengan kita dalam usaha untuk memastikan keluarga seperti ini, keluarga kedua ini juga mendapat pembelaan oleh kita semua termasuklah kedua ibu dan juga bapa tiri ataupun bapa dan ibu tiri. Itu yang pertama.

Yang keduanya, pasukan perlindungan. Pasukan perlindungan ini untuk makluman Yang Berhormat seperti telah saya sebut dalam jawapan saya tadi memang ada wujud di negara kita pasukan perlindungan ini. Dipengerusikan oleh pegawai kebajikan di daerah itu, dianggotai oleh jabatan-jabatan yang lain dan juga anggota-anggota masyarakat yang prihatin tentang isu-isu seperti wakil daripada NGO di daerah masing-masing. Mereka inilah yang bertugas sebenarnya untuk melihat keadaan setempat itu jika ada kanak-kanak yang memerlukan perlindungan, keluarga yang memerlukan perlindungan juga dan juga diberikan perhatian.

Kita berbincang di peringkat kementerian bahawa sudah tiba masanya kita mungkin bukan saja wujudnya pasukan ini tetapi juga kita *empower* mereka ataupun perkasakan lagi mereka supaya mereka dapat betul-betul mengani masalah-masalah yang kita hadapi pada hari ini yang semakin mencabar, Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya, berkenaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang ketiga tadi iaitu ada kaitan dengan peminta sedekah ini. Ini satu kes yang berlainan lagi tetapi dia juga mungkin melibatkan pengabaian. Kita juga sebenarnya bekerjasama dengan JAKIM dalam hal ini. Satu *task force* telah pun ditubuhkan untuk melihat secara keseluruhannya masalah di mana pelajar-pelajar di sekolah-sekolah tahfiz dan lain-lain lagi di peralatkan untuk mendapatkan derma, sedekah supaya dapat membantu untuk *maintain* sekolah-sekolah tersebut.

■1020

Ini adalah satu perkara yang sebenarnya tidak dibenarkan. Untuk meminta sedekah atau derma ini ada undang-undang tertentu. Pelajar-pelajar sekolah tidak dibenarkan sebenarnya untuk meminta sedekah di mana-mana pun. Akan tetapi perkara-perkara ini nampaknya masih lagi berlaku dan *task force* ini telah ditubuhkan di antara yang melibatkan kementerian kita dan juga JAKIM untuk melihat secara menyeluruh bagaimana kita dapat menanganinya dengan sebaik mungkin dan memastikan kanak-kanak kita yang dihantar untuk belajar di sekolah tahfiz dan sekolah-sekolah yang lain tidak diperalatkan untuk mendapatkan sedekah. Ini kerana mereka ke situ untuk belajar bukan untuk digunakan untuk mendapatkan sedekah. Jadi, *insya-Allah* dalam masa terdekat ini kita akan dapat menghasilkan satu pelan tindakan yang bersepadu untuk menangani masalah ini dengan sebaik mungkin, *insya-Allah*.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk mengemukakan serangkaian soalan tambahan yang semuanya berkaitan.

Soalan asas yang dikemukakan oleh Puan Roslin tadi ialah tentang bilangan kes penderaan selama tiga tahun yang lalu. Akan tetapi oleh kerana banyak angka yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, saya tidak pasti sama ada soalan yang asas ini dijawab atau tidak. Ada atau tidak tadi disebut tentang bilangan kes selama tiga tahun? Ada? Okey, kalau ada tidak apa. Kalau ada, ini adalah statistik yang penting.

Statistik ini Tuan Yang di-Pertua, perlulah dianalisis. Antara perkara-perkara yang patut dimasukkan dalam analisa terhadap statistik yang ada ini saya rasa ialah bilangan kes-kes penderaan mengikut kaum dan jenis-jenis kes penderaan. Adakah penderaan itu bersifat fizikal, bersifat seksual, bersikap *psychological*?

Saya katakan bersifat fizikal, penderaan terhadap kanak-kanak, baru-baru ini di Jakarta berlaku suatu penderaan seksual terhadap kanak-kanak di sekolah Jakarta *International School*. Ini perkara yang tersembunyi. Ini antara perkara-perkara yang saya minta supaya kementerian juga memberi perhatian kerana perkara penderaan seksual ini biasanya malu orang hendak mengemukakan. Akan tetapi janganlah perkara yang seperti ini terpendam begitu sahaja. Oleh sebab itu saya rasa perlu juga ada kerjasama atau pertukaran nota antara kita dengan negara-negara jiran mengenai kes yang sama. Kemudian, antara perkara lain yang patut diberikan perhatian saya rasa dalam...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tambahan Yang Berhormat [*Ketawa*]

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, okey, saya ringkas sahaja. Okey, soalan tambahan saya, punca-punca penderaan kejiwaan kemiskinan seksual akibat penderaan, tindakan terhadap ibu bapa yang mendera, kemudian langkah-langkah untuk bertukar nota dengan negara-negara jiran. Semua saya rasa relevan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah mengemukakan cadangan-cadangan yang amat baik dan saya mewakili kementerian mengambil maklum tentang ini. Kita akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya bagi memastikan segala usaha kita yang baik ini akan mencapai kejayaan.

Saya ingin berkongsi dengan Yang Berhormat tadi bahawa memang kita ada statistik berdasarkan jenis penderaan bagi tahun 2012 hingga tahun 2013. Saya kongsi sahaja di sini, kita ada penderaan fizikal yang berjumlah sehingga kinilah sebanyak 4,122, penderaan seksual sebanyak 3,817, dan yang lain-lain lagi sebanyak 6,696 termasuk pula penderaan emosi.

Ini adalah satu jumlah yang tentunya membimbangkan kita dan saya ingin juga memberitahu di sini apakah antaranya punca-punca? Ini kerana tadi Yang Berhormat juga bercakap tentang punca.

Punca-puncanya ialah antara lainnya ialah pembelaan dalam keluarga itu sendiri. Kalau yang seksual itu mengikut teman lelakinya, ada masalah kewangan juga yang menyebabkan kadang-kadang bila kita berbincang bahawa ibu itu bila dia menjadi pendera ini, dia ada masalah. Masalah kewangan, masalah dengan suami dia, maka menyebabkan anak itu pula yang menjadi sasarannya.

Anak yang tidak sah taraf, terpengaruh dengan televisyen, video, desakan orang lain, terlalu percaya, anak tiri, anak angkat, kecuaiannya ibu bapa, penjaga, dipelihara oleh orang lain, penagih, hiperaktif, kaki botol, pemabuk, gila seks, pendera alami masalah kesihatan mental, terlibat dengan jenayah, pendatang asing, dan macam-macam lagilah, bayi atau kanak-kanak yang cacat seperti Firdaus, kaki judi, ertinya suami mungkin bapa itu seorang kaki judi yang panas baran, kepercayaan yang karut yang adat, tujuan mendisiplinkan anak, dan lain-lain lagi. Inilah di antara sebab-sebabnya dan saya ingin menyatakan di sini bahawa kita mengambil berat tentang apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

2. **Datuk Chiew Lian Keng** minta Menteri Kewangan menyatakan, statistik syarikat tukar mata wang (*money changer*) yang masih beroperasi mengikut kaum dan apakah langkah Kementerian dalam memastikan bahawa pengubahan duit haram (*money laundering*) dapat dibendung di negara kita.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Senator Datuk Chiew Lian Keng kerana bertanya tentang syarikat tukar mata wang dan pengubahan wang haram.

Di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang (MSBA) 2011, lesen hanya dikeluarkan kepada syarikat dan bukan individu. Justeru itu, tiada statistik di kumpul mengikut pecahan kaum. Setakat akhir bulan April 2014, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan lesen kepada 447 orang pemegang lesen yang dimiliki oleh syarikat pengurup wang yang terdiri daripada pelbagai kaum menjalankan perniagaan tersebut di seluruh negara. Pemegang-pemegang lesen ini merupakan entiti yang telah memenuhi kriteria pelesenan yang ketat yang telah ditetapkan oleh pihak Bank Negara Malaysia termasuk kriteria minimum, layak dan sesuai iaitu *fit and proper* serta keperluan operasi dan kewangan minimum untuk menjalankan perniagaan pengurup wang.

Semua pemegang lesen sentiasa dikehendaki mematuhi keperluan undang-undang dan pengawalseliaan termasuk keperluan pencegahan pengubahan wang haram dan pembanterasan pembiayaan keganasan. Mereka juga perlu melaksanakan keperluan usaha wajar pelanggan dengan izin, *customer due diligences*, dan penyelenggaraan rekod berkenaan transaksi perniagaan perkhidmatan tersebut. Selain itu, dalam memastikan mereka yang terlibat dengan perniagaan perkhidmatan wang sentiasa mematuhi keperluan undang-undang, pihak Bank Negara sebagai sebuah badan kawal selia turut aktif dalam menjalankan aktiviti penyeliaan dan pemantauan perniagaan berkenaan. Tindakan penguatkuasaan juga diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang termasuk penglibatan dalam aktiviti pengubahan wang haram. Ini termasuklah tindakan pembatalan lesen, penganan hukuman sehingga RM5 juta atau dan penjara maksimum sehingga sepuluh tahun.

Sehingga kini, dengan peruntukan perundangan penguatkuasaan yang berkesan 2011, tidak ada mana-mana pemegang lesen pengurup wang yang terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram. Namun, 17 buah syarikat telah diambil tindakan kerana tidak mematuhi keperluan menyimpan rekod sebagaimana yang dikehendaki di bawah akta.

Bagi menangani ancaman daripada aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, rangka kerja yang lengkap telah dan sedang dilaksanakan. Kita ada akta, nama akta itu ialah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001, dengan izin, *Anti Money Laundering and Anti Terrorism Financing Act 2001*, ringkasnya AMLATFA. Akta tersebut merangkumi peruntukan kuasa dan tanggungjawab oleh setiap entiti yang terlibat di dalam membanteras aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan seperti agensi

pendakwaan, agensi penguatkuasaan undang-undang, dan institusi pelapor serta senarai 288 kesalahan berat daripada 42 akta AMLATFA.

Di samping itu, bagi institusi pelapor, mereka juga tertakluk kepada peruntukan dalam polisi dan garis panduan pencegahan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Kita juga mempunyai apa yang kita panggil peranan aktif di peringkat antarabangsa mengenai hal ini, melibatkan diri dalam badan-badan antarabangsa seperti *Asia/Pasifik Group (on Money Laundering)* (APG) dengan izin, *Egmond Group* dan *Financial Action Task Force on Money Laundering* (FATF) di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

■1030

Datuk Chiew Lian Keng: Terima kasih Menteri yang memberi jawapan. Di sini saya hendak menyatakan, adakah lesen pertukaran wang asing akan dibuka semula untuk dipohon dan cara untuk memastikan Akta Pengubahan Wang Haram tidak disalahgunakan untuk melaksanakan pembekuan akaun bank orang yang disyaki bagi membantu siasatan dengan tidak ada had masa. Baru-baru ini, banyak aduan yang kami terima di mana seorang warganegara asing yang mengatakan dia adalah bakal terkaya di dunia dan kita mengesyaki dia menjalankan *money laundering* ini. Apakah tindakan kementerian? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, kita ada 839 lesen untuk pengurup wang ini. Sekarang kita ada 447, bererti kita telah kurangkan kerana ada beberapa kriteria untuk membuka lesen pengurup wang ini. Pertama misalnya, dia mesti layak dan sesuai. Apakah maksud *fit* dan *proper* itu antaranya dia tidak pernah dikompaun, tiada rekod jenayah, bukan seorang yang bankrap dan ada pengetahuan. Kalau dia tidak ada ilmu untuk melaksanakan syarikat pengurup wang, maka kita tidak beri lesen. Setakat ini, jumlah lesen yang mengikut kriteria pengurup wang ialah 434 lesen. Selepas itu pengurup wang dan pengiriman wang - lapan lesen; pengurup wang dan mata wang borong - dua lesen; pengurup wang, pengiriman wang dan mata wang borong-tiga lesen; dan hanya pengiriman wang ada 24 lesen. Jumlah ialah 471 lesen. Setakat ini kita meneliti permohonan mengikut kes.

Mengenai AMLATFA, kita akan pinda Rang Undang-undang AMLATFA itu dalam sidang sesi ini. Mungkin hari esok agaknya kita boleh bincangkan lagi, tetapi ia tidak akan disalahgunakan. Kita ada kaedah-kaedah yang terperinci dan kita ada *standard operating procedure* (SOP) yang tertentu dan ia tidak akan disalah guna. Apa juga kes-kes yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi boleh lapor kepada kami untuk kami ambil tindakan, kalau ada pengakuan-pengakuan yang seumpama itu yang disyaki.

Kita ada banyak agensi pelapor di dalam negara kita ini. Jumlah agensi pelapor adalah 43,000 agensi pelapor. Siapakah mereka itu? Peguam, akauntan, setiausaha syarikat, agen hartanah, syarikat amanah, bank. Mereka itu boleh melaporkan jika ada individu yang disyaki melakukan apa yang disebut sebagai *money laundering* ataupun pengubahan wang haram ini dan mereka kena lapor. Kalau mereka tidak lapor, adalah satu kesalahan dalam AMLATFA. Ke mana mereka lapor? Mereka

boleh lapor kepada Bank Negara Malaysia. Mereka juga boleh lapor kepada PDRM dan SPRM. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Tadi Timbalan Menteri Kewangan menyebut soal syarikat-syarikat yang diberi lesen untuk perdagangan pertukaran mata wang asing. Saya ingin bertanya, apakah pula mekanisme dan juga perencanaan di peringkat kementerian dalam menangani isu pertukaran ataupun perdagangan pertukaran wang asing (*Forex trading*) secara *online* yang menggunakan platform elektronik? Seperti yang kita tahu, ini adalah isu yang besar yang banyak melibatkan kakitangan awam dan juga masyarakat secara umumnya. Ramai yang tertipu, bahkan banyak syarikat-syarikat yang berdaftar di luar negara yang beroperasi secara elektronik kerana elektronik tidak perlu ada *physical appearance* dengan izin. Jadi mereka boleh mengurus niaga, mereka boleh menawarkan perkhidmatan ini secara *online*. Masalah utamanya ialah ramai rakyat yang tertipu.

Ada juga yang menggunakan label *syariah compliance* (patuh syariah). Walau bagaimanapun, perkara ini untuk pengetahuan semua, dalam muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam atau dikenali sebagai Majlis Fatwa Kebangsaan Kali Ke-98 telah pun bersidang pada tahun 2012 dan mengatakan bahawa hukum perdagangan pertukaran mata wang asing oleh individu secara *Forex* melalui platform elektronik adalah haram.

Jadi masalahnya, Majlis Fatwa Kebangsaan tidak ada kuasa penguat kuasa, tidak ada kuasa *enforcement* dengan izin. Jadi saya rasa, kuasa untuk pelaksanaan ataupun hendak memastikan fatwa ini dapat dilaksanakan adalah saya rasa Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara. Jadi saya ingin mengetahui kerana ini adalah persoalan-persoalan sering dibangkitkan masyarakat luar berkenaan dengan bagaimana hendak tangani isu ini secara holistik dan secara berkesan. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf. Tuan Yang di-Pertua, yang ditanyakan tentang *Forex trading* dan juga segala perkara-perkara yang disebut patuh syariah, tetapi tidak patuh syariah. Kita ada jawatankuasa yang mengenai patuh syariah ini. Di Bank Negara ada sekumpulan ratusan orang yang telah disenaraikan sebagai yang layak untuk memberikan nasihat mengenai patuh syariah ataupun tidak. Di *Securities Commission* (Suruhanjaya Sekuriti) juga ada puluhan orang yang tersenarai. Kalau kita membuka laman web Bank Negara dan juga *Securities Commission* ada senarai mereka itu. Kemudian, di Bank Negara juga ada satu perkhidmatan nasihat kepada pengguna di mana dia ada tandakan *red alert* kepada syarikat-syarikat yang kita kenal pasti melaksanakan perkara-perkara yang melanggar peraturan ini sama ada dalam bentuk *Forex trading* ataupun yang seumpamanya.

Masalah di negara kita ini ialah ramai yang hendak cepat kaya Tuan Yang di-Pertua. Jadi masuklah macam-macam, ada yang beli emas. Selalunya perkara-perkara yang kita anggap *something too good to be true is not true*, itu ia punya falsafah. Perkara-perkara yang kita anggap terlalu baik, katakanlah letak RM1,000 dalam masa sebulan jadi RM10,000, perkara itu tidak benar

sebenarnya. Seperti Skim Pak Man Telo dahululah,. Akan tetapi kita ada AMLATFA sekarang ini dan kita akan gubal supaya skim-skim seumpama ini kita boleh hapuskan dalam negara kita ini.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf yang memberikan pandangan-pandangan mengenai ini dan beliau adalah pakar dalam bidang ini sebenarnya. Beliau menjadi editor kepada satu buku *Islamic financial system*. Tebal bukunya itu dan buku itu dianggap sebagai *textbook* terbaik, buku teks terbaik mengenai sistem kewangan Islam. Dalam dunia buku teks itu adalah yang terbaik dan editornya adalah Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf. Tahniah.

3. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) sedarkah kementerian pelaksanaan gaji minimum di Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak RM800 sebulan seiring dengan Sabah dan Sarawak tidak bertepatan dengan kos sara hidup serta harga barangan keperluan yang tinggi jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia yang lebih rendah; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang mengkaji semula supaya gaji minimum di Wilayah Persekutuan Labuan diselaraskan seperti yang berlaku di Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:

Bismillah Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada tetamu kita di Dewan ini, guru-guru dan pelajar Sekolah Menengah Munshi Abdullah, Sabak Bernam [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) telah diwartakan pada tahun 2012. Gaji minimum sektor swasta di Malaysia telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2013 dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2014. Gaji minimum dilaksanakan juga kepada pekerja asing. Ini kerana sebagai sebuah negara yang menjadi anggota Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan juga telah meratifikasi Konvensyen ILO No. 100, pada tahun 1997 dan adalah menjadi tanggungjawab moral bagi Malaysia untuk melaksanakan gaji minimum tanpa ada diskriminasi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan Yang Berhormat, kementerian bahkan kerajaan sedar bahawa kos sara hidup di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan lebih tinggi berbanding Semenanjung Malaysia berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang mana kadar PGK Semenanjung Malaysia adalah lebih rendah daripada Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

■1040

Berikut adalah kadar gaji minimum berbanding PGK mengikut wilayah. Semenanjung Malaysia kadar perintah gaji minimum tahun 2012 ialah RM900 manakala paras garis kemiskinan ialah 763. Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan RM800 gaji minimum ditetapkan dan paras garis

kemiskinan (PGK) ialah 1,048 manakala Sarawak gaji minimum RM800 ditetapkan dan kadar garis kemiskinan ialah 912.

Walau bagaimanapun, penetapan gaji minimum RM900 bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 bagi Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan adalah langkah permulaan selepas mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) gaji penengah di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berkenaan adalah rendah iaitu RM577 bagi Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan RM738 bagi Sarawak pada tahun 2009, asas sebagaimana kita menentukan gaji minimum;
- (ii) tahap kemampuan majikan yang masih rendah kerana kebanyakan sektor perindustrian di Sabah dan Sarawak masih terlalu berintensif buruh dan bergaji rendah;
- (iii) kesan negatif sekiranya gaji minimum ditetapkan terlalu tinggi pada peringkat awal adalah seperti berikut:
 - (a) kemungkinan majikan-majikan berkenaan akan menghadapi kesukaran kerana tidak mampu menanggung peningkatan kos operasi secara mendadak.

Pelaksanaan awal ini pun Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, kita mendapat rayuan, banyak rayuan. Oleh sebab itulah kita tangguhkan sehingga 1 Januari 2014. Sepatutnya tahun 2012 dah pun diwartakan. Tahun 2013 dilaksanakan. Akan tetapi atas rayuan dan sebagainya, masalah majikan, kita berikan laluan.

- (b) penutupan operasi oleh majikan kerana tidak mampu menanggung kos yang tinggi; dan
- (c) pekerja bakal kehilangan pekerjaan sekali gus menimbulkan pengangguran apabila majikan ditutup.

Berhubungan dengan soalan kedua, untuk makluman yang berkenaan dengan adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula gaji minimum ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia dan Yang Berhormat Senator, Kementerian Sumber Manusia sentiasa serius dalam menambah baik pelaksanaan Dasar Gaji Minimum. Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) pada masa sekarang sedang mengkaji semula Perintah Gaji Minimum 2012. Tahun 2012 kita wartakan gaji minimum, tahun 2013 kita laksanakan. Akan tetapi, kita buat penangguhan sehingga Januari 2014.

Seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 25, Akta 732, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara ini yang menetapkan supaya Majlis Perundingan Gaji Negara mengkaji semula Perintah Gaji Minimum sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua tahun. Maknanya, kalau kita laksanakan pada tahun 2013, maka sekarang sampai masanya patut kita membuat *revision*, dengan izin, kaji semula, semakan balik. Akan tetapi, kita hanya laksanakan 1 Januari, kuatkuasakan 1 Januari.

Sehubungan dengan itu, pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat akan dipanjangkan kepada pihak MPGN bagi diperhalusi dan diteliti dalam proses semakan semula Perintah Gaji Minimum 2012. Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini kita telah mengadakan seminar bersama dengan *International Labor Organization* (ILO), dengan izin, dan *World Bank* bersama MPGN dan Jawatankuasa Teknikal Gaji Minimum. Kita hendak melihat apakah *pros and cons* nya. Apakah penambahbaikan yang perlu kita lakukan supaya kita dapat memperbaiki dan memberikan keuntungan kepada dua pihak iaitu majikan dan juga pekerja.

Ini sedang dibuat oleh pihak MPGN dan kita telah memberi tempoh kepada orang ramai pada 31 Mei baru-baru ini untuk memberikan pandangan, nasihat, teguran dan sebagainya yang perlu kita bawa. Selepas ini kita bentangkan. Majlis Perunding telah berbincang sekarang ini dengan Jawatankuasa Teknikal dan mungkin dia akan bentangkan kepada Kabinet untuk diputuskan kemudian. Jadi agak terlalu awal untuk saya untuk memberikan keputusannya kerana keputusan sebenar belum dibuat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan jua Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya anggap Labuan ini ialah kawasan yang *special*. Walaupun sebuah pulau yang kecil tetapi hatinya besar. Jadi, semakin hari barang semakin naik, tidak turun. Makanan, harga barang dan sewa rumah naik begitu mendadak dan izinkan saya mengatakan terlalu cepat ia "*boom*".

Jadi, adakah kerajaan, kementerian ataupun apa-apa yang berkenaan memikirkan satu mekanisme khusus seperti cadangan diwujudkan elaun khas seperti sistem COLA atau apa-apa sahaja skim elaun tambahan termasuk insentif gaji yang lebih menarik, khusus kepada pekerja peringkat bawahan di Labuan. Lebih menampung kos sara hidup yang tinggi dan akan menjamin sara hidup pekerja sekalian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Orang Labuan memang semangatnya kuat kerana ia ada banyak minyak di Labuan. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat kerana amat prihatin tentang nasib pekerja terutamanya pekerja swasta dan sebagainya. Saya hendak lihat perbandingan sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Negara-negara yang melaksanakan gaji minimum ini, kita di Malaysia kita bagi RM900 di semenanjung, RM800 Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Di Thailand, dibayar hanya RM918. Tinggi sedikit dari kita. Indonesia RM778.60, Vietnam RM384 gaji minimum mereka, Kemboja RM207 bersamaan USD61, Filipina tinggi sedikit RM1,000. Kalau saya hendak banding Tuan Yang di-Pertua dengan Eropah, memanglah Eropah memang tidak boleh kita tandingi. Umpamanya New Zealand, dia bayar RM4,000.

Saya Tuan Yang di-Pertua sebagai manusia, sebagai orang tempatan amat bersetuju kalau kita boleh bayar gaji RM5,000 gaji minimum kepada pekerja, *why not*, dengan izin, kenapa tidak? Ini kerana ia baik untuk mereka. Akan tetapi, apakah mampu majikan kita untuk membayarnya? Kalau kita bayar sendiri RM5,000 sehingga semua majikan tutup dan semua pekerja kita jadi penganggur,

maknanya tahap negara kita akan jadi tahap yang tidak guna tenaga penuh. Ini kesannya. Oleh sebab itulah, saya kira secara perbandingan, gaji minimum yang dibayar ini adalah agak sesuai buat sementara.

Oleh sebab itulah kita ada Majlis Perundingan Gaji Negara yang sedang merundingkan sekarang untuk melihat apakah harus, apakah perkara yang perlu kita tambah baik. Cuma satu saya hendak tambah Tuan Yang di-Pertua, di samping usaha yang kita buat, saya ucapkan terima kasih banyak, kepada kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Malaysia. Melalui kementerian-kementerian yang lain umpama KPDNKK yang telah melaksanakan Kedai 1Malaysia, Klinik 1Malaysia dan lain-lain bantuan yang diberi oleh kerajaan, yang diluluskan dalam bajet tahunan. Umpamanya macam BR1M, bantuan sekolah dan sebagainya, ini adalah antara usaha kerajaan membantu mengurangkan beban sara hidup penduduk kita.

Saya tahu Tuan Yang di-Pertua, memang di Labuan, Sabah dan Sarawak ini memang taraf hidupnya tinggi. Akan tetapi, kita harap sesuatu yang positif akan dapat dilahirkan oleh kerajaan. Tentang COLA ini, sebenarnya pada saya, saya melihat sebagai terminologi sahaja. Saya ada pendekatan saya, saya hendak lihat COLA ini, *how to solve the problem*, COLA punya *problem*, dengan izin. Bagaimana hendak mengatasi? COLA ini ialah *cost of living allowance*. Sedangkan kalau kita lihat, apa juga program yang dibuat oleh kerajaan melalui bantuan-bantuan sama ada persekolahan, BR1M dan lain-lain bantuan PPRT dan sebagainya, semua bertujuan untuk menurunkan beban, tanggungjawab, beban kesan hidup yang dirasai oleh penduduk kita.

Cuma saya ucap terima kasih banyak. COLA ini salah satu pandangan yang diberikan bukan sahaja oleh Yang Berhormat Senator tetapi pekerja-pekerja kita. Kita akan lihat bagaimana harus kita lakukan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah apakah tindakan pihak kementerian sekiranya pelaksanaan gaji minimum tidak dapat dilaksanakan oleh pihak majikan kerana kontrak, tender tidak dikaji semula, mengguna pakai harga lama sebelum pelaksanaan gaji minimum ini? Ini berlaku di Kementerian Pelajaran di mana untuk tender pembersihan dan juga tender kawalan keselamatan. Mohon untuk jawapan.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

■1050

Saya sebagai orang yang bertanggungjawab bersama Yang Berhormat Menteri dan seluruh jentera di dalam Kementerian Sumber Manusia. Kita akan menguatkuasakan. Kita menguatkuasakan pelaksanaan gaji minimum ini. Melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia kita telah melakukan cukup banyak tindakan dalam kita memastikan supaya pelaksanaan gaji minimum ini dapat dilaksanakan secara yang terbaik. Umpamanya saya hendak sebut- pada sehingga April sahaja- saya ambil April, kita dalam bukan Mei ini kita sudah buat lagi tindakan penguatkuasaan

ini. April sahaja kita telah melaksanakan pemeriksaan berkanun, sebanyak 11,123 pemeriksaan berkanun pada seluruh majikan-majikan yang sepatutnya melaksanakan ini.

Pada bilangan yang mematuhi pelaksanaan gaji minimum ini sebanyak 10,873, makna 98% dan yang tidak mematuhi ialah 250, 2% sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ini menunjukkan bahawa kadang-kadang sebab itulah kita peringkat awal kita tidak terus buat *enforcement*. Penguatkuasaan ini pada kita adalah langkah akhir, yang penting bagaimana kita boleh memberi kesedaran kepada majikan supaya mereka bertanggungjawab kepada pekerja mereka kerana tanpa mereka, tanpa pekerja tidak ada majikan. Tanpa majikan, juga pekerja tidak ada sebab itu *win-win situation*, dengan izin. *Tripartite* punya semangat mestilah ada antara majikan dan pekerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, atas soalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat khusus dalam sektor kesihatan, perubatan ya? Ya? Saya ingat dua sektor yang sedang kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kesihatan dan juga pendidikan. Melibatkan pekerja-pekerja keselamatan, pekerja-pekerja buruh sebagainya. Walau bagaimanapun, ada sebahagian daripada mereka telah pun- cuma saya tidak hendak mengambil ini. Cuma kita berharap mungkin Kementerian Kesihatan saya yakin di bawah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa kerajaan akan prihatin untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. **Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, hasil penyiasatan dan punca kejadian insiden gangguan bekalan elektrik (*blackout*) yang berlaku di enam negeri pada 7 Mei 2014 dan sama ada tindakan akan diambil terhadap mereka yang didapati tidak bertanggungjawab atau bersalah atas kejadian ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Selamat pagi dan selamat sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan atas soalan nombor empat yang berkaitan dengan gangguan bekalan elektrik pada 7 Mei 2014 di Semenanjung, yang bertanyakan soalan mengenai dengan punca kejadian dan juga tindakan yang diambil terhadap mereka yang didapati tidak bertanggungjawab.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, punca berlakunya dipanggil lucutan beban pada 7 Mei 2014 adalah kerana kekurangan rizab operasi penjana (*generation operate reserve*) akibatnya terjadilah henti tugas yang tidak dirancang, *force outage* mencecah 4,120 Megawatt mengakibatkan 19% daripada keupayaan penjana terpasang tidak dapat digunakan untuk memenuhi permintaan elektrik. Jadi pada hari itu kehilangan 4,120 Megawatt. Ini mengakibatkan pada hari tersebut rizab operasi penjana berada pada tahap yang kritikal dan bahaya.

Sejajar dengan *emergency response plan* untuk mengelakkan kejadian *national blackout* pada sistem grid Semenanjung, pengendali sistem grid (GSO) terpaksa mengambil langkah untuk melucutkan beban. Mengikut *rotational load sharing plan*, dengan izin. Antara sebab kita kehilangan 4,120 Megawatt pada hari itu yang pertamanya ialah Stesen Jana Kuasa Manjung (Jana Manjung) kehilangan 2,100 Megawatt daripada tiga unit penjana. Dua unit daripada Jana Manjung terpaksa di

henti tugas dan satu unit ada kerosakan yang hendak dibaiki. Jadi kehilangan 2,100 Megawatt dari stesen jana kuasa di jana kuasa Manjung telah memberi impak yang besar kepada kapasiti yang tersedia dalam sistem.

Keduanya, pada 6 Mei 2014 terdapat dua henti tugas tidak berjadual fasiliti gas hulu (*upstream gas facility*) dengan izin, yang telah mengakibatkan kekangan bekalan gas kepada sektor penjanaan elektrik. Ini telah menyebabkan kehilangan bekalan gas sebanyak *420 million standard cubic feet per day*. Kepada sektor elektrik, di mana jumlah yang diperuntukkan pada 6 Mei 2014 hanyalah pada kadar *1,250 million metric standard cubic feet per day* berbanding dengan keperluan sebenar sebanyak 1,600. Walaupun fasiliti gas hulu telah kembali beroperasi pada 7 Mei 2014, peruntukan kepada sektor elektrik masih dihadkan kepada 1,300 untuk memastikan tekanan dalam paip berada pada tahap yang memuaskan.

Ketiganya, Jana Kuasa Tunku Jaafar dan Jana kuasa Kapar sebanyak 670 Megawatt telah kehilangan kapasitinya pada 7 Mei 2014.

Berikutan kekangan dalam kapasiti penjanaan oleh henti tugas tidak berjadual dan unit-unit penjanaan arang batu serta keadaan bekalan gas yang terhad, penggunaan bahan api *distillate* bagi 19 unit penjanaan gas terpaksa dilakukan pada 7 Mei 2014. Penggunaan *distillate* sebanyak 15 juta liter bagi unit-unit penjanaan gas turut menyebabkan unit-unit penjanaan tersebut menjana pada tahap yang rendah daripada keupayaan sebenar. Ini turut menyumbang kepada kekurangan kapasiti dalam sistem.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana IPP yang tidak beroperasi selaras dengan perjanjian pembelian tenaga PPA masing-masing boleh dikenakan denda serta penalti. Antara denda yang dikenakan termasuklah pemotongan bayaran kapasiti yang sewajarnya bagi unit-unit yang terlibat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita semua harap kejadian yang berlaku pada 7 Mei 2014 tidak akan berulang. Balik ke soalan tambahan dua, dua soalan tetapi ada kaitan.

Memandangkan kerajaan akan terus melaksanakan *fuel cost pass-through mechanism* itu yang akan mengakibatkan *tariff electricity* dinaikkan setiap bulan, selaras dengan pengurangan subsidi untuk gas yang digunakan untuk penjanaan tenaga. Soalan saya satu, sama ada kerajaan akan mempertingkatkan lagi *negotiation* dengan IPP ini, penjana kuasa bebas supaya dapat mengurangkan *capacity payment*. Bukan sahaja untuk *first generation IPP* yang sedang *negotiate* pembaharuan konsesi, pembaharuan perjanjian tetapi juga untuk semua IPP supaya mengurangkan *capacity payment*. Salah satu sebab kerana harga arang telah kurang bukan sahaja pasal harga kurang itu, harga arang telah kurang tetapi secara keseluruhan supaya kita dapat mengurangkan *capacity payment* dan supaya kadar tidak meningkat begitu teruk, itu satu.

Kedua, adakah benar *MyPower Corporation* yang dipertanggungjawabkan untuk melakukan *reform* dalam sektor industri *electricity* ini akan dibubarkan pada bulan September tahun ini. Jika

benar, *MyPower* itu akan dibubarkan, dan siapa yang akan ambil tanggungjawab untuk melakukan *reform* dalam sektor ini? Itu soalan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

■ 1100

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Chandra Mohan atas soalan tambahan yang berkaitan dengan *fuel cost pass through* dan juga *negotiation* di antara kerajaan dengan *independent power plants*, dengan izin, IPP yang ada yang beroperasi di negara kita pada waktu ini yang mempunyai sentimen yang disebut oleh Yang Berhormat Senator ada *first generation, second generation, third generation and fourth generation*, dengan izin.

Pertamanya mengenai dengan suka saya sebut di sini bahawa kerajaan telah memutuskan bahawa semua pihak yang hendak memasuki industri penjanaan kuasa elektrik yang terbaru ini hendaklah mengikuti secara *competitive bidding* dari segi harga yang hendak dijual kepada TNB pada kadar yang telah- saya kira semua IPP mengetahui jumlah yang sebenar berasaskan daripada kos yang disebut oleh Yang Berhormat tadi sama ada datang daripada arang batu atau pun datang daripada gas.

Sekarang ini dalam penjanaan kuasa tenaga elektrik di negara kita, kita boleh katakan bahawa separuh 50% daripada penjanaan itu datang daripada gas. Kalau hendak lebih pun barangkali dalam 1% dan 2%. Selebihnya datang daripada penjanaan melalui arang batu, hidro elektrik lebih kurang 8% Tuan Yang di-Pertua dan 2%nya adalah daripada *renewable energy* atau pun teknologi hijau. Kita lihat bahawa yang kerajaan tanggung ialah yang salah satunya adalah kos penjanaan melalui gas. Di mana harga gas dalam pasaran kalaulah Petronas ambil gas itu dan jual di Jepun, harganya lebih kurang RM45 per MMBtu.

Akan tetapi harga gas yang dijual untuk tujuan penjanaan elektrik pada hari ini ialah RM15.70 per MMBtu. Maknanya keuntungan yang dilepaskan oleh Petronas bagi tujuan memberi subsidi kepada bekalan untuk tujuan bekalan elektrik itu. Contohnya pada tahun 2013 lebih kurang RM13 bilion yang dilepaskan keuntungan itu semata-mata untuk membolehkan kita mempunyai tarif elektrik pada kadar yang ada hari ini. Sekarang *average* Tuan Yang di-Pertua, tarif elektrik TNB kepada domestik bermula daripada 21.8 sen hingga 38 sen per kilowatt *hour*. Maknanya itulah harga sebab gas tadi kita beli pada harga RM15.70 per MMBtu. Akan tetapi kalau harga gas kita beli pada harga RM45 per MMBtu, tarif elektrik kita saya tidak fikir berada pada kadar 38 sen per kilowatt *hour*.

Mungkin kadarnya menjadi 75 sen atau 78 sen per kilowatt *hour* dan tentulah harga ini sangat membebankan rakyat. Maka keputusan kerajaan walaupun pada tahun lepas kita telah buat rasionalisasi subsidi menaikkan sedikit daripada jumlah tarif itu tetapi kita sedar bahawa kenaikan itu bukan untuk membebankan. Ini kerana kenaikan itu terpaksa sebab kos operasi yang semakin meningkat. Jadi sebab itu bila Yang Berhormat sebut mengenai *fuel cost pass through* itu tadi mengenai dengan rundingan yang berjalan antara pihak kerajaan dengan pihak IPP, ianya adalah sesuatu yang berterusan kerana kita ada kontrak yang pada bila sampai masanya kita duduk dan kita berunding untuk kita melihat harga pada waktu itu.

Keduanya mengenai dengan *MyPower*, benar seperti Yang Berhormat Senator sebut bahawa ia akan dibubarkan pada September 2014 selaras dengan keputusan Jemaah Menteri. Perkara-perkara yang telah dikenal pasti dalam transformasi industri bekalan elektrik akan diteruskan pelaksanaannya oleh pihak Suruhanjaya Tenaga dengan pemantauan oleh pihak Kementerian Tenaga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Boon Som a/l Inong: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, soalan yang begitu baik dan jawapan yang begitu baik, sungguh pun *very technical*. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Lim.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Jangan lupa bukan saja domestik yang gunakan elektrik tetapi semua pihak gunakan elektrik. Gerai, kilang, *shopping mall*, dan sebagainya. Jadi bila apabila tarif elektrik telah dinaikkan dan *costing* mereka pun juga naik dan bila *costing* sudah naik dan harga apa-apa barang akan dinaikkan. Dengan izin, *at the end of the day*, yang mengguna akan tanggung semua *costing* itu. Jadi hal ini akan melibatkan *inflation*. Jadi selain daripada meningkatkan tarif elektrik, adakah apa-apa langkah yang lebih baik?...

Tuan Yang di-Pertua: Lebih proaktif.

Dato' Lim Nget Yoon: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi itulah soalan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, benar kalaulah kita melihat, kita mengambil ukuran dari segi ekonomi secara keseluruhannya di seluruh dunia sebenarnya kita menghadapi masalah yang berkaitan dengan sama ada kenaikan harga barang, kenaikan kos bahan api dan semua jenis kenaikan ini adalah, saya ingat melibatkan negara-negara di seluruh dunia.

Jadi salah satu perkara yang menjadi terkesan dalam negara Malaysia juga adalah berkaitan dengan kenaikan harga barang. Yang Berhormat Senator, sukalah saya sebut di sini bahawa seperti yang saya sebutkan tadi kerajaan telah melihat dalam semua aspek terutamanya berkaitan dengan pemberian subsidi kepada rakyat. Salah satu yang saya sebut tadi subsidi gas atau pun keuntungan yang dilepaskan berjumlah RM13 bilion. Itu tidak masuk lagi subsidi-subsidi yang lain seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu bahawa kita tiap-tiap tahun telah membelanjakan RM44 bilion untuk subsidi kepada rakyat.

Jadi sudah tentulah dengan jumlah yang besar ini dengan kenaikan di semua pihak termasuklah bahan api yang saya sebutkan tadi, maka kita tidak ada pilihan. Itu fasa yang pertama 1 Januari 2014. Walau bagaimanapun kerajaan mengambil kira semua pertimbangan seperti perkataan diguna oleh Tuan Yang di-Pertua proaktif. Kerajaan juga proaktif untuk melihat bagaimana kaedahnya supaya ianya tidak membebankan rakyat. Jadi dalam masa yang terdekat ini kerajaan sedang berbincang Tuan Yang di-Pertua untuk menggunakan kewangan atau pun sejumlah kewangan yang dibayar oleh IPP kepada kerajaan untuk digunakan bagi melepaskan beban yang rakyat tanggung itu dengan menggunakan wang ini dalam isu kenaikan tarif sekiranya berlaku dalam tahun ini untuk kali yang kedua.

Maknanya kita guna, kita mengambil peruntukan lain. Kita tidak pergi kepada kenaikan tarif. Bermakna rakyat tidak membayar tetapi kita mencari sumber yang lain untuk membayar kepada kenaikan itu. Itu sebahagian daripada tanggungjawab kerajaan yang kerajaan pikul, kerajaan buat. Jadi maknanya macam yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Senator Mohan bahawa memang kena ada kenaikan berasaskan daripada kos operasi bahan api ini memang ada kenaikan. Akan tetapi kerajaan kena cari sumber yang lain lah untuk menampungnya itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■ 1110

5. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, langkah pendekatan yang diambil bagi meningkatkan lagi produk industri halal negara khususnya yang dipasarkan ke luar negara sekali gus meningkatkan nilai eksport negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Soalan ini pun soalan yang mungkin Yang Berhormat Senator telah sedia maklum jawapan dia kerana beliau saya fikir lebih mengetahuinya. Akan tetapi untuk makluman semua.

Jadi bagi menggalakkan atau menjawab soalan tersebut bagi menggalakkan pertumbuhan industri halal khususnya untuk kita lebih eksport produk ke luar negara, pertamanya agensi telah pun menjalinkan usaha sama dengan lima buah negara iaitu Jepun, Korea Selatan, China, Taiwan dan Hong Kong untuk membuka lebih banyak akses kepada pasaran produk dan perkhidmatan halal dirantau Asia Timur.

Contohnya dengan Jepun HDC telah pun tandatangan MoU dengan *Authority Company Limited* pada bulan Jun tahun lepas. Kerjasama merangkumi penyediaan latihan halal dan ilmiah dan pelaburan bagi meningkat pengaliran pelaburan dan perdagangan dua hala. Itu satu perkara. Pada masa yang sama juga HDC bekerjasama dengan agensi-agensi pelaksana pembangunan usahawan seperti MARA dan Teraju bagi melibatkan lebih ramai lagi penyertaan usahawan tempatan dalam ekonomi yang berkaitan dengan industri halal.

Kerjasama ini termasuklah beberapa inisiatif yang telah pun dilaksanakan. Di antaranya menjenamakan semula kawasan industri MARA kepada Taman Halal MARA. Keduanya, HDC-HDC memainkan peranan sebagai fasilitator membantu mewujudkan akses kepada pasaran domestik serta global dengan kerjasama *Tesco, Mydin, Aeon* dan *Giant*. Juga yang penting HDC mengadakan bengkel-bengkel amalan- ini penting Tuan Yang di-Pertua. Mengadakan bengkel-bengkel amalan baik dalam perniagaan seperti *Good Manufacturing Practice (GMP), Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP)* dan juga persijilan halal itu sendiri bagi bumiputera sebagai persediaan menembusi pasaran global. Ini sebagaimana yang dituntut, yang disyaratkan oleh pengimport daripada luar negara dan juga program *mentoring* untuk usahawan yang dikendalikan secara bersama dengan HDC, SME Corp dan Nestle Malaysia dan lain-lain lagi.

Ketiga, HDC menyelaras pembangunan taman-taman halal di Malaysia. Setakat ini ada 21 taman hala yang mana 13 daripadanya telah pun mendapati status halal.

Keempat Matrade dan juga *SME Corp* berperanan terus membantu PKS bagi mengembangkan pasaran mereka ke peringkat global.

Selain daripada Matrade menganjurkan Perdagangan Halal Antarabangsa Kesebelas baru-baru ini di Kuala Lumpur bulan April yang lalu serta beberapa lagi pameran pedagang di luar negara. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan yang pertama Yang Berhormat Senator Puan Shahanim.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertamanya saya hendak mengucapkan tahniah kepada *Halal Development Corporation* (HDC) dan juga MITI kerana jumlah eksport industri halal pada hari ini melebihi 30 bilion dan meletakkan Malaysia sebagai negara pengeksport produk halal yang terbesar.

Walau bagaimanapun, kalau dilihat permintaan dunia Malaysia mampu mencatat 100 bilion dengan kerjasama pelbagai agensi yang terlibat dengan tujuan yang sama. Akan tetapi saya tidak lihat ada agensi yang mengadakan promosi khusus untuk produk halal Malaysia di peringkat antarabangsa. Jadi dalam pengetahuan saya promosi produk halal Malaysia ini hanya menumpang promosi-promosi ke luar negara yang di buat oleh Matrade dan tidak ada promosi khusus untuk industri halal.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, kenapa peruntukan tidak diberi kepada mana-mana agensi yang khusus untuk mempromosi produk halal di peringkat antarabangsa? Maksud saya agensi yang khusus untuk produk industri halal ini seperti HDC ataupun SME Halal. Oleh kerana saya takut Malaysia pada hari ini kerugian kerana pada hari ini negara-negara yang bukan Islam seperti China dan Thailand telah berebut-rebut untuk mengambil peluang ini. Jadi saya pohon Yang Berhormat untuk memberi sedikit penerangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff. Benar eksport produk halal tahun lepas ialah lebih 30 bilion, 32.8 bilion. Kedua kalau mengikut rekod anggaran adalah *talent* RM30 bilion. Angka kita lebih tepat kerana kita ada HDC ada *warehouse* di situ. Jadi angka kita lebih tepat berbanding dengan negara-negara lain.

Akan tetapi di Thailand mereka lebih mengeksport produk makanan. Saya bersetuju setakat ini HDC amat-amat kurang peruntukan untuk menganjurkan pameran, promosi dan sebagainya di luar negara. Saya setuju. Jadi setakat ini terpaksa HDC bekerjasama dengan Matrade dan mungkin juga beberapa agensi lain bagi tujuan tersebut di luar negara.

Untuk dengan izin, *wave forward* HDC perlu diperkasakan bagi tujuan tersebut. Secara kebetulan Tuan Yang di-Pertua, hari ini Yang Berbahagia Tan Sri KSN sendiri telah pun memanggil HDC untuk membentangkan rancangan hadapan mereka dalam usaha untuk meningkatkan lagi

eksport produk halal di dalam negara Malaysia ke luar negara. Dari segi kapasitinya, latihannya, kesedarannya dan semua perkara supaya HDC mampu untuk berperanan seperti MIDA dan Matrade.

Buat masa ini HDC terpaksa bekerjasama dengan MIDA untuk mendapatkan pelaburan atau pelabur-pelabur daripada luar negara, pelabur-pelabur dalam negara. Dalam pada masa yang sama juga HDC terpaksa seolah-olah merayu, menuntut dengan Matrade untuk mempromosi produk halal di luar negara.

Jadi saya akui buat masa ini memang agak terhad perjalanan HDC itu sendiri. Mudah-mudahan perbincangan dengan Yang Berbahagia Tan Sri KSN ini berjaya. *Insyah-Allah* rancangan kita untuk memperkasa HDC itu sebagai MIDA atau seumpama MIDA dan juga Matrade akan berjaya dalam masa yang terdekat. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: *[Bangun]*

Datuk Lihan Jok: *[Bangun]*

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: *[Bangun]*

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua saya ada lagi satu soalan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Cukuplah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat soalan tambahan ada?

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tadi satu, ini yang nombor dua.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat kena tanya sekali sahaja.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sekali sahaja.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat yang baru tidak apa. Lain kali- sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Abdul Rahman.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, apakah semua produk makanan, ubatan khususnya dan institusi yang lain amnya yang ada dalam negeri sama ada secara import atau *local* mendapat sijil halal dari JAKIM. Kalau ya, baguslah. Kalau tidak adakah, bagaimanakah langkah MITI untuk mengurus isu halal dan haram ini? Terima kasih.

■1120

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman, setakat ini dan sebagaimana yang kita maklum hanya JAKIM sahaja yang diperuntukkan kuasa untuk melaksanakan persijilan halal. Tidak ada lain organisasi. Kecuali yang dibenarkan oleh JAKIM iaitu Jabatan Agama di peringkat negeri-negeri, itu sahaja. Semuanya di bawah kawalan JAKIM dan tidak ada syarikat yang dilantik dibenarkan untuk melakukan audit dan sekali gus mengeluarkan sijil halal tidak ada. Jadi ini juga- isu ini seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi juga akan sama-sama dibincangkan oleh agensi bersama dengan KSN *insyallah* pada petang ini. Sekian, terima kasih.

6. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta Menteri Kerja Raya menyatakan, berapakah jumlah kutipan *Touch 'n Go* yang tidak digunakan akibat kehilangan atau kemusnahan kad T&G yang masih mempunyai nilai. Berikan jumlah keseluruhan sehingga kini dan apakah cadangan dan tindakan Kerajaan dalam memastikan duit tersebut dikembalikan kepada rakyat semula atau dapat meringankan kos perjalanan pengguna *Touch 'n Go*.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pembayaran *electronic Touch 'n Go* dengan aplikasi e-Dompet yang memudahkan orang ramai untuk membuat pembayaran secara mikro.

Perkhidmatan *Touch 'n Go* ini boleh digunakan di segmen runcit terpilih, tempat parkir, pengangkutan awam dan merupakan sistem pembayaran tol elektronik tunggal di semua lebuhraya. Sehingga 31 Mei 2014, terdapat 15.7 juta kad *Touch 'n Go* yang telah dikeluarkan oleh *Touch 'n Go* Sdn. Bhd. sejak ia memulakan operasi pada tahun 1997. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan 7.9 juta kad *Touch 'n Go* masih lagi aktif digunakan manakala bakinya sebanyak 7.8 juta kad lagi dikategorikan sebagai kad tidak aktif.

Untuk tempoh dari tahun 2006 hingga tahun 2013, *Touch 'n Go* Sdn. Bhd. telah menerima aduan melibatkan 158,000 kes kehilangan atau kerosakan kad *Touch 'n Go*. Daripada jumlah tersebut, nilai baki kad keseluruhan yang telah dipulangkan semula oleh *Touch 'n Go* Sdn. Bhd. kepada para pelanggan yang membuat tuntutan itu ialah sebanyak RM11 juta. Manakala untuk kes baki nilai kad *Touch 'n Go* yang tidak dituntut pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tempoh yang sama terdapat hampir 55,000 kad yang masih lagi berbaki dan tidak dituntut dengan nilai keseluruhan dana terkumpul sebanyak RM2.9 juta.

Wang ini kemudiannya diserahkan kepada kerajaan selaras dengan peruntukan seksyen 10(1) atau Wang Tidak Dituntut 1965 Pindaan 2002. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak jumlah Yang Berhormat. Baiklah seterusnya, soalan tambahan seterusnya, saya silakan Yang Berhormat Puan S. Bagiam.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Soalan tambahan saya adalah apakah kerajaan bercadang untuk menambah baik sistem pendaftaran kad *Touch 'n Go* ini agar setiap pembeli mempunyai satu kad yang berdaftar atas nama pembeli itu sendiri dan jika didapati hilang atau musnah, kad *Touch 'n Go* ini boleh digantikan dengan segera termasuk baki dalam kad tersebut.

Kad pengenalan kita juga mempunyai kemudahan *Touch 'n Go* dan apakah baki kad ini dapat dimasukkan dalam permohonan baru jika kad pengenalan itu hilang, musnah atau tercicir. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Memang benar Yang Berhormat, seperti yang dikatakan pihak syarikat

Touch 'n Go bekerjasama dengan pihak LLM atau Lembaga Lebuhraya Malaysia dan sudah tentu Kementerian Kerja Raya akan sentiasa menambah baik perkhidmatan terutama sekali yang melibatkan kad *Touch 'n Go* ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, ini merupakan satu polisi kerajaan di mana kita menggalakkan penggunaan *Electronic Toll Collection* Yang Berhormat ataupun lebih dikenali sebagai sistem ETC.

Di mana kita sasarkan 80% penggunaan ETC ini di lebuhraya yang terletak di bandar raya dalam bandar Yang Berhormat dan 60% pula sasaran di lebuhraya antara bandar. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada saat ini pencapaiannya daripada 80% sasaran kita telah mencapai sebanyak 65% di lebuhraya bandar dan di antara bandar daripada 60% kita sudah mencapai 54%. Mengapa Yang Berhormat, kita menggalakkan ETC ini antaranya adalah untuk mengurangkan kesesakan di tol-tol yang terlibat Yang Berhormat.

Penggunaan ETC ini secara penuh ataupun total, ETC sistem telah dilaksanakan di beberapa lebuhraya kita termasuklah di link kedua Malaysia-Singapore iaitu di Perling, Tanjong Kupang dan Lima Kedai. Di Lebuhraya PLUS sendiri Yang Berhormat, di Kempas dan juga Bangunan Sultan Iskandar. Jadi untuk menjawab persoalan yang telah ditanya oleh Yang Berhormat itu sudah tentu kerajaan sentiasa dan ini merupakan salah satu langkah kita untuk memperbaiki dan menambah baik sistem yang sedia ada.

Satu kajian juga telah dibuat di antara pihak *Touch 'n Go*, pihak LLM dan juga pihak KKR sendiri untuk di mana kita ingin melihat penggunaan ETC ini dapat dilakukan secara keseluruhan dan sekali gus menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat mengenai isu-isu teknikal tadi ya. Penggunaan kad diganti semula dan sebagainya.

Ini akan merangkum dan ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, kajian ini akan dibentangkan di Majlis Ekonomi tidak lama lagi oleh semua pihak yang terlibat seperti yang saya sebutkan tadi untuk proses penambah baik perkhidmatan kita. Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian berhasrat untuk menggantikan SmartTAG dengan sistem pengendalian frekuensi radio dan apakah jaminan kerajaan ataupun kementerian bagi merendahkan harga sistem ini berbanding dengan sistem SmartTAG yang kini berharga RM120. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat dan tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat sebagai Ahli Senator. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini sedang meneliti beberapa cadangan daripada pelbagai pihak mengenai teknologi kutipan tol Tuan Yang di-Pertua bagi mengurangkan masalah kesesakan di plaza-plaza tol terutama sekali yang plaza-plaza tol di negara kita ya. Ini termasuklah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat iaitu cadangan penggunaan Sistem Pengenal Frekuensi Radio atau lebih dikenali sebagai (RFID) sebagai alternatif kepada *Touch 'n Go* dan peranti SmartTAG bagi tujuan kutipan tol secara elektronik ataupun ETC tadi.

Namun Yang Berhormat, cadangan pelaksanaan RFID ini memerlukan persetujuan semua pihak yang berkepentingan termasuklah pemegang konsesi lebuhraya kita. Sehubungan itu kerajaan masih lagi meneliti secara terperinci aspek-aspek yang berkaitan teknikal dan juga perundangan yang berkaitan dengan sistem kutipan tol elektronik secara keseluruhan sebelum kita memutuskan pelaksanaan teknologi ETC yang bersesuaian termasuklah cadangan penggunaan sistem RFID tadi. Bagi menambah mengenai persoalan yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam tadi, terutama sekali dari segi penggunaan kad pengenalan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, baki nilai di dalam kad pengenalan tersebut bolehlah dipindah ke permohonan untuk kad yang baru.

■1130

Begitu juga syarikat *Touch N' Go* melaksanakan sistem pendaftaran yang sistematik dan kehilangan kad pada ketika ini boleh diganti dengan segera iaitu dalam masa 24 jam Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

7. **Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bekalan makanan harian dan yang lain keperluan asas mencukupi menjelang bulan Ramadhan dan musim perayaan yang akan tiba tidak lama lagi.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah di atas soalan pada kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bertanggungjawab untuk memastikan barangan kawalan adalah mencukupi melalui Akta Kawalan Bekalan 1961. Apatah lagi kita akan menghadapi bulan Ramadhan ataupun bulan puasa dalam tempoh beberapa hari lagi dan juga sambutan Aidilfitri yang akan datang. Oleh itu, beberapa langkah kawalan yang diambil oleh kementerian bagi memastikan dan menjamin kestabilan barang, antaranya ialah:

- (i) kita meminta pihak pengeluar meningkatkan kapasiti pengeluaran barang kawalan semasa musim perayaan;
- (ii) kita melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan pada musim-musim perayaan utama iaitu perayaan Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Hari Keamatan, dan juga Hari Gawai;
- (iii) kita mewujudkan jawatankuasa pewujudan satu jawatankuasa khas menangani kos sara hidup bagi menghasilkan kerjasama dengan semua

kementerian dan juga agensi yang bertanggungjawab dalam memastikan bekalan berterusan pada harga berpatutan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri;

- (iv) menangani isu ketirisan dan juga penguatkuasaan dengan cara mewujudkan *special task force*, dengan izin, bersama dengan agensi-agensi yang berkaitan;
- (v) kita meneruskan projek pengedaran barang-barang perlu seperti gula, tepung gandum, minyak masak dan bahan api di kawasan pedalaman di seluruh negara terutamanya di Sabah dan juga di Sarawak;
- (vi) kita mengadakan sesi *engagement* secara berkala dengan industri pengilang, pemborong, dan juga persatuan bagi mendapatkan maklum balas dan memastikan bekalan barang keperluan adalah mencukupi; dan
- (vii) kita juga memperbanyakkan operasi-operasi di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan juga Akta Kawalan Bekalan 1961.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan soalan tambahan Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah.

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang baik itu. Ada laporan yang menyatakan bahawa pengimportan daging lembu dari India akan berkurangan. Kita sedia maklum bahawa negara Thailand, Myanmar, dan Vietnam lebih suka menjual lembunya ke China dan pengeksport-engeksport dari negara Australia juga lebih suka berurusan dengan negara China dan Indonesia berbanding dengan Malaysia oleh kerana *volume*, dengan izin, pembelian dan lebih besar dari kedua-dua buah negara yang disebutkan tadi. Oleh kerana kekurangan bekalan, maka harga lembu dan daging di Malaysia telah meningkat naik dan dijangkakan pada musim perayaan ini harga akan melambung tinggi, mungkin mencecah RM32 hingga RM35 sekilo.

Apakah usaha dan tindakan kerajaan untuk mengawal perkara ini? Bersangkutan dengan perkara ini, sila maklumkan, berapakah jangkaan sumbangan pengeluaran daging lembu daripada pengusaha sistem fidlot yang telah disediakan oleh pihak kerajaan terutamanya untuk bulan Ramadhan dan musim perayaan Aidilfitri dan apakah persiapan untuk menghadapi Hari Raya Korban yang juga tidak lama lagi? Itu soalan saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Mengenai pengimportan lembu dan juga daging dari luar negara, ini adalah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya dimaklumkan bahawa ada perbincangan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan negara-negara pengeluar yang lain. *Insyah-Allah*, saya yakin dan saya percaya bahawa perbincangan untuk mengimport lembu

dan juga daging dari negara lain selain dari India, Thailand, dan sebagainya sedang diusahakan. Jaminan telah pun diberi oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bahawa bekalan daging lembu dan sebagainya akan mencukupi sepanjang tempoh perayaan ataupun sambutan Ramadhan dan perayaan Aidilfitri.

Mengenai dengan jumlah Yang Berhormat, saya akan bekalkan angka ini kemudian. Mengenai dengan persiapan-persiapan untuk kita menghadapi musim ataupun bulan Ramadhan ini dan juga musim perayaan, beberapa langkah persiapan yang telah kita ambil terutama sekali untuk memastikan supaya kita dapat mengawal harga-harga terutama sekali di bazar-bazar Ramadhan yang kita lihat dan kita percaya penumbuhan bazar-bazar Ramadhan begitu banyak apabila menjelang bulan Ramadhan. Ini kerana bulan Ramadhan ini seolah-olah adalah satu pesta makanan yang wujud di seluruh negara. Saya berkata begitu kerana dalam bazar-bazar Ramadhan ini akan wujud jenis-jenis makanan yang kadang-kadang jarang kita dapat selain dari dalam bulan Ramadhan.

Jadi untuk itu, kita telah mengadakan penguatkuasaan oleh pegawai-pegawai penguat kuasa, bukan sahaja di bawah KPDNKK tetapi juga kadang-kadang bersama dengan agensi-agensi yang lain untuk kita memastikan supaya jualan di bazar-bazar Ramadhan ini mematuhi apa yang telah ditetapkan oleh kementerian. Jadi, pemantauan ini kita adakan pada tiap-tiap hari menjelang bulan Ramadhan ini di seluruh negeri kerana kita yakin dan kita percaya mungkin ada juga kesempatan yang diambil oleh peniaga-peniaga ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi segi premis yang menjual barang-barang keperluan harian ini, pada tiap-tiap hari Isnin kita adakan pemantauan dan bagi bazar-bazar Ramadhan, barang-barang siap masak seperti kuih-muih, minuman, lauk-pauk, dan sebagainya pada tiap-tiap hari Rabu minggu pertama pada setiap bulan. Pemantauan ini kita buat berkala dan *insya-Allah*, daripada pemantauan ini kita dapat pastikan supaya mereka mengikut ketetapan yang telah ditetapkan oleh kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bulan perayaan akan tiba tidak lama lagi, maka permintaan terhadap bahan-bahan tertentu melebihi daripada penawaran dan sering terjadi harga barang tertentu mengalami kenaikan harga yang mendadak. Kalau ditanya- tidak perlu tanya pun orang kampung sudah tahu, dalam bulan puasa ini, ayam pastinya akan naik, telur akan naik.

■1140

Jadi, saya hendak tanya, adakah usaha-usaha kerajaan untuk membuat satu *stockpile* (stok penimbal) yang ditaja oleh kerajaan untuk membeli barang-barang keperluan semasa yang murah dan mengeluarkan semasa musim perayaan seperti mana yang diamalkan di Amerika Syarikat, di Filipina, Singapura dan juga di Jepun. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat *stockpile* yang disebutkan oleh Yang Berhormat, saya difahamkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ada menyediakan *stockpile* barang-barang keperluan harian seperti ayam, daging, ikan dan sebagainya. Untuk kita memastikan supaya barangan ini akan didapati oleh pengguna di seluruh negara, kita telah mendapat jaminan daripada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA. Seluruh pasar tani di seluruh negara akan dipastikan supaya semua barang keperluan seperti Yang Berhormat sebut tadi akan mencukupi di pasar tani-pasar tani di seluruh negara.

Jadi, untuk mengekang daripada harga yang lebih daripada yang ditetapkan, tiap-tiap kali musim perayaan kita telah mengadakan satu skim kawalan harga musim perayaan. Itu bila menjelang Hari Raya Puasa nanti. Jadi, *insya-Allah* kementerian akan mengumumkan sebelum bulan Ramadhan ini mengenai dengan harga-harga di bawah skim kawalan harga musim perayaan Hari Raya Puasa tahun 2014 dalam tempoh yang terdekat sebelum bulan Ramadhan. Ini kerana kita hendak memastikan supaya melalui skim kawalan ini semua barang keperluan untuk musim perayaan ini akan dijual mengikut harga yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Jadi, sebelum kita menetapkan harga ini kita telah adakan perjumpaan dan juga perbincangan dengan pengilang dan juga pemborong serta persatuan untuk memastikan supaya harga yang akan kita tetapkan pada musim-musim perayaan ini akan disebut sebagai *win-win*, dengan izin. Pihak pembekal akan mendapat keuntungan dan pengguna juga akan mendapat harga yang berpatutan dan akan kita umumkan dalam sedikit hari lagi. Jumlah barang-barang yang diletakkan di bawah skim kawalan harga Hari Raya Puasa nanti seperti perayaan-perayaan sebelum ini iaitu kalau dahulunya ada 20 jenis barangan yang telah kita tetapkan dan mungkin pada tahun ini akan diumumkan sama ada berkurangan ataupun jumlahnya yang sama akan kita umumkan dalam tempoh yang terdekat. Terima kasih.

8. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah cadangan mengkaji semula pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) secara tunai dengan kaedah baru seperti pemberian kupon makanan (*food stamp*) atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian memandangkan banyak aduan berkaitan BR1M sejak di lancarkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad. Kerajaan sedang mengkaji kaedah terbaik dan akan membuat penambahbaikan ke atas pelaksanaan pemberian BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia) agar agihan bantuan dapat disalurkan kepada penerima yang benar-benar layak dan lebih cekap ke arah peralihan subsidi bersasar. Sebarang penambahbaikan pengagihan BR1M akan diumumkan kemungkinan besar semasa pembentangan Bajet 2015.

Saya ingin berkongsi statistik penerima BR1M. Setakat 9 Jun 2014 - jumlah isi rumah yang menerima RM650 campur RM50 takaful, jumlah bilangan penerima ialah 4,049,475 orang dengan pembayaran RM2.632 bilion. Jumlah isi rumah yang mendapat RM450 campur RM50 insurans ialah

360,262 orang dengan jumlah RM162,117,900. Jumlah penerima bujang iaitu menerima RM300 - 2,194,683 orang. Jumlah yang diterima - RM658,404,900. Jumlah keseluruhan - 6,604,420 penerima BR1M dengan nilai keseluruhan RM3.574 bilion.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa sebanyak 501,654 orang telah membuat rayuan. Daripada angka itu, 353,321 orang - rayuan diluluskan, gagal - 29,441 dan masih diproses - 148,333 orang. Kita juga melakukan apa yang disebut sebagai verifikasi ataupun pengesahan kepada semua permohonan BR1M termasuk permohonan sedia ada. Proses pengesahan dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data dari pelbagai agensi. Contoh, Jabatan Pendaftaran Negara. Ini bagi memastikan mereka rakyat Malaysia atau tidak. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ini untuk melihat pendapatan mereka. Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk mengetahui berapa banyak kereta yang mereka ada misalnya sama ada mereka layak untuk menerima BR1M ataupun tidak. Jadi, segala pengesahan itu kemudiannya Lembaga Hasil Dalam Negeri membuat kategori sama ada mereka itu layak menerima RM650 ataupun RM450. Terima kasih.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bolehkah diwujudkan satu agensi atau jabatan khas untuk memantau dan menyalurkan BR1M ini? Memandangkan jumlah yang tinggi dan jumlah isi rumah yang layak menerimanya agar proses pengagihan BR1M dapat dijalankan lebih telus, profesional serta mempunyai rekod yang tersusun. Sekali gus dapat meminimumkan kepentingan pengagihan BR1M atau boleh diberi pilihan BR1M untuk masa hadapan. Bermaksud pilihan sama ada bantuan secara tunai atau *food coupon*, dengan izin, kepada yang layak. Biarkan rakyat membuat pilihan sendiri. Apakah golongan yang layak mendapat BR1M ini tetapi menolaknya masih di kategori sebagai penerima BR1M untuk masa hadapan. Ini kerana ada tohmahan mengatakan jika seorang itu menolak BR1M ini, namanya tidak akan layak disenaraikan sebagai penerima BR1M pada masa hadapan. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Jika mereka menolak, selalunya atas alasan pendapatan mereka melebihi. Itu sedikit sahaja kes sebenarnya. Adalah yang menghantar kembali wang yang diberikan kepada mereka kerana mereka kata ingin memberikan kepada yang lebih layak tetapi angkanya itu terlalu sedikit. Agensi khas memang sudah ada. Semalam saya sebut dalam Dewan ini, sebelum ini pejabat-pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri di seluruh Malaysia dan juga di daerah-daerah tidak ada orang datang. Sekarang ini selalunya penuh kerana mereka ingin bertanyakan tentang rayuan BR1M kerana mereka ingin mendapatkan maklumat tentang proses rayuan, kerana mereka ingin mendapatkan tuntutan insurans. Jadi, sama ada kita hendak melaksanakan pemberian tunai ataupun secara kupon makanan, itu belum diputuskan. Yang terpenting ialah BR1M ini akan dilaksanakan sehingga tahun 2018 sekurang-kurangnya sebab itu adalah janji Barisan Nasional.

■1150

Pada pandangan saya, janji itu tentunya kita sedia maklum, Barisan Nasional menepati janji. Jadi kita meneruskan pelaksanaan itu. Sekurang-kurangnya ada lagi empat tahun atau tiga tahun, kemudian kita fikirilah bagaimana proses penambahbaikannya itu. Kita akan sentiasa buat kajian tahun demi tahun. Sebelum ini tidak ada pendapatan RM3,001 ke RM4,000 tapi tahun ini ada. Sebelum ini tidak ada insurans BR1M, tahun ini ada.

Melihat kepada penambahbaikan ini, ingin saya kongsi contoh tentang insurans ini. Yang telah menuntut RM30,000 insurans dan berlaku kemalangan maut di kalangan penerima BR1M ini ialah seramai 395 orang. Bererti 395 keluarga menerima RM30,000. Kemudian yang meninggal dunia kematian biasa, ini mendapat RM1 ribu, ada seramai 4,762 keluarga menerima RM1,000. Kemudian kemalangan tetapi hilang upaya kekal, kita janji bagi RM30,000 ini ada tiga orang. Jadi kes insurans i-BR1M sekarang ini 5,160 dan angka ini akan bertambah apabila kita menyemak dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk melihat siapakah penerima BR1M yang telah meninggal dunia tetapi belum membuat tuntutan.

Selepas ini, *team* BR1M di Kementerian Kewangan dan *team* di Lembaga Hasil Dalam Negeri akan lebih proaktif tanpa mereka membuat permohonan untuk insurans ini, kita sendiri yang akan menyatakan mereka layak menerima RM1,000 walaupun mereka tidak menuntut. Ini kita akan bantu, pihak insurans khususnya, supaya boleh dibuat *claim* dengan lebih cepat. Jika segalanya rayuan itu dipenuhi, 18 hari sudah boleh dapat segala insurans sama ada RM30,000 ataupun RM1,000.

Jadi Yang Berhormat, apa yang berlaku pada BR1M akan datang, kita tunggu waktu 10 Oktober iaitu Bajet 2015. Kemungkinan akan ada pengumuman-pengumuman penambahbaikan sebab tiap-tiap tahun kita tambah baik BR1M ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya benarkan satu soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat Dato' Goonasakaren.

Dato' Goonasakaren a/l Raman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah pelaksanaan BR1M daripada Kerajaan Malaysia adalah satu tindakan yang murni yang khusus kepada pembayaran ini adalah untuk golongan berpendapatan rendah dan miskin. Akan tetapi apa yang berlaku sekarang adalah, apabila anak memohon BR1M, mereka meletakkan ibu dan bapa ataupun ayah sebagai tanggungan. Biasanya kita nampak ibu tunggal ataupun bapa tunggal, ibu bapa sering ditinggalkan oleh anak-anak. Ibu bapa sering kali tidak tinggal bersama anak-anak. Apabila memohon BR1M, anak pula meletakkan ibu atau ayah sebagai tanggungan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terus kepada soalan Yang Berhormat.

Dato' Goonasakaren a/l Raman: Jadi berlakunya *causing* di sini, dengan izin, anak mendapat BR1M tetapi ibu ataupun ayah tidak mendapat BR1M. Jadi fokus atau sasaran kita...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan, Yang Berhormat. Terus kepada soalan Yang Berhormat.

Dato' Goonasakaren a/l Raman: Jadi apakah tindakan? Saya meminta adakah kementerian mengetahui hal ini ataupun sedar atau tidak? Kalau sedar, bagaimana pada masa-masa akan datang,

adakah kerajaan ataupun kementerian mempunyai formula supaya ibu atau ayah yang layak mendapat BR1M dapat BR1M di masa akan datang? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Goonasakaren a/l Raman. Kita sedar, selalu sedar, sentiasa sedar dan mengetahui tentang perkara itu. Masalahnya anak-anak ini yang tidak sedar. Mereka tidak menanggung ibu dan ayah, kenapa mereka letak nama di bawah tanggungan mereka?

Kita harap anak-anak di luar sana jika ibu dan ayah itu tidak berada di rumah mereka, berada di tempat yang lain, di rumah yang lain misalnya, duduk di kampung, sepatutnya ibu dan ayah itu memohon secara berasingan dan anak itu janganlah letak nama ibu dan ayah dalam tanggungan mereka. Ini kerana mereka sudah ada tanggungan walaupun anak seorang, di mana itu dianggap layak jika pendapatannya RM3,000 dan ke bawah, dapat RM650. Dia tidak perlu menambah oleh kerana dia ada anak seorang, dia letak lagi nama ibu dan ayahnya, dia tidak perlu buat begitu. Biarlah ibu dan ayahnya itu mereka bantu untuk memohon. Jadi ibu dan ayah di kampung boleh dapat BR1M, anak-anak suami isteri bersama cucu seorang itu boleh dapat BR1M. Jadi boleh ada dua kumpulan yang dapat BR1M di situ.

Walau bagaimanapun, jumlah permohonan bertindih ini, ada satu lagi ialah apabila bercerai misalnya. Suami dan isteri bercerai, itu satu lagi permohonan bertindih. Akan tetapi saya ingin maklumkan bahawa siapa-siapa yang ada kes-kes yang sebegini, Yang Berhormat boleh beri pada saya. Kes-kes khas ini kita boleh lanjutkan sedikit rayuan walaupun rayuan telah tamat pada 31 Mei tetapi kalau ada kes-kes yang tertentu, kita boleh tambah lagi rayuan ini.

Saya juga ingin berkongsi satu maklumat. Saya tidak kata bahawa BR1M ini ada tujuan kepentingan politik dan sebagainya sebab angka penerima BR1M yang paling tinggi dari segi negeri ialah negeri yang Barisan Nasional kalah iaitu Selangor. Penerima BR1M nya ialah seramai 925,000 orang atau 13.8%, jumlahnya RM470 juta. Negeri yang kedua ialah Johor seramai 798,000 penerima dengan angkanya RM413 juta, dan negeri penerima ketiga terbanyak ialah Sarawak dengan jumlah seramai 652,000 penerima dengan jumlah ringgit sebanyak RM350 juta. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi, maka setakat inilah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG YAYASAN GURU TUN HUSSEIN ONN 2014****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[24 jun 2014]**

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya ramai yang telah menghantar nama untuk membahaskan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Jadi saya mohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada lagi empat rang undang-undang yang akan dibentangkan. Jadi mana-mana Yang Berhormat yang berminat untuk membahaskan rang undang-undang itu, sila hantarkan nama secepat mungkin supaya senang bagi kita mengatur masa.

Minta Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu untuk menyambung perbahasan semalam.

11.59 pg.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya pada hari semalam, saya ingin memohon izin kepada Tuan Yang di-Pertua supaya saya dapat memulakan perbahasan saya di peringkat awal lagi kerana semalam saya cuma diberi masa tiga minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Dua minit. Tidak apa Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi peluang dan ruang untuk membahaskan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn bagi tahun 2014.

■1200

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan kerana telah memperkenalkan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn bagi tahun 2014. Rang undang-undang itu yang akan mengambil alih fungsi dan peranan Kumpulan Wang Simpanan Guru adalah langkah terbaik kerajaan untuk melatih guru-guru dan memperbaiki mutu pendidikan negara. Ini kerana kerajaan sejak sekian lama telah melakukan pelbagai usaha bagi memperbaiki sistem dan perkara berkaitan kebajikan guru-guru dengan latihan-latihan yang telah disediakan. Akan tetapi pastinya soal kebajikan guru-guru adalah satu yang kita ambil kira ia termasuklah bebanan guru-guru yang hendak kita tangani dan sudah mula kita tunaikan.

Namun dalam melaksanakan tujuan murni kerajaan, saya ingin mengambil peluang dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini untuk mengutarakan beberapa pendapat. Tuan Yang di-Pertua, seperti kata pujangga James Allen, "*Perjalanan seribu batu bermula dari satu langkah*". Oleh itu, bagi

memperkasakan ketahanan dan keberkesanan, saya ingin mencadangkan pemilihan keanggotaan lembaga bagi Yayasan Guru Tun Hussein Onn dipilih daripada individu yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang profesion perguruan.

Pada pendapat saya, individu yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang itu akan terus menjamin yayasan berkenaan menjadi identiti terbaik untuk menjaga kebaikan lebih 420,000 guru yang berada di dalam negara kita ini. Anggota yang dipilih perlulah daripada kalangan mereka yang terlibat secara langsung dalam profesion ini dan juga mempunyai pengalaman serta kepakaran dalam semua aspek pengurusan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya sampuk sikit tak?

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Silakan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ini tidaklah terlalu penting tapi saya rasa untuk ketepatan, *for the sake of accuracy* dengan izin, saya nak tahu sama ada pepatah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi itu betul-betul dicipta oleh James Allen atau bukannya itu pepatah Cina yang saya rasa sejak saya sekolah dahulu dikatakan menurut pepatah Cina. Jadi kemungkinan begini, mungkin James Allen itu menjiplak daripada pepatah Cina. Jadi kenapa kita nak memberi kredit kepada orang Barat? Terima kasih. Saya nak kepastian. Tidak penting tetapi saya rasa *for the sake of accuracy*, dengan izin, *it is quite important. Thank you.*

Datuk Haji Saat bin Haji Abu: Terima kasih Yang Berhormat atas teguran tadi. Kita kena hormatlah kerana Yang Berhormat seorang cendekiawan dan pendidik yang bergelar profesor. Jadi mungkin teguran itu kita akan ambil kira. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, anggota lembaga perlulah aktif dan memperjuangkan serta membela dan membawa suara guru ke peringkat yang lebih tinggi agar para pendidik ini tidak berasa tertindas terutama dengan bebanan kerja yang sering kali menjadi rungutan mereka. Bidang kuasa anggota lembaga juga perlu jelas agar selari dengan perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mempertingkatkan lagi profesionalisme guru-guru yang sedia ada.

Saya juga ingin tahu daripada Kementerian Pendidikan, tempoh yayasan itu akan mengekalkan nama KWSG. Ini kerana mengikut seksyen 49(1), rang undang-undang, yayasan boleh terus menggunakan nama KWSG bagi maksud mengekalkan nama baik atau bagi apa-apa maksud yang difikirkan wajar. Saya juga bimbang penggunaan nama yang sama akan mendedahkan kepada penyalahgunaan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu saya mencadangkan supaya seksyen itu dihapuskan dan jika dikekalkan mungkin ada satu jangka masa tertentu sampai bila ia boleh digunakan. Kita khuatir ia boleh menimbulkan salah sangka kekeliruan dan akhirnya boleh pihak tertentu menyalahgunakan nama ini untuk mendapatkan wang daripada pihak guru-guru.

Yayasan Guru Tun Hussein Onn juga boleh dianggotai oleh pegawai pendidikan yang masih berkhidmat ataupun yang sudah bersara. Mungkin juga yayasan berkenaan hanya perlu diwakili oleh guru serta persatuan guru seperti Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP)

dan bukan mana-mana individu yang berkepentingan. Keanggotaan ahli lembaga pengarah yayasan tersebut dikekalkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan dan Ketua Pengarah Pelajaran kerana mereka hanya bertindak selaku ahli lembaga pengarah amanah bukannya sebagai ketua eksekutif.

Cuma bagi terus memperkukuhkan yayasan itu terutama daripada segi sumber kewangannya, saya juga mencadangkan tulang belakang atau ketua pegawai eksekutifnya adalah individu yang berkemahiran, berlatarbelakangkan kepakaran dan pengalaman serta hal ehwal kewangan atau pelaburan. Begitu juga dengan pembabitan guru dalam yayasan ini memenuhi kehendak penubuhannya.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn akan memberikan tumpuan terhadap pembangunan profesionalisme perguruan, kebajikan guru dan waris-waris mereka. Yayasan berkenaan ditubuhkan untuk mengambil alih aset dan liabiliti Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG) yang tidak lagi relevan. Saya difahamkan kali terakhir ahli-ahli KWSG mengeluarkan caruman adalah pada tahun 2007 dan aset kumpulan berkenaan pada masa kini yang bernilai hampir RM254 juta bakal diuruskan oleh YGTHO. Jadi pada pendapat saya, penubuhan yayasan ini adalah tepat kerana KWSG sudah tidak lagi relevan memandangkan sudah tiada pencarumnya.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan yayasan bukan hanya meneruskan apa yang telah dilakukan, kumpulan itu tetap akan meningkatkan fungsi sebagai memberi biasiswa kepada guru-guru. Saya juga difahamkan terdapat kira-kira hampir RM47 juta wang caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG) yang masih belum dituntut oleh ahli-ahlinya sehingga ini. Oleh itu saya berharap kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan berusaha untuk mengesan pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Guru itu untuk diagih-agihkan wang berkenaan kepada waris-waris dan guru-guru yang masih berkhidmat dan yang telah pun bersara.

Masalah ini agak kronik kerana pencarum-pencarum terakhir yang direkodkan ialah pada tahun 2007. Sejak daripada tahun itu, saya juga berharap agar diberi pengetahuan apakah tindakan yang akan dilakukan oleh kerajaan kerana memandangkan jumlah wang tunai yang ada pada KWSG kini ialah RM47,761,320 dan asetnya sebanyak RM254,931,779. Pertanyaan saya ialah sama ada kerajaan akan memastikan mereka iaitu pencarum dibayar caruman mereka kerana mereka merupakan guru-guru yang telah banyak berkhidmat pada negara dan anak bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, apakah akan terjadi kepada pencarum-pencarum ini dan hak-hak mereka setelah KWSG ini dibubarkan dan adakah fungsi dan apakah yang akan dilaksanakan oleh Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini *redundant*, dengan izin, dengan tugas atau tanggungjawab Kementerian Pendidikan selaras dengan peningkatan tahap profesionalisme perguruan.

■1210

Saya berharap dengan penubuhan Yayasan ini, kerajaan akan terus memberikan jaminan dengan memastikan bahawa peranan untuk membela warga guru selaras agenda memartabatkan profesion perguruan, bantuan khairat, bencana, kecemasan, pendidikan anak-anak guru dan juga warisnya dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih. Dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Datuk Chin Su Phin. Silakan Yang Berhormat.

12.11 tgh.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mula berbahas, izinkan saya untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kerana telah memberikan saya sekali lagi peluang dan kepercayaan untuk menyambung khidmat saya sebagai Ahli Dewan Negara bagi penggal dua. Kepercayaan dan tanggungjawab yang diberikan ini tidak akan sesekali disia-siakan. Terima kasih.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya kementerian kerana mengambil langkah untuk mewujudkan satu Yayasan yang diberi nama Yayasan Guru Tun Hussein Onn yang bertujuan untuk membantu dan memberi pengiktirafan kepada kumpulan guru. Sememangnya kebajikan guru harus diberikan keutamaan sekiranya kita ingin memastikan sistem pendidikan negara dapat menghasilkan modal insan yang berpengetahuan tinggi dan berdaya saing bagi memacu pembangunan negara menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi menjelang akhir dekad ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus pergi kepada perkara-perkara yang ada di dalam RUU ini. Pertamanya, saya ingin mendapatkan kepastian dari kementerian bahawa apabila kita wujudkan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini, adakah pengurusan dan pelaburan yang akan dilakukan setanding atau mungkin lebih baik daripada apa yang dibuat oleh Kumpulan Wang Simpanan Guru yang sebelum ini terbukti mempunyai pengurusan dan pelaburan yang cekap dan menguntungkan.

Seterusnya, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap dua perkara yang telah dikemukakan dalam cadangan ini. Pertama, ialah mengenai dengan Bahagian III, fasal 5(a) mengenai dengan meningkatkan pembangunan profesionalisme para guru. Saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian. Adakah Yayasan baru ini akan memberi panduan atau sekurang-kurangnya pengiktirafan kepada mana-mana guru yang telah melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi atas inisiatif sendiri? Saya juga mengharapkan agar kerajaan mempunyai pelan jangka panjang yang lebih luas mengenai perkara ini supaya para guru akan nampak lebih jelas tentang apakah peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan mengenai dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan fasal 5(a) ini.

Persoalannya, berapakah jumlah tertentu yang diperuntukkan dari segi bilangan guru yang boleh mendapat manfaat yang jelas daripada fasal 5(a) ini? Sebagai contoh, berapakah bilangan guru yang boleh mendapatkan manfaat apabila mereka ingin melanjutkan pelajaran ke dalam bidang kedoktoran? Sama ada daripada segi jumlah guru-gurunya ataupun daripada segi jumlah peruntukan yang telah dikhususkan oleh Yayasan ini.

Begitu juga bagi mereka yang ingin melanjutkan dalam bidang sarjana khususnya, kerajaan akan kementerian perlulah juga menentukan jumlah bilangan guru serta peruntukan. Dengan adanya keadaan ini, para guru akan ada keyakinan yang penuh bahawa peluang mereka memang disediakan dengan lebih banyak hasil daripada penubuhan Yayasan ini.

Kedua mengenai fasal 5(d) yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini ialah mengenai pendidikan anak-anak guru. Saya mengharapkan agar pihak kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri juga memberikan penjelasan mengenai biasiswa khas khusus kepada anak-anak guru dapat diberikan melalui penubuhan Yayasan ini sama ada mereka pergi ke institusi pengajian tinggi awam ataupun institut pengajian tinggi swasta serta berapakah dana yang diperuntukkan untuk anak-anak guru khususnya bagi mereka melanjutkan pendidikan mereka di universiti-universiti yang terdapat di luar negara?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan dalam perbahasan ini untuk menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pendidikan terutamanya berkenaan dengan pengurusan projek yang diuruskan kementerian. Saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil perhatian sepenuhnya mengenai permasalahan yang selalu dihadapi oleh pihak kontraktor di Sabah.

Sering kali kita mendengar projek kementerian menghadapi pelbagai masalah. Antaranya lambat siap dan gagal disiapkan sepenuhnya. Seperti kebiasaan, banyak pihak akan menuding jari sepenuhnya kepada pihak kontraktor sedangkan banyak kelemahan dan kerena birokrasi berpunca dari pihak KPM, menyumbang kepada permasalahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil satu contoh iaitu pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nabal, Tuaran Sabah yang menghadapi masalah berpunca dari isu tanah. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, KPM telah menganugerahkan projek ini tanpa menunggu sebarang keputusan dari hasil kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) berkenaan tapak tanah untuk projek ini. Permasalahan mula timbul apabila setelah hampir 30% projek ini berjalan, pihak KPM telah menghantar notis pemberhentian kerja. Pemberhentian kerja ini disebabkan hasil kajian EIA menunjukkan tapak yang digunakan adalah tidak sesuai untuk membuat sekolah. Kecelaruhan dan masalah yang timbul semakin rumit apabila pihak KPM langsung tidak membuat sebarang keputusan dan memaklumkan kepada pihak kontraktor secara rasmi status projek ini, sama ada akan diteruskan, dibatalkan, atau dipindahkan ke tapak yang baru setelah lebih daripada sembilan bulan sejak arahan pemberhentian kerja tersebut dikeluarkan.

Disebabkan bon wang pendahuluan untuk projek ini telah dilupuskan dan pihak KPM pula tidak mengeluarkan surat pelepasan untuk kontraktor, pihak kontraktor kini perlulah menanggung-sebanyak RM15,000 sebulan yang dikenakan oleh pihak bank. Pegawai KPM yang ditugaskan untuk menjaga projek ini juga kerap ditukar.

■1220

Akibatnya pegawai yang baru memerlukan masa untuk memahami status projek dan masalah yang dihadapi. Ini seterusnya melambatkan keputusan dan tindakan pihak KPM. Masalah ini bukan

sahaja dihadapi oleh kontraktor berkenaan tetapi juga dialami oleh ramai kontraktor yang berurusan dengan projek-projek di bawah KPM. Kelewatan pihak KPM membuat keputusan dan mengeluarkan arahan secara langsung mengakibatkan banyak projek yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual.

Jika masalah-masalah ini tidak dapat diselesaikan dengan kadar segera, saya percaya Kementerian terpaksa membayar banyak pampasan kepada kontraktor yang terlibat sekali gus menyumbang kepada beban kewangan yang lebih banyak yang akan ditanggung Kementerian termasuk tindakan undang-undang yang bakal diambil oleh pihak kontraktor.

Pada masa akan datang, saya menggesa agar pihak KPM perlu dengan segera meningkatkan kecekapan kakitangannya supaya projek-projek KPM dapat dilaksanakan dengan baik sekali gus dapat menjimatkan banyak wang rakyat akibat ketidakcekapan yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada rang undang-undang ini harapan saya bahawa banyak isu yang berkaitan dengan kebajikan guru-guru yang memang telah menjadi perdebatan dan perbincangan yang banyak di forum, laman web dan wacana pada hari ini dapat diselesaikan dengan tertubuhnya yayasan baru ini. Saya juga berharap dengan adanya penubuhan Yayasan Tun Hussein Onn ini sekali lagi kerajaan dapat membuktikan bahawa para guru yang sentiasa mendukung hasrat kerajaan dalam bidang pendidikan negara akan terus dimartabatkan dan keyakinan para guru terhadap kesungguhan kerajaan dapat direalisasikan melalui penubuhan yayasan ini. Sekian. Saya menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud. Silakan Yang Berhormat.

12.22 tgh.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn Tahun 2014 ini adalah satu usaha untuk mempertingkatkan *professionalism* guru yang memang dialu-alukan.

Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa KWSG atau Kumpulan Wang Simpanan Guru ditubuhkan pada tahun 1962. Ini berertinya ia sudah berusia kurang lebih 52 tahun. Kumpulan wang ini dibentuk untuk mengambil kira kebajikan guru-guru yang tidak berpencen iaitu guru-guru yang diletakkan di bawah Skim Perkhidmatan Guru-guru Dipersatukan atau *Unified Teaching Services* yang mana sebahagian daripada mereka ini adalah mungkin sudah pun tidak ada lagi di dunia ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin menanyakan kepada Menteri, apakah usaha yang dilakukan untuk mengenal pasti pencaerum-pencaerum yang masih hidup? Kerana wang ini adalah wang mereka. Wang dari gaji dan upah yang mereka kerjakan sejak mereka berkhidmat. Maknanya memang benar wang yang tidak dituntut boleh diserahkan kepada Simpanan Wang Yang Tidak Dituntut memang ada satu akta berhubung dengan hal ini. Akan tetapi persoalannya ialah soal amanah wang manusia yang bekerja dan menyumbang. Sama halnya dengan caruman yang dibuat oleh pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Wang Pekerja atau EPF. Sepanjang yang kita tahu bahawa KWSP boleh dicarum sehingga usia 75 tahun. Jadi saya katakan tadi bahawa tahun 1962 ditubuhkan KWSG, sekarang 52

tahun. Katakanlah beliau masuk bertugas pada usia 21 tahun, atau 22 tahun. Sekarang dia berusia 74 tahun. Ini secara ringkas sahaja.

Jadi tidak cukup hanya dengan menyatakan kalau tidak dituntut maka wang ini akan diserahkan kepada Kumpulan Wang Yang Tidak Dituntut. Saya berharap supaya kementerian memandang serius mengenai hal ini kerana ini adalah soal amanah dan mereka yang mencarum ini tidak berpencen. Berbeza dengan kumpulan guru-guru yang lain yang juga bekerja seperti mereka dan mendapat pencen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus pergi kepada fasal 6(2)(a) di bawah rang undang-undang ini di mana ia berkaitan dengan kuasa yayasan. Kuasa yayasan di sini adalah 6(2)(a) untuk membuat pelaburan dalam syarikat yang ditubuhkan oleh yayasan bagi maksud menjana pendapatan yayasan dan menerima pulangan pelaburan syarikat. Maksudnya yayasan ini tidak boleh melabur dalam institusi kewangan yang lain selain daripada 6(2)(a) ini. Sedangkan kalau kita lihat institusi-institusi yang lain boleh melabur. Sebagai contoh misalnya KWSP atau EPF bukan sahaja melabur dalam negeri malah di luar negeri. Cuma yang penting bagi saya ialah harus ada atau mesti ada panel pelaburan.

Saya perhatikan dalam rang undang-undang ini tidak menyatakan tentang panel pelaburan walaupun saya tahu akan jawapannya nanti baru rujuk kepada 17 iaitu tentang Jawatankuasa...

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Pohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan penubuhan panel tadi tetapi Yang Berhormat kata tadi yayasan hanya boleh membuat pelaburan mengikut perenggan 6(2)(a) dalam syarikat yang ditubuhkan oleh yayasan bagi maksud menjana pendapatan yayasan.

Akan tetapi dalam perenggan (g) ada disebutkan untuk bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan, perbadanan atau agensi kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsinya dan juga beberapa lagi perenggan dalam (2) ini saya fikir yayasan bukan sahaja boleh membuat melalui syarikat yang ditubuhkan tetapi boleh bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk pelaburan. Saya tidak tahulah. Saya fikir kita sudah *cover* dalam fungsi 6(2). Terima kasih.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Maksud saya ialah ini sebuah undang-undang. Maksudnya apabila kita buat undang-undang biar ia khusus dan spesifik. Dibimbangkan nanti ada yang menyatakan bahawa pelaburan ini di luar daripada kuasa yayasan. Jadi kalau kita letakkan di sini misalnya membuat pelaburan dalam syarikat-syarikat dan mana-mana institusi kewangan yang diluluskan oleh lembaga atau yang diluluskan atau panel atau sebagainya. Itu maksud saya.

■ 1230

Jadi pada akhirnya yang untung adalah yayasan, dan lebih spesifik lagi supaya diadakan sebuah panel pelaburan yang mana memang betul kalau dilihat di bawah peraturan atau seksyen 10(g), disebut tiga orang lain yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam hal kewangan atau pelaburan yang hendaklah dilantik oleh Menteri. Sudah ada di situ. Namun tidak ada tajuk kecil yang

menyatakan panel pelaburan. Jadi saya mohon mencadangkan supaya ianya dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai keanggotaan lembaga. Ramai rakan-rakan menyatakan bahawa oleh kerana yayasan ini ada kaitan dengan profesion keguruan, maka adalah wajar wakil-wakil guru duduk dalam lembaga ini. Sama ada mereka mewakili kesatuan atau persatuan, tetapi yang penting adalah, ada wakil-wakil mereka yang boleh menterjemahkan hasrat yayasan ini. Kalau kita lihat misalnya kepada tafsiran, kita ada meletakkan untuk anak, termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah di sisi undang-undang yang dikatakan bahawa ini salah satu daripada matlamat yayasan ini untuk membantu anak-anak guru.

Jadi kita bercakap tentang guru, tetapi wakil mereka tidak kita raikan. Jadi saya tidak menafikan kebolehan kepakaran misalnya pegawai-pegawai tinggi sama ada dalam JUSA 'A', JUSA 'B' dan sebagainya itu bukan soal. Yang penting ialah adanya wakil-wakil daripada guru persatuan kesatuan dan sebagainya. Tidak payahlah disebutkan secara spesifik kesatuan atau persatuan itu, yang penting ialah mereka ada suara dalam yayasan ini sama hanya seperti mana yang pernah disebut oleh rakan-rakan ini di Dewan Rakyat dalam pembentangan yang lalu.

Misalnya dalam KWSP iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, lembaganya terdiri daripada tiga pihak, malah empat pihak. Pemerintah, majikan, pekerja dan wakil bebas dalam KWSP. Ertinya pekerja diwakili oleh wakil dari *Malaysian Trade Union Congress* atau Kongres Kesatuan Malaysia, dari Cuepacs, wakil dari Sabah, wakil dari Sarawak dan sebagainya. Sama juga dengan PERKESO. Ada wakil-wakil yang mewakili orang yang berkepentingan. Dalam PERKESO di sebut orang yang berinsurans. Jadi maknanya di situ ada wakil pekerja. Jadi dalam hal ini kita mohon diambil pandangan serius kerana kita bercakap mengenai kepentingan guru-guru ini.

Kemudian saya ingin bertanya kepada kementerian mengenai bagaimana anak-anak guru ini nanti akan mendapat manfaat. Apakah kaedah untuk membantu anak-anak mereka ini sebab kita tahu jumlah guru di Malaysia ini bukan kecil, lebih dari 400,00 dan kalau misalnya sebahagian daripada mereka itu mempunyai anak, saya tidak dapat membayangkan berapakah jumlahnya dan setakat mana kemampuan yayasan ini untuk membantu anak-anak guru tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa sejarah susah payah para guru yang tidak masuk dalam skim berpencen ini hendaklah diambil kira dan ianya dan saya percaya mungkin ini bukan matlamat rang undang-undang ini tidak mencari jalan keluar daripada KWSG untuk menubuhkan Yayasan Guru Tun Husein Onn tahun 2014 ini.

Maknanya semangat tahun 62 itu harus kekal dan diteruskan. Bukan maknanya oleh kerana ada duit, maka kita laburkan jadi begitu dan begini, bukan. Tujuannya adalah untuk mengambil semangat guru yang bersusah payah 50 tahun yang lepas dan sebahagian daripada rakan-rakan di sini pernah menjadi guru. Saya juga dalam tempoh singkat pernah menjadi guru. Jadi saya tahu sedikit sebanyak bagaimana susah payah jerihnya guru-guru dalam bertugas untuk mendidik anak bangsa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Silakan Yang Berhormat.

12.36 tgh

Hajah Mariany binti Mohammad Yit: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan untuk saya membahaskan suatu peruntukan undang-undang bagi mengadakan fungsi dan kuasa serta perkara-perkara berkaitan urusan pembubaran Kumpulan Wang Simpanan Guru yang termaktub di bawah Peruntukan Perundangan Kaedah-kaedah Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru 1962.

Sidang Dewan yang mulia, berdasarkan draf undang-undang bagi penubuhan Yayasan Guru Tun Husein Onn saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia kerana mengambil inisiatif yang efektif memelihara suatu kumpulan wang amanah bagi guru-guru yang berkhidmat dari zaman sebelum merdeka sehingga ke hari ini. Kita dimaklumkan oleh kementerian bahawa Kumpulan Wang Amanah Guru serta asetnya adalah berjumlah hampir RM300 juta dan jumlah aset tunai dan aset pelaburan atau hartanah ini sekiranya tidak di suai dimanfaatkan untuk kepentingan guru akan mendukacitakan bekas-bekas pendidik yang telah menempa sejarah pendidikan Malaysia sejak sebelum merdeka hingga sekarang yang ingin melihat kejayaan anak bangsa untuk menjadi modal insan berguna.

Untuk itu saya ingin menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini tetapi kerajaan perlu menyemak semula beberapa klausa dan terma yang didrafkan di dalam setiap peruntukkan akta ini agar ianya apabila diluluskan akan benar-benar berfungsi sebagai sebuah rangka kerja perundangan yang komprehensif dan menepati kehendak dan integriti perjalanan sesebuah yayasan guru.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengulang apa yang telah jelaskan oleh rakan-rakan saya cuba saya akan menyentuh beberapa perkara teknikal. Oleh itu saya memohon supaya perkataan, "*pekerja*" yang disebut berulang-ulang di mana-mana ayat atau perenggan seksyen di dalam RUU ini seperti dalam seksyen 6(2)(i), seksyen 18(1) selepas perenggan sekutu (a) mempunyai maksud yang berbeza.

Seksyen 21, seksyen 35 36, 37(a), 38, 39 dan 45 perlu ditafsirkan secara tepat dan membawa maksud yang setara dengan penjelasan fungsi dan makna atau maksud sesuatu peruntukan perundangan yang dibuat. Didapati perkataan seperti pekerja, agen dan sekutu digunakan berulang-ulang namun tidak dijelaskan dalam tafsiran.

Isu yang kedua mengenai perkataan pekerja juga kerajaan perlu memberikan penjelasan yang lebih tepat terhadap seksyen 45 mengenai keberterusan pekerja dengan izin, *ruling over staff*.

■ 1240

Ini kerana saya berpendapat di sesebuah institusi mungkin terdapat pekerja lantikan tetap, pekerja lantikan sementara atau kontrak singkat dan pekerja lantikan kontrak berjangka yang mana sekiranya peruntukan rang undang-undang ini diluluskan, maksud di seksyen 45 akan menimbulkan

kemusykilan dan pertikaian sekiranya ada di kalangan pekerja yang bakal ditamatkan kontrak atau mempunyai status dalam siasatan untuk tindakan tatatertib atau pekerja yang sedang digantung tugas atau diambil tindakan lucut sebahagian emolumen tahunan supaya klausa berterusan pekerja ini tidak akan dimanipulasikan secara teknikal dan perundangan yang menyebabkan berlakunya pertikaian dan masalah tafsiran ketara apabila prosiding perundangan dijalankan.

Selain daripada itu, mengenai penubuhan dan penyelenggaraan wang rizab bagi yayasan, peruntukan di bawah seksyen 26, kementerian perlu memperincikan bagaimanakah mekanisme dan penstrukturan dari kumpulan wang yayasan dibuat bagi menubuhkan kumpulan wang rizab ini dan juga memperincikan tata amalan serta *standard* operasi kumpulan wang rizab agar ia mematuhi kehendak-kehendak yang digariskan oleh Perbendaharaan Malaysia dan menepati keperluan Ketua Audit Negara. Kementerian juga adalah disarankan agar menyemak di dalam klausa seksyen 28 iaitu akaun bank di mana dalam seksyen 28(1) selepas perkataan, "*institusi kewangan*" dicadangkan dimasukkan perkataan milik kerajaan agar kumpulan wang yayasan ini hanya membuat deposit di bank atau institusi kewangan milik Kerajaan Malaysia sahaja.

Selain dari itu, saya mohon agar kuasa yayasan di perenggan 6(2)(i) untuk diberikan pinjaman biasiswa dan wang pendahuluan kepada pekerja hendaklah diperincikan agar tidak berlaku konflik kepentingan yang membawa pertikaian isu integriti dan ketelusan tadbir urus yayasan yang baik.

Seterusnya di bawah seksyen 35 iaitu pekhidmat awam mengikut pengertian kanun keseksaan perlu dijelaskan atau ditambah mengikut seksyen 21 Kanun Keseksaan, Akta 574 – pelantikan pekerja lain di bawah seksyen 21.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Silakan, Yang Berhormat.

12.43 tgh.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang turut serta membahaskan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Saya amat berbesar hati kerana dalam rang undang-undang ini merupakan satu transformasi daripada yayasan yang sedia ada dan ditukarkan kepada Yayasan Guru Tun Hussein Onn dan awal-awal lagi saya memang amat bersetuju menyokong seratus peratus penubuhan yayasan ini sebagai satu usaha kerajaan yang prihatin dan berwawasan tinggi dalam membangunkan profesional guru-guru Malaysia di tahap yang lebih maju.

Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa sektor pendidikan ini amat penting dalam sesebuah negara malahan kita melihat masa depan negara dan masa depan pembangunan sesebuah negara itu bergantung kuat kepada kehebatan dan juga kewibawaan para pendidik yang berada di sesebuah negara itu. Seperti yang kita faham, salah satu daripada sebab penubuhan yayasan ini dicadangkan adalah untuk mengambil alih fungsi Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG) yang telah ditubuhkan sejak 1962 yang mana objektifnya dan matlamatnya telah tercapai.

Persoalannya pula, sejauh mana penubuhan yayasan ini pula mampu menjamin kelangsungan fungsi KWSG dan seterusnya membawa peranan yang lebih berkesan dan membawa impak khususnya dalam menjaga kebajikan sejumlah lebih 400,000 guru-guru di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara penting yang saya ingin sentuh dalam rang undang-undang ini yang mungkin boleh menyumbang kepada kemungkinan penambahbaikan atau diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian.

Pertama, saya dimaklumkan sebelum ini, wang simpanan guru mempunyai beberapa kejayaan hasil daripada pengurusan yang cekap dan efisien. Akhirnya, mewujudkan pendapatan yang begitu banyak dan disalurkan kepada para ahlinya. Saya difahamkan bahawa Kumpulan Wang Simpanan Guru juga sebelum ini mampu mengenal pasti bidang-bidang pelaburan yang selamat dan boleh menguntungkan dan seterusnya disalurkan kepada ahli.

Oleh yang demikian, saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Menteri, apakah jaminan kerajaan? Apabila kita tubuhkan yayasan ini dan ia bukan hanya mampu untuk meneruskan apa yang telah dibuat oleh Kumpulan Wang Simpanan Guru tetapi seterusnya dapat mengurus dana-dana yang sedia ada. Tentunya harapan guru-guru dan harapan rakyat keseluruhannya mengharap yang terbaik daripada yang dahulu sehinggalah kepada pewujudan yayasan yang baru ini. Jadi apakah jaminan kerajaan bagi memastikan supaya Yayasan Guru Tun Hussein Onn lebih baik daripada sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat fasal 5 Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn menyentuh fungsi-fungsi mengenai pertamanya membantu kementerian bertanggungjawab bagi pendidikan mengadakan aktiviti meningkatkan pembangunan profesionalisme guru. Saya awal-awal lagi katakan saya amat bersetuju dengan usaha Kementerian Pendidikan dan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan sehinggalah terwujudnya Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia 2013-2025. Jadi inti pati daripada itu, kita hendak memperkukuhkan lagi melalui Yayasan Tun Hussein Onn ini. Salah satunya ialah menjalankan penyelidikan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara. Tahun ini, kalau kita lihat tema hari guru kita pada tahun 2014 adalah, "*Guru Pencetus Kreativiti dan Penjana Inovasi*".

Maknanya pada tahun ini, secara kebetulan juga menekankan kepada penyelidikan dan syorkan agar dalam penubuhan yayasan guru ini, agar melebar luaskan aktiviti penyelidikan di peringkat sekolah rendah, peringkat sekolah menengah sehinggalah ke institusi pengajian tinggi. Kerana apa? Kerana sebagai seorang pendidik yang dahulunya juga dan Timbalan Menteri juga seorang pendidik dan mempunyai kepakaran sedikit dalam bidang penyelidikan, saya rasa guru-guru kita harus diberi peluang dan ruang dalam membuat kajian tindakan mengenai P&P yang telah dijalankan masa kini. Ertinya kita akan memerlukan kajian tindakan di sekolah sebagai proses merefleksikan diri guru-guru itu sendiri secara satu sistematik. Jadi amalan itu dapat diperbaiki.

Hari ini kita menerima ataupun membaca di akhbar-akhbar mengenai pendemokrasian pendidikan ini tidak betul-betul berlaku di luar bandar. Kerana apa? Mungkin kita belum lagi dapat

mendedahkan mereka, para pendidik kita, warga pendidik kita dengan amalan-amalan yang terbaik ini.

■1250

Saya bersetuju dan berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan bahawa mereka telah menjalankan sebaik yang mungkin meningkatkan profesionalisme guru, memberi mereka kursus-kursus perkhidmatan dan juga mendedahkan mereka dengan pendekatan ataupun pedagogi yang terkini iaitu dengan izin, *the best practises*. Saya kalau melihat kajian tindakan ini harus diberi perhatian di sekolah-sekolah rendah sebab di sinilah asasnya dan guru-guru dapat memperbaiki PDP mereka dari semasa ke semasa.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah amalan-amalan yang digunakan oleh para pensyarah kita perlu juga dilihat kembali *the best teaching practises*, dengan izin, yang perlu diguna pakai oleh mereka. Saya cadangkan, kadang-kadang para pensyarah kita perlu didedahkan semula lagi dengan masalah-masalah yang berlaku sebenarnya di dalam kelas.

Jadi kita cadangkan supaya mereka diberi kalau kira dalam kursus kedoktoran *housemanship*, dengan izin. Jadi para pensyarah kita dihantar balik untuk melihat, mengajar semula dalam kelas-kelas sekolah rendah, sekolah menengah dalam beberapa tempoh, beberapa waktu sebelum mereka dapat mendalami, mereka dapat melihat keadaan sebenar di sekolah-sekolah ini. Secara tidak langsung, apabila mereka balik ke institusi pengajian di tempat mereka bertugas itu, mereka akan dapat membuat satu susulan tindakan bagi memperbaiki apa yang kurang, apa yang perlu diperbaiki dan sebagainya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai kebajikan guru-guru ini. Dalam Yayasan Tun Hussein Onn ini, saya amat bersetuju bahawa dalam bidang kuasanya iaitu memberi, melakukan perkara yang wajar dalam menjaga kebajikan guru. Saya ambil satu contoh, ini yang terdekat dan *I'm quite observant*, dengan izin. Ada guru-guru kita yang sudah pencen bekerja sebagai sekuriti. Jadi, kalau adanya Yayasan ini, adanya Yayasan seperti ini yang mantap dengan pelaburannya, mantap dengan ekonominya mungkin Yayasan ini akan dapat memanggil guru-guru yang sudah bersara, guru-guru yang mungkin sudah tidak mampu dalam pengurusan kewangan yang lebih baik, dipanggil balik untuk bertugas dalam Yayasan ini yang ditubuhkan oleh Yayasan ini.

Jadi dengan secara tidak langsung kita dapat menjaga kebajikan mereka dan kita tidak mencemarkan nama guru itu seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Puan Khairiah semalam bahawa guru itu adalah segala-galanya mengikut sajak Usman Awang. Jadi tidaklah elok kalau sekiranya seorang guru itu sudah pencen, sudah tamat perkhidmatan tetapi akhirnya *end up*, dengan izin berakhir sebagai pengawal keselamatan untuk memantapkan ekonominya lagi. Jadi kita perlu membantu guru-guru ini dalam perancangan kewangan mereka dan melalui Yayasan ini, inilah yang akan dapat membantunya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga melihat dalam rang undang-undang ini iaitu mengenai kuasa Yayasan dalam (f) iaitu meningkatkan kualiti pendidikan negara. Jadi dalam meningkatkan pendidikan negara izinkan saya menyentuh sedikit mengenai apa yang saya lihat di

negeri saya sendiri yang sering kalinya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini, masalah kedaifan prasarana sekolah. Kalau kita ingin melihat prasarana ini lebih baik, perlulah dilihat kembali supaya bangunan-bangunannya setaraf dengan di bandar-bandar khususnya di luar-luar bandar. Banyak sekolah yang kayu ini mudah terbakar dan elektriknya tidak tentu arah, roboh dan sebagainya.

Jadi kita sudah melangkaui ke arah transformasi pendidikan di abad ke-21 dan kita mahu supaya infrastruktur sekolah kita, prasarana sekolah kita lengkap, cukup, terbaik sebab kita hendak jadikan pendidikan di Malaysia ini sebagai pendidikan yang bertaraf dunia. Kita faham negara-negara luar pun datang. Itu sebab semalam kita mendengar pelajar-pelajar menggunakan visa pelajar sebab mereka datang minat di sini untuk belajar tetapi lainlah halnya kalau ada yang melakukan lain-lain aktiviti. Akan tetapi hakikatnya mereka tertarik dengan sistem pendidikan yang ada dalam negara kita.

Untuk memantapkan lagi penglibatan guru-guru, Yayasan ini saya rasa boleh membantu dalam peningkatan kompetensi dalam bahasa Inggeris. Semalam, dua hari lepas Tan Sri Dato' Abdul Rahim juga mengutarakan mengenai kerisauan beliau mengenai masalah *proficiency* bahasa Inggeris di kalangan guru-guru kita.

Jadi di Yayasan ini akan dapat membantu iaitu menyalurkan kewangan di Kementerian Pendidikan ataupun di sekolah-sekolah ataupun di Pejabat Pendidikan Daerah dalam Dasar DTPnya, Dasar Transformasi Pendidikan agar membantu memantapkan pengajaran bahasa Inggeris dengan merekrut orang-orang yang pakar dalam Malaysia, bukan di luar negara sebab kalau kita hendak ambil juga, kali-kali sedikit-sedikit ambil di luar negara, akhirnya kita punya wang pun mengalir begitu banyak sebab kita tidak gunakan kepakaran-kepakaran orang-orang kita dalam negara ini yang mampu membawa, memperkasakan pendidikan bahasa Inggeris...

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusof: Mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang ingin mencelah, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Silakan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bercakap tentang kepakaran luar yang dibawa ke Malaysia khusus untuk mengajar bahasa Inggeris begitu ya. Maknanya untuk meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris. Zaman saya bersekolah dahulu dan rakan-rakan yang sebaya, tidak adapun guru bahasa Inggeris. Kalau adapun seorang dua sahaja yang daripada England atau US datang ke mari. Rata-rata guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris pada ketika itu adalah guru-guru tempatan yang dilatih di Kirkby ataupun Beresford. Mereka ini adalah satu golongan guru yang sangat dedikasi yang komited kepada tugas dan tanggungjawab.

Golongan kedua ialah guru-guru dari India, *Indian graduates*. Ramai sekali yang mengajar bahasa Inggeris mengajar di sekolah-sekolah menengah pada ketika itu tetapi mereka ini ialah *Indian graduates local* daripada anak tempatan. Jadi apa yang kerajaan buat dahulu itu betul. Maknanya menghantar guru-guru kita berlatih di luar negara dan balik mengajar. *Training the trainers*, dengan

izin. Bukannya membawa ramai-ramai penutur jati, guru-guru penutur jati bawa ke mari untuk mengajar kita bahasa Inggeris. Ini saya rasa kementerian kena tengok balik perkara ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Saya rasa sebelum saya berdiri, saya sudah bersetuju.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa amat mencemburui kita Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat boleh sambung balik sebelah petang. Boleh Yang Berhormat?

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita sambung balik. Saya tangguhkan Dewan ini sehingga pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat.]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang kita sambung semula perbahasan kita dalam rang undang-undang yang berkenaan. Mengikut rekod di sini Yang Berhormat Dr. Lucas sambung semula. Dipersilakan.

2.31 ptg.

Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang, salam sejahtera dan selamat bertemu kembali. Terima kasih kerana diberi ruang dua sesi ini, pagi tadi dan petang ini lagi. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ingin menyambung sedikit mengenai hal-hal memantapkan *proficiency* bahasa Inggeris yang disokong oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat@Ahamad dan saya rasa kepakaran dalam negeri ini tidak ada kurang, kebijaksanaan pakar-pakar kita dalam mengajar bahasa Inggeris.

Saya rasakan begitu rasionalnya sebab selama ini kita hanya mengimport guru-guru luar dan kita juga membayar mereka dengan jumlah wang yang banyak sedangkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, graduan-graduan kita ini pun dari luar negara juga. Ada dari England, ada dari New Zealand, TESL, TOFEL dan sebagainya.

Jadi, apa bezanya kita hendak import lagi penutur jati untuk memperkasakan bahasa Inggeris? Memang ada kebajikannya tetapi pada hakikatnya graduan-graduan kita ini memang pun dari luar negara dan merekalah yang akan boleh menjadi *Trainer of Trainers* (TOT) dalam negara. Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, dalam Yayasan Guru Tun Hussien Onn ini saya melihat dalam Perkara 10 iaitu keanggotaan lembaga seperti mana yang mungkin *redundant*, dengan izin.

Akan tetapi di dalam pandangan saya sendiri, keanggotaan lembaga ini memang saya setuju pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat kelmarin, Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam dan rakan-rakan yang lain supaya ada juga perwakilan daripada sama ada daripada Dewan *Senate* dan Dewan Rakyat.

Mungkin baik juga tetapi saya hendak tambah sedikit seperti mana yang diutarakan oleh Yang Berhormat pagi tadi yang lain mengatakan bahawa kenapa tidak kita ambil kepakaran daripada guru-guru yang mungkin sudah pernah berkhidmat dalam pendidikan? Maksud saya di sini ialah dalam sembilan orang anggota lembaga ini, kita sekurang-kurangnya hendak tambah daripada kesatuan-kesatuan guru. Umpamanya saya sebut di sini NUTP. Ini kerana NUTP adalah satu-satunya organisasi yang mewakili sebilangan besar guru dan guru-guru di negara ini dan mereka boleh memberi pandangan yang bernas bagaimana perjalanan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini dijalankan dengan lebih berkesan satu hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon mengambil kesempatan dan peluang dalam perbahasan ini menyeru agar pihak kementerian menyegerakan pengambilan lebih ramai graduan muda dalam negara, di luar negara yang mempunyai kelulusan yang baik dan lebih kompeten dengan sahsiah yang sesuai menjadi seorang guru. Ini kerana ramai yang di kalangan para graduan sekarang ini ada yang menganggur tetapi hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, mereka harus diberi ruang dan peluang untuk menjadi seorang pendidik.

Satu daripada kriterianya ialah apabila saya menjadi seorang pensyarah dahulu ialah apabila saya menemu duga adalah saya melihat kepada sahsiah dia. Betul atau tidak dia hendak jadi guru? Ini kerana hendak jadi guru ini bukan alang-alang kepalang sebab seorang guru ini mesti mempunyai sahsiah sebagai seorang pendidik yang boleh diteladani. Semalam ada yang mengatakan sebagai *role model* dan ini yang perlu kita ambil di samping daripada mungkin kecemerlangan seseorang graduan itu dalam pendidikan mereka.

Lebih-lebih lagi kalau di Sabah dan Sarawak, saya juga minta supaya anak-anak tempatan yang menganggur di kedua-dua negeri ini diberi peluang untuk menjadi guru khususnya mereka yang berada di luar bandar. Rasionalnya Tuan Yang di-Pertua, supaya anak-anak di luar bandar yang datang dari kawasan itu iaitu graduan dan mereka boleh menyumbang kembali kepada komuniti mereka. Satunya mereka tahu budaya mereka, sensitiviti kaum itu. Jadi tidak ada percanggahan dengan budaya masyarakat apabila mereka menjadi seorang pendidik, malah memotivasikan sesuatu kaum dalam masyarakat itu supaya mereka juga rajin belajar seperti seorang pendidik dari kawasan itu sebab dia menjadi *role model* di dalam komuniti itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon agar dengan adanya Yayasan Guru Tun Hussien Onn ini, penambahbaikan kurikulum di sekolah rendah dan menengah sudah sampai kepada masanya untuk ditambah baik lagi. Lebih-lebih lagi sekarang ini kita mengadakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Jadi apabila seseorang guru yang dipilih, kompeten, mantap, lebih berkesan dari segi akademik, pelaksanaan kokurikulum dan kurikulumnya, sudah tentu ini dapat membantu memperkasakan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga maklum bahawa kementerian menyediakan bantuan biasiswa kepada murid-murid sekolah yang layak dan juga cemerlang dalam pendidikan, melanjutkan pelajaran mereka di Pusat Pengajian Tinggi dalam negara dan juga luar negara. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai fungsi Yayasan dalam memberikan bantuan

pendidikan kepada anak-anak guru. Adakah ia sama atau lain daripada biasiswa yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan?

■1440

Saya dimaklumkan juga terdapat lebih daripada 400,000 orang guru yang bertugas di sekolah kerajaan dan juga bantuan kerajaan dan terdapat juga guru yang mengajar di sekolah swasta dan sekolah-sekolah antarabangsa.

Oleh yang demikian, hal ini saya hendak memohon penjelasan daripada pihak kementerian mengenai sasaran anak-anak guru yang dimaksudkan. Sama ada ia disasarkan kepada semua anak guru yang disebutkan tadi, sama ada mereka ini layak untuk menerima pendidikan yang disediakan oleh Yayasan Tun Onn.

Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, maka saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

2.41 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak. Saya amat bangga kerana terima kasih, tahniah dan syabas kepada kakitangan Kementerian Pendidikan kerana berjaya membawa usul RUU ini di Dewan Rakyat, hari ini Dewan Negara. Tahniah, syabas. Ini saya anggap satu lagi kejutan oleh Kerajaan Malaysia-BN untuk melihat bahawa alam pelajaran, pendidikan adalah alam yang penting dan juga satu hadiah yang tidak ternilai kepada lebih kurang 425,000 guru, *plus/minus*, selain daripada kenaikan gaji.

Saya juga anggap ini satu transformasi kerajaan. Bukannya demonstrasi, bukannya baling kerusi tetapi satu transformasi yang mementingkan alam pendidikan negara dan rakyat untuk masa depan. Guru-guru patut merakamkan terima kasih kepada manusia dan bersyukur kepada Allah SWT yang memberi banyak nikmat kepada kita.

Guru, saya anggap sebagai penyemai, penanam modal insan yang tidak ada tara bandingnya. Kita dengar tadi Yang Berhormat yang mana itu baca sajak. Apa pun kita, sama ada saya, anda semua, hakim, *lawyer*, Agong bermula daripada seorang guru.

Saya, termasuk Senator yang baru masuk ini... [*Seorang Senator memasuki Dewan*] Harapan saya dengan adanya akta ini, kita dapat melihat alam pendidikan lebih baik lagi. Saya sebelum ini, saya hendak putarkan satu lagu yang menandakan komitmen daripada guru-guru kepada kita. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak tanya dulu, putarkan lagu apa itu Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Lagu guru, bukan lagu...

Tuan Yang di-Pertua: Untuk kebaikan guru?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Untuk guru.

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada lain daripada itu?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tak ada lain.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya setuju [*Ketawa*]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jadi, ini *loading* lambat sikit. Akan tetapi kalau kita dengar baik-baik, kita akan berasa terharu, sedih, bangga akan komitmen guru Malaysia... Dengarkah?.. Dengar, boleh? Muzik panjang, hilang mengantuk...

[*Lagu berkaitan diperdengarkan melalui telefon bimbit*]

Tuan Yang di-Pertua: Tak kuat Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tak kuat?

Tuan Yang di-Pertua: Kuat sikit.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Haji menyanyi semua. Cukuplah, panjang sangat Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup? [*Tepuk*]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa yang saya hendak maksudkan ialah, '*Guru Malaysia, ikrar, janji untuk mendidik, memimpin putera-puteri negara kita. Bidang pembangunan, kami tetap bersama, membantu membina negara tercinta. Amanah yang diberi, kami tak persiakan. Apa yang kami janji, tunai tetap kami tunaikan. Bidang pembangunan kami tetap bersama membantu membina negara yang tercinta. Amanah yang diberi, kami tak persiakan. Apa yang kami nyanyi, tunai tetap kami tunaikan*'. Nah, ini rakaman lagu. Maknanya, guru-guru Malaysia sudah kita lihat mengikut satu lagu. Kita boleh lihat, boleh simbolkan bahawa dia berjanji hendak lantik bersama kerajaan bersama pembangunan.

Untuk itu, saya tidak dapat sembunyikan perasaan terharu kementerian, menteri yang hadiahkan kepada guru-guru satu rang undang-undang yang amat bagus, Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Tepuk tangan sekali kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran [*Tepuk*]

Kedua, kita nama rang undang-undang ini Tun Hussein Onn. Kenapa Tun Hussein Onn? Sebenarnya, Tun Hussein jadi PM yang ketiga bermula pada 15 hari bulan Januari tahun 1976, sampai 16 Julai 1981.

Pejuang yang jujur, ikhlas, disiplin, rajin, taat dan sebagainya. Nilai-nilai baik ada pada beliau. Beliau dilantik sebagai pengajar atau guru di Pusat Rekrut dan Latihan Polis Malaya di Rawalpindi, Pakistan oleh Orang Putih. Apabila perang dunia meletus, Orang Putih telah melantik beliau sebagai guru atau ketua melatih para pejuang bawah tanah, gerila Malaya, menentang Jepun yang menawan Malaya pada ketika itu.

■1450

Dari India, dari Madras, Tun Hussein merancang dan menggerakkan operasi gerila menentang Jepun yang menawan negara ini pada tahun 40-an selama lebih kurang tiga tahun setengah. Selepas itu, beliau pulang ke Malaysia pada tahun 1945 dan dilantik sebagai Komander Depoh Polis Johor Bahru. Beliau seorang yang amat berdisiplin, tepat masa, jujur dan amanah. Juga

kalau saya hendak cerita panjang lebar, tidak payahlah. Pernah menjadi Presiden UMNO, Setiausaha Agung UMNO dan sebagainya.

Apa yang saya hendak simpulkan bahawa sesuai sangat sejarah beliau yang saya baca dengan ringkas, sesuai dengan nama Tun Hussein Onn, Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Al-Fatihah buat Almarhum... [*Membaca surah Al-Fatihah*] Amin.

Saya teliti Bahagian III – Fungsi dan kuasa yayasan. Baik, bagus, canggih, saya bangga. Pertama, bantu kementerian bagi mengadakan pembangunan kerjaya guru; kedua, menjalankan penyelidikan guru untuk kualiti pendidikan; ketiga, untuk kebajikan guru; keempat, untuk anak-anak guru; dan kelima, untuk apa-apa yang difikirkan perlu.

Saya dahulu jaga PERKESO. PERKESO dia punya pekerja semua di carum, dibantu. Orang-orang yang bekerja dengan swasta di carum. Kalau mereka dapat kemalangan, dibantu atau penyakit atau pampasan atau apa sahaja dan anak-anak mereka pun turut dibantu. Jadi sesuai dengan ini, bukan sahaja guru, malah isteri, malah anak-anak. Apa yang saya terharu lagi, termasuk anak-anak tiri dan anak angkat yang sah di sisi undang-undang. Tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan.

Satu lagi yang saya rasa bangga yang hendak ditimbulkan, kuasa Yayasan iaitu fasal 6(1) dan (2) – hal pelaburan. Dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Syed tadi, perlu ada panel. Saya sangat bersetuju. Panel patut ditubuhkan untuk melihat aspek pelaburan. Jangan tidak ada panel. Panel ini hendaklah terdiri daripada orang yang betul-betul berkebolehan. Bukan tangkap muat, bukan kroni, bukan orang-orang politik yang tidak ada kebolehan. Macam Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus dan Yang Berhormat Tan Sri boleh. Contoh. Macam Yang Berhormat Ahmad Yusop pun boleh. Contoh. Jadi kita... [*Disampuk*] Yang Berhormat Syed Husin juga boleh [*Ketawa*]

Saya hendak tekankan sedikit, ini pelaburan kena aspek banyak. Hartanah, rumah-rumah guru, pendidikan swasta. Saya tidak bimbang sebab ada duit daripada Kumpulan Wang Simpanan Guru berjuta-juta ringgit. Nanti saya baca berapa dia punya jumlah. Akan tetapi apa pun, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kata tidak payah, ini bukan kerajaan punya hal. Akan tetapi masa berkembang, masa beredar. Saya juga minta kerajaan bukan lepas tangan bila tertubuhnya yayasan ini walaupun duit KWSG ada untuk perkembangan pelaburan masa hadapan.

Kedua, pinjaman. Pinjaman kepada guru-guru saya minta tanpa faedah. Cuma, servis sebanyak 4% atau kurang daripada 4%, termasuk geran kepada mana-mana pihak yang menjalankan penyelidikan dan sebagainya. Jadi, saya minta penyelidikan itu standard dunia, global, bukan standard lokal sahaja tetapi bertaraf dunia.

Saya juga hendak minta supaya pinjaman biasiswa, kalau *result* anak-anak atau guru-guru yang melanjutkan pelajaran, pinjaman itu bertukar automatik kepada biasiswa. Jadi mereka tidak payah bayar lagi seperti yang dibuat oleh JPA dan MARA sekarang. Jadi kena ingat, Yayasan kena beri *free* kalau dapat *result* yang bagus. Contoh, Kelas 1, Kelas 2 *Upper*, cemerlang, terbilang dan sebagainya. Jadi, saya minta ini kena perhatikan.

Saya juga minta kuasa menubuhkan syarikat, muka surat 10. Ini bagi saya amat baik, tetapi saya minta kuasa menubuhkan syarikat, pertama, kena jurus kepada alam pendidikan. Ini kerana alam pendidikan sekarang banyak. Kerajaan, awam ada 22 universiti. Swasta ada 550 termasuk kolej dan universiti. Dengan adanya yayasan ini, saya hendak minta pembolotan oleh satu-satu kaum dihapuskan, diurai, diungkai oleh Yayasan guru yang baru ditubuhkan. Tidak makna tubuh Yayasan, beri niaga, beri pelaburan, beri kuasa tetapi bidang kolej dan universiti swasta masih kek tidak beri sama rata, sama rasa.

Oleh itu, saya juga hendak minta selain daripada pendidikan, cubalah ceburi kuasa untuk menubuhkan syarikat, ceburi bidang-bidang lain seperti IT, hartanah, perumahan dan sebagainya. Saya juga hendak minta, dijangka panjang Wawasan 2020, kolej-kolej universiti sekarang ada 550 buah lebih kurang, berkembang lebih kurang dijangkakan lebih daripada 600 buah. Itu kita hendak lihat peranan yayasan ini main.

Kesebelas, anggota lembaga, fasal 10(1). Tadi Yang Berhormat Tuan Syed kata wakil guru-guru kena ada. Saya setuju, tetapi saya minta Pengerusi Persatuan Guru-guru Malaysia yang paling besar sekali dilantik sebagai anggota lembaga. Yang Berhormat Senator ini boleh lantiklah kalau perlu. Akan tetapi yang penting, bukan Senator. Apa yang penting, Persatuan Guru-guru Malaysia, bukan Barat sahaja tetapi satu ini dan kalau boleh Majlis Profesor Negara diambil kira dalam pelantikan ini. Setuju? Bangunlah. Jadi, Majlis Profesor Negara turut diambil kira untuk keanggotaan Lembaga.

■1500

Selepas itu nak lantik pun boleh, tak nak lantik boleh. Akan tetapi, saya nak syorkan maksimum sambung Saya juga hendak sentuh tempoh jawatan anggota, muka surat 12, fasal 14(1). Tempoh jawatan selama tiga tahun. Setahun, setahun. Dua tahun habis. Orang lain nak masuk pula. Jangan dia, lepas dia, dia. Lepas dia, dia. Lepas dia, dia. Sekarang ada GLC dilantik sampai lima tahun, tujuh tahun, lapan tahun, 10 tahun. Dia sokmo. Macam orang lain tidak pandai. Dia seorang pandai. Tidak bantu pun.

Jadi kena ambil kira tempoh jawatan anggota- selepas tiga tahun dilantik semula, tidak lebih daripada dua tahun sahaja dengan satu *term* tambahan setahun, satu *term* lagi. Dua tahun, jangan lebih. Macam Senator lah, tiga tahun, tiga tahun. Macam saya lah. Pengosongan jawatan- 16(1) jika dia mati, anggota Lembaga mati- saya tidak nampak jika dia mati, matilah. Kita akan mati semua. Akan tetapi, saya minta semua anggota yang mati terutama yang kemalangan ambil insurans. Yayasan kena beli insurans bukan sahaja untuk Pengerusi Lembaga, tetapi semua jawatankuasa Lembaga kena ada insurans cover. Dia belilah. Jawatankuasa yang ditubuhkan muka 14 terlalu baik, terlalu bagus sampai saya tidak boleh komen lagi. Satu lagi saya hendak *refer* kepada muka bahagian lima pekerja yayasan- ini kena betul-betul komited, kena betul-betul kemampuan, kena betul-betul telus. Lebih-lebih lagi Ketua Pegawai Eksekutif sebagai bos untuk tengok anak-anak buah. Kalau bos tak mampu, kalau bos lembik, kalau bos duk loghat cik tom, kata orang Terengganu, *toroklah* anak buahnya.

Saya juga hendak *refer* kepada bahagian kewangan- Kumpulan Wang, muka surat 18. Saya dapati aset yang ada sekarang oleh Kumpulan Wang Simpanan Guru yang ditubuhkan pada tahun 1962 sebanyak RM254 juta. Banyak tu. Tanah, bangunan, alat-alat, macam-macam- RM254 juta.

Saya hendak minta semua aset ini kena pindah kepada Yayasan semua sekali. Jangan tinggal lagi sebab kita dah lupa KWSG. Kita era baru, Perdana Menteri baru, Menteri Pendidikan baru, kena pindah semua sekali aset-aset sebanyak RM254 juta. Tunai pun kita ada sekarang RM49.8 juta, tunai, *cash* dalam bank. Saya rasa dalam bank. Kena pindah semua kepada Yayasan. Untuk itu kena buka akaun baru, kena audit. Audit ini saya rasa kena buat macam *listed company*. Bukan audit setahun sekali. Tan Sri Ambrin tahulah.

Audit ini penting. Di *listed company*, audit setahun empat kali. Audit itu terdiri daripada dua-satu audit dalaman, satu audit luaran. Audit dalaman boleh tubuh di kalangan Yayasan. Audit luaran panggillah yang *whoever* lah tetapi saya nak minta bukan audit setahun sekali. Apa yang Tan Sri Ambrin Buang sekarang selaku Ketua Audit kesal ialah audit setahun sekali. Banyak jabatan, banyak kementerian, audit setahun sekali. Selepas audit setahun sekali, banyak benda yang menyeleweng, banyak benda yang tahi-tahi, banyak benda yang buruk-buruk sebab audit setahun sekali. Jadi audit Yayasan saya nak syorkan supaya tiga bulan sekali, tiga bulan sekali. Jadi empat kali audit untuk setahun. Lantik yang bertauliah. Satu dalaman, satu luaran.

Saya juga nak sebut bahawa kategori guru sekarang ada dua. Satu guru ijazah DG41 hingga DG54, kategori kedua diploma dan sijil- DG30 ke atas. Apa yang saya hendak sebut akan datang, semua pusat latihan guru, saya dahulu guru Maktab Guru Temenggung Ibrahim. Apa yang saya nak timbulkan ialah semua IPG untuk masa akan datang sesuai dengan Pelan Pembangunan Nasional, sesuai dengan akta ini tidak ada lagi DG30 supaya guru-guru benar-benar wibawa, benar-benar berkelulusan. Oleh itu, saya syorkan IPG kena semua DG41. Sampai dia mati DG54. Itu cara hendak perkasakan, hendak luaskan dan juga saya nak minta semua negeri di Malaysia ada IPG masing-masing.

Saya juga hendak sentuh sedikit sebanyak tentang akaun dan laporan. Akaun dan laporan ini penting. Saya juga bila tubuh jawatankuasa, kena ada kunci kira-kira, akaun pendapatan dan perbelanjaan semasa dan kena bentang semua laporan itu di Parlimen, Dewan Rakyat dan di sini. Jangan untuk Yayasan sahaja tetapi tidak sampai macam ini. Ini buku kena bagi kepada kita...
[Mengangkat senaskhah buku] Saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjangkah lagi?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dah nak tutup dah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, cuba ringkas Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya- tidak ada, bukan nyanyi. Saya sungguh terharu, sungguh bangga dengan adanya akta ini, saya harap era baru dan guru-guru terima kasih. Bersyukur kepada- ini sebuah sajak terakhir untuk simpulkan pandangan...

[Memperdengarkan sajak "Guru Oh Guru" melalui telefon bimbit]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjangkah lagi?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Satu minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

■1510

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semua daripada guru. Kita semua dari guru. Terima kasih. *Thank you.*

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya silakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun, kerana masa agaknya kita- saya hendak memberi maklum kepada semua Yang Berhormat. Nampaknya ramai yang berminat, tidak mengapa. Nama sudah dihantar, selepas itu kita akan teruskan. Kalau tidak cukup kita sambung esok. Akan tetapi saya hendak beri maklum kepada semua Yang Berhormat, cuba kemukakan nama-nama yang hendak berucap bagi rang undang-undang yang lain. Ini kerana senang esok, kalau ramai hendak bercakap saya bagi ruang masa lebih kepada rang undang-undang ini. Sila kemukakan nama-nama, di sini saya nampak di sini ada Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan hanya seorang sahaja. Selepas itu kalau sudah tidak ramai bercakap, saya bukan menggalakkan tetapi di samping itu senang saya hendak buat percaturan masa ya.

Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Antipencatutan hanya seorang, saya akan bagi ruang lama kepada rang undang-undang ini pasal ramai yang tidak berminat. Cuba kemukakan nama secepat mungkin supaya senang saya hendak buat mencatur masa semasa bersidang ini. Sekarang tanpa membuang masa saya silakan Yang Berhormat To' Puan dan cuba agaknya *be precise, concise, direct*, bagus untuk dapat sama kita menghayati. Silakan Yang Berhormat.

3.12 ptg.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu ucapkan tahniah kepada kerajaan Barisan Nasional yang memperkenalkan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini sebagai bukti keprihatinan berterusan kerajaan kepada kebajikan dan pembangunan guru. Kita juga amat menghargai usaha murni dan tulus ikhlas kerajaan ini bukan sahaja sebagai menghargai jasa golongan guru bagi melahirkan modal insan yang berguna untuk negara. Akan tetapi sekali gus memartabatkan lagi profesion perguruan yang bertepatan dengan agenda untuk memartabatkan profesion perguruan seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Sememangnya menjadi guru dewasa ini bukan mudah tugasnya dan tanggungjawab yang besar terletak di bahu para guru yang menuntut komitmen yang tinggi khususnya dalam menghadapi persaingan global, yang mana menuntut perubahan dinamik dalam sistem pendidikan. Dalam hubungan ini saya menyeru agar guru-guru sebagai golongan profesional perlu bersedia untuk menerima perubahan selari dengan hasrat kerajaan ini dan amanah yang diberi. Maklumlah Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita nampak ada yang baik, ada setengahnya juga tidak lari daripada

kes-kes yang kita dapati guru-guru dalam masa mengajar memainkan peranan dalam campur tangan dalam soal-soal mendidik anak-anak di luar batasan terutama melibatkan soal-soal politik.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun mengumumkan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn pada 15 Mei 2007 semasa melancarkan sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan ke-36 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada, Johor. Penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn adalah sebagai hadiah amat berharga dan bermakna kepada seluruh warga guru sempena sambutan 50 tahun kemerdekaan. Keprihatinan dan komitmen kerajaan terhadap hal ehwal kebajikan serta pembangunan guru tidak boleh dipertikaikan lagi. Apabila yayasan ini diinstitusikan atas nama Tun Hussein Onn yang merupakan Perdana Menteri ke-3 Malaysia pada tempoh 1976-1981 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengumumkan di mana kerajaan bercadang menyediakan modal RM300 juta bagi penubuhan yayasan ini melalui pemindahan aset pada Kumpulan Wang Simpanan Guru iaitu sebanyak RM200 juta dan geran kerajaan sebanyak RM100 juta. Buat pertama kalinya dalam sejarah sebuah yayasan khusus ditubuhkan untuk guru dan dinaungi oleh kerajaan dengan fungsi utama Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini adalah untuk menjaga kebajikan guru-guru seperti semasa kecemasan, khairat dan bencana. Malah ia juga meliputi pendidikan anak-anak dan sebagainya bagi menambah baik kerjaya, pengurusan dan profesionalisme kejuruan keseluruhannya.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan setakat manakah penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini akan menggabungkan entiti seperti Kumpulan Wang Simpanan Guru 1961 dan Yayasan Guru Malaysia Berhad 1994 dan mampu menambahbaikkan usaha untuk menjaga kebajikan guru dan memartabatkan profesion guru. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh seksyen 5, Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn yang menyatakan fungsi utama yayasan adalah untuk membantu kementerian bagi mengadakan aktiviti dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru, menjalankan penyelidikan ke atas meningkatkan kualiti pendidikan negara, menjaga kebajikan guru dan membantu pendidik anak guru.

Saya amat mengalu-alukan hasrat murni kerajaan ini selain langkah kerajaan memperkenalkan satu Skim Pegawai Perkhidmatan Pelajaran atau PPP yang telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014. Di mana dalam tahun ini seramai lebih 5,000 orang Pegawai Perkhidmatan Pelajaran gred DG32, DG34 dan DG38 akan dinaikkan pangkat pada gred DG42. Kerajaan juga telah menambah laluan kenaikan pangkat guru berdasarkan *time based*, berdasarkan kecemerlangan. Saya percaya golongan guru dan pendidik menghargai dan menyokong usaha-usaha kerajaan ini. Sehubungan dengan itu, guru perlu diberikan pendedahan dan peluang untuk menambah nilai intelektual dan meningkat ciri-ciri inovatif kerana guru adalah merupakan ejen perubahan dalam menghasilkan modal insan yang diperlukan negara ini.

Hubungan dengan meningkatkan profesionalisme guru, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan tentang langkah kerajaan memartabatkan, memantapkan lagi latihan guru di IPG dan kursus-kursus dalam program pendidikan guru supaya turut

menekankan dan menerapkan unsur-unsur kreativiti dan inovasi. Sejauh manakah elemen inovasi turut diberikan tumpuan bagi membudayakan inovasi di IPG dan IPGM?

Sehubungan dengan itu juga saya ingin mencadangkan agar program pensiswazahan guru PPG dimantapkan dan diperluaskan bukan sahaja meletakkan sasaran 60% guru siswazah sekolah rendah dan 90% guru siswazah sekolah menengah pada tahun 2015 dalam pelbagai bidang pengkhususan tetapi juga bagi mencadangkan agar guru-guru terus diberi peluang yang lebih luas. Untuk menyambung pelajaran bukan sahaja ke peringkat ijazah tetapi juga ke peringkat sarjana dan doktor falsafah, PhD. Selain itu, guru-guru juga sewajarnya diberikan peluang untuk mengikuti kursus, seminar dan juga projek serta program yang sesuai secara usaha sama dengan institusi pendidikan luar negara terutama negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan seksyen 10(1) Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn iaitu berhubung dengan keanggotaan lembaga dan di mana saya menyokong dengan keanggotaan lembaga Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini. Bagaimanapun saya ingin mencadangkan agar lebih ramai guru dan pegawai pendidikan pelajaran yang sedang berkhidmat dan telah bersara diberikan peluang menduduki satu keanggotaan iaitu menganggotai Lembaga Yayasan ini. Sehubungan dengan itu, seksyen 10(1)(g) sepatutnya dipinda dengan menyatakan tiga orang atau jumlah yang sesuai bagi membuka ruang penambahan bilangan anggota lembaga yayasan ini. Tuan Yang di-Pertua, guru memikul beban melahirkan pelajar berilmu dan berkebolehan yang bersedia untuk mewarisi perjuangan dan menyumbang kepada pembangunan negara.

■1520

Kita berterima kasih sangat kepada guru yang begitu banyak berjasa, berkorban masa dan tenaga dan tidak pernah jemu melaksanakan tanggungjawab yang besar ini. Saya yakin dan percaya dengan penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini akan meningkatkan kebajikan guru-guru dan profesionalisme perguruan sesuai dengan tema hari guru 2014 iaitu 'Guru Pencetus Kreativiti Penjana Inovasi'. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian Komunikasi dan Multimedia yang berhasrat memberikan lebih 400,000 *netbook* kepada guru sebagai menghargai jasa guru dan saya berpendapat ia bukan sekadar menghargai tetapi ianya akan dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan pendidikan dan pengajaran guru untuk memartabatkan lagi bidang pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit lagi berhubung dengan Bab V tentang pekerja yayasan khas khususnya seksyen 19 berhubung dengan pelantikan ketua pegawai eksekutif yayasan yang saya anggap amat penting dalam memastikan kejayaan dan memajukan yayasan ini. Sehubungan dengan itu saya menggesa agar ketua pegawai eksekutif ini adalah seorang yang mempunyai kebolehan yang tinggi dalam bidang korporat. Bertanggungjawab dan amanah serta komited untuk memajukan golongan guru. Saya juga ingin menyentuh seksyen 21 berhubung dengan pelantikan pekerja. Saya berharap yayasan ini akan mengutamakan bekas guru dan ahli keluarga guru sebagai pekerja yayasan ini bagi memastikan yayasan ini terus memberi manfaat kepada guru, bekas guru dan ahli keluarga guru.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua saya berharap dan mendoakan agar penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini dapat disegerakan, dapat memberikan manfaat dari segi peningkatan martabat profesion perguruan dan kebajikan guru dan ahli keluarga guru. Bagaimanapun sekali lagi setegasnya saya sangat-sangat mengharapkan sokongan daripada Kerajaan Barisan Nasional ini pihak guru hendaknya reti untuk membalasnya dan tahu untuk menggalas tanggungjawab kepada generasi akan datang. Itu saja Tuan Yang di-Pertua. Sekian saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*, Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf.

3.22 ptg.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia. Saya ingin turut bersama menyokong Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Saya ingin memfokuskan kepada Bahagian III fungsi dan kuasa yayasan yang saya kira saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Pelajaran kerana memang sudah tiba masanya untuk guru-guru ini mempunyai yayasan. Akan tetapi yayasan ini bukan hanya sekadar fungsinya untuk menjaga kebajikan guru-guru semata-mata, di situlah saya lihat dalam konteks fungsi yayasan ini amat bertepatan sekali apabila dinyatakan yang pertamanya fungsi utama adalah untuk membantu kementerian yang bertanggungjawab bagi pendidikan, mengadakan aktiviti dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme guru.

Saya ingin berhujah dalam konteks profesionalisme guru ini. Ini kerana profesionalisme guru dalam konteks pendidik, ia merujuk kepada keupayaan, kecekapan dalam melaksanakan suatu tanggungjawab berdasarkan kepada panduan ilmu dan latihan serta kepakaran. Apatah lagi guru ini sebenarnya kalau dalam tradisi tamadun keislaman, ia disebut dengan pelbagai istilah. Ada istilahnya murabbi, ataupun- sebab murabbi ini maksudnya lebih luas. Bukan hanya seseorang yang bertanggungjawab menyumbang ilmu tetapi ia juga bertanggungjawab untuk mengajar ilmu atas suluhan wahyu, bukan itu saja tetapi juga menanam adab dan disebut juga sebagai mu'addib dan juga *mu'allim*. Memberikan ilmu itu supaya dihayati oleh anak-anak murid.

Cabaran guru hari ini sebenarnya bukan mudah terutamanya hendak berhadapan dengan realitinya tanpa sempadan begitu mencabar dan dicabar dengan pelbagai aspek. Sebab itu lah mutakhir ini kita dengar banyak rungutan ibu bapa terhadap guru, pelbagai aduan mengenai guru seperti guru mendera pelajar, tidak terlatih, tidak ikhlas, macam-macam tohmahan-tohmahan seperti sebenarnya memang menyakitkan guru-guru kita. Oleh sebab itu lah Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini, ia memainkan peranan besar sebagai benteng kepada guru-guru juga.

Ini kerana guru-guru ini bolehlah diibaratkan seperti tin yang membakar diri tetapi pada masa yang sama memberikan cahaya untuk dinikmati oleh orang lain. Ada juga pepatah Arab dengan izin di sebut... [*Menyebut pepatah Arab*] *'Kamu seperti sebuah pokok- kamu adalah umpama seperti pokok-*

pokok yang mengeluarkan buah-buahan ranum untuk dinikmati oleh manusia. Tetapi pada masa yang sama terpaksa menahan batu-batu yang dilontarkan kepada pokok tersebut. Itulah saya rasa cabaran guru pada hari ini.

Dalam konteks ini saya ingin menyebutkan dalam konteks profesionalisme guru sebab ramai juga yang sewenang-wenangnya memberikan tohmahan bahawa sistem pendidikan kita sebenarnya tidak berkualiti dan sebagainya. Saya rasa kita harus bersifat objektif. Kalau kita melihat Laporan Tahunan 2013 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, sebenarnya bagaimana kita hendak mengukur prestasi pendidikan kita. Kementerian saya rasa, saya mengucapkan syabas kepada kementerian kerana mereka meletakkan kayu ukur piawai antarabangsa. Antaranya ialah TIMSS atau disebutkan sebagai *Trends in International Mathematics and Science Study* dan juga *Program for International Student Assessment* dengan izin, atau ringkasannya PISA.

Walaupun nampaknya banyak sekolah kita yang kalau daripada segi kayu ukur PISA dan TIMSS seperti mana laporan tahun 2013..

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hendak sampuk sikit boleh?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh sampuk Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan rujukan Yang Berhormat tadi terhadap badan-badan piawai antarabangsa yang menetapkan nilai-nilai yang hendak kita ikut. Saya rasa saya setuju tetapi jangan lupa ialah bahawa kita sendiri patut menyumbang, patut menentukan kriteria-kriteria untuk menentukan piawaian itu. Sebabnya sejak akhir-akhir ini kecenderungannya *high* kepada sains dan teknologi.

Perkara-perkara mengenai kemanusiaan diabaikan. Perkara-perkara seumpamanya saja dalam menilai taraf universiti sekarang, kedudukan universiti, apa yang dinilai? Perkara-perkara mekanikal, sedangkan perkara-perkara yang ada kebaikan dengan pembangunan manusia diabaikan. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kita mengikut piawaian antarabangsa tetapi jangan kita terlalu lalai, terlalu terpesona dengan piawaian antarabangsa kita mengabaikan perkara-perkara yang patut diberikan prioriti. Dalam hal ini kalau boleh saya merujuk manifesto calon Presiden Indonesia sekarang Tuan Yang di-Pertua iaitu mengatakan di samping kebebasan politik, kebebasan ekonomi yang tidak kurang penting ialah pembangunan manusia yang harus juga dijadikan sebagai ukuran untuk memberikan piawaian itu. Terima kasih kerana memberi kesempatan. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus. Inilah sebenarnya hujah saya pun. Saya hendak sebutkan memang saya setuju dengan apa yang disebutkan tadi. Kalau kita melihat piawai-piawai yang ada dan ini juga soalan saya hendak ajukan kepada kementerian. Apakah kita hanya sekadar *realize* ataupun bergantung kepada piawai-piawai antarabangsa? Memang piawai antarabangsa ini penting supaya kita hendak melihat kedudukan Malaysia berbanding dengan negara-negara maju. Oleh sebab itu saya sebutkan tadi ada

beberapa buah sekolah yang saya rasa memang dari segi piawai antarabangsa PISA dan TIMSS itu mencapai tahap bahkan lebih tinggi daripada negara-negara maju. Kalau boleh saya sebutkan dari segi beberapa sekolah yang disebutkan dalam laporan ini. contohnya dalam mata pelajaran Matematik.

■1530

Antara sekolah yang berada diparas melebihi tahap purata negara-negara maju termasuklah Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Wilayah Persekutuan termasuklah Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma, Sekolah Menengah Kebangsaan Damansara Jaya dan Maktab Tentera Diraja. Itu matematik dan sains. Beberapa buah sekolah seperti Sekolah Menengah Sri KDU, sekali lagi Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah, Sekolah Menengah Kebangsaan Damansara Jaya, Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Batu Pahat. Kalau saya hendak bacakan panjang pula. Boleh rujuk kepada laporan ini. Termasuklah juga dalam aspek pembacaan.

Akan tetapi kriteria-kriteria ini saya setuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah tadi. Kriteria ini kebanyakannya bersifat lebih kepada mekanistik ataupun bersifat sains dan teknologi semata-mata. Akan tetapi apabila kita bercakap soal pendidikan, dia harus bersifat holistik. Kalau kita melihat dalam konteks Falsafah Pendidikan Negara yang digubal sekitar 1980-an, yang mana meletakkan falsafah kita membangunkan pelajar-pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelektual.

Falsafah itu amat baik sekali. Cumanya apakah falsafah ini semakin lama semakin dipinggirkan. Hari ini kita tidak dengar sudah soal Falsafah Pendidikan Negara diulang-ulang ataupun diuar-uarkan agar semua meletakkan satu dimensi pemikiran yang sama. Ke mana hala tuju pendidikan kita hendak dibawa dan sebagainya. Termasuk juga dalam konteks hendak menilai sama ada tahap pendidikan kita ini mencapai tahap sebagaimana yang dikehendaki oleh negara kita. Oleh kerana negara kita acuan kita. Kita tidak boleh menggunakan sewenang-wenangnya piawai barat secara mutlak. Bukan bermakna saya katakan tadi saya bukannya menentang untuk kita menggunakan TIMSS ataupun PISA sebagai kayu ukur, melihat bagaimana kedudukan prestasi pendidikan kita.

Akan tetapi yang saya maksudkan selain daripada kayu-kayu ukur ini perlu ada juga piawai yang menggunakan neraca berasaskan kepada acuan negara kita. Oleh kerana acuan negara kita ini acuan yang mustahak mengambil realiti kepelbagaian kaum, kepelbagaian agama yang amat unik dalam konteks kemajmukannya. Kita harus mengambil kira negara kita ini yang asas-asasnya berbeza dengan negara-negara maju. Umpamanya kita tidak tinggal ataupun kita tidak sekali-kali menanggalkan identiti agama, budaya dan juga adat tradisi yang merupakan salah satu elemen penting dalam meningkatkan ataupun dalam kita hendak memastikan acuan yang kita hendak bawa. Walaupun kita hendak masukkan dan terapkan di dalam sistem pendidikan kita benar-benar dapat melahirkan pelajar yang kita inginkan untuk masa depan negara.

Tuan Yang di-Pertua, suasana yang...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh mencelah?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Silakan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi. Saya tertarik dengan hujah yang telah diberikan tadi berhubung dengan penilaian yang telah dilakukan oleh pihak antarabangsa dan juga kita.

Saya rasa kita disebut dalam Dewan ini beberapa kali bahawa penarafan universiti-universiti di negara-negara kita ini duduk di bawah 200. Ini satu angka yang jauh ke bawah. Walau bagaimanapun saya rasa kita neraca itu diukur dari sudut mereka. Tidak diambil kira dengan elemen-elemen yang ada dalam negara kita yang kepelbagaian. Satu.

Kedua, saya melihat juga pensyarah dan juga universiti diukur daripada sejauh mana jurnal yang telah dapat dihasilkan dan diterbitkan dalam jurnal sains di peringkat antarabangsa. Sedangkan kita banyak fakulti yang tidak berorientasi sains. Di sini sudah menjadi satu pengukuran yang tidak tepat dengan pencapaian universiti di tempat kita dalam pembelajaran. Jadi saya minta komen Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat sahabat saya yang juga merupakan bekas ahli akademik juga yang saya rasa amat bertepatan apa komen yang diberikan. Oleh kerana kita harus memperkasakan dan juga memberikan keutamaan kepada matlamat, hala tuju negara kita, dalam konteks bagaimanakah generasi yang kita hendak lahirkan.

Kalau kita hendak lahirkan manusia-manusia yang berjiwa yang mana asasnya dibina atas dasar agama, adat, tradisi dan sebagainya, piawai yang kita hendak gunakan dalam kita hendak menilai kerangka pendidikan kita juga harus berbeza dengan kerangka barat umpamanya. Ini kerana dalam konteks Barat pada hari ini pun mereka tercah-cari formula yang terbaik untuk menilai bagaimana mereka dapat mencari formula untuk memastikan yang lahir adalah graduan-graduan yang mempunyai nilai kemanusiaan. Bukannya robot-robot bernyawa yang hanya pakar dalam bidang-bidang mereka tetapi lompong dari segi nilai dan juga akhlak.

Oleh sebab itulah hari ini banyak sekali isu-isu yang melibatkan faham-faham yang tidak masuk akal dari segi nilai-nilai kemanusiaan seperti LGBT umpamanya, lesbian, gay yang dituntut oleh mereka yang mempunyai pemikiran ataupun tahap pendidikan yang tinggi. Mereka ini bercakap tidak ada langsung nilai memahami roh keagamaan mahupun roh kemanusiaan itu.

Oleh sebab itulah saya setuju dalam konteks kita pun tidak sebab itulah ada isu yang dibangkitkan kelmarin apabila Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali menyebutkan apakah universiti-universiti kita ini tidak berkualiti kerana tidak termasuk dalam 200 dan 300 universiti-universiti yang terbaik di dunia. Oleh kerana neraca penilaian mereka berbeza.

Kita lihat dalam konteks contohnya TIMSS *ranking assessment*. Mereka meletakkan jurnal-jurnal antarabangsa. Jurnal-jurnal antarabangsa ini mestilah jurnal-jurnal yang mana *qualified* di peringkat negara-negara maju seperti Amerika dan juga Britain yang mana negara-negara ini

memfokuskan kepada jurnal-jurnal yang bersifat seperti mana yang sahabat saya sebutkan tadi iaitu sains dan teknologi. Walhal aspek kemanusiaan dalam konteks negara kita, universiti-universiti bukan hanya memfokuskan kepada bidang-bidang mekanikal semata-mata, mekanistik. Akan tetapi juga bidang-bidang yang bersifat sains dan kemanusiaan.

Kita banyak bidang-bidang syariah umpamanya, bidang-bidang psikologi, bidang-bidang yang merujuk kepada sains dan kemanusiaan yang mana tidak banyak yang jurnal-jurnal antarabangsa yang ada ranking yang tinggi, mudah untuk pensyarah-pensyarah kita masuk ke dalam jurnal-jurnal ini. Itu tidak termasuk lagi isu-isu yang sentiasa dibangkitkan. Soal diskriminasi. Kalau ada nama Asia, kalau ada nama penulis jurnal itu orang Islam akan susah untuk mendapat tempat.

Ini berlaku sewaktu saya belajar di United Kingdom sendiri pun profesor saya beritahu kalau hendak mudah masuk dalam jurnal-jurnal antarabangsa biar letak nama dia sekali. Ini kerana mudah untuk masuk dalam *high rank journal*, dengan izin, ataupun jurnal-jurnal yang mendapat penarafan yang tinggi. Itu akan membolehkan kita mendapat mudah untuk kita hendak naik pangkat di peringkat universiti dan sebagainya. Akan tetapi itu dalam konteks universiti. Begitu juga dalam konteks sekolah-sekolah ini. Oleh sebab itu saya suka bercakap dan menegaskan dalam konteks ini. Kalau boleh kementerian boleh memberikan penjelasan di Dewan yang mulia ini bagaimanakah dalam konteks pelan-pelan pendidikan ini, apakah seiring dengan falsafah pendidikan negara yang kita bentuk dulu.

Oleh kerana falsafah ini saya ingat waktu saya- saya antara generasi terawal KBSM dan KBSR. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah yang mana kami pada waktu itu disuruh hafal Falsafah Pendidikan Negara, diletakkan di dinding-dinding sekolah yang mana asasnya memang cukup cantik. Pelajar yang seimbang dalam segala aspek. JERI itu, Jasmani, emosi, rohani dan Intelek.

Akan tetapi kalau kita terlalu tergantung kepada sistem piawai yang ditetapkan oleh peringkat antarabangsa seperti TIMSS dan juga PISA tadi, dia tidak menilai dalam konteks kemanusiaan. Dia tidak menilai dari konteks akhlak. Dia tidak menilai dari segi konteks keagamaan kerana ini negara di mana berpegang kepada rukun negara. Kepercayaan kepada agama itu tonggak. Tidak kiralah agama Islam atau agama yang lain. Maknanya setiap daripada kita mempunyai kekuatan tersebut. Silakan.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Silakan.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Saya cuma ingin minta pandangan, sebab ada dalam Dewan ini dulu kita ada bahasa mengenai isu pendidikan yang saya rasa amat penting untuk memastikan kita melahirkan satu modal insan yang baik di masa hadapan.

■1540

Jadi saya hanya ingin mohon pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. sebab kalau kita lihat pada zaman dahulu rakyat kita emak bapa kurang yang perlu bekerja suami isteri untuk menampung keluarga. Jadi masa itu kita dapat memberi sepenuh masa kepada anak-anak. Akan tetapi zaman

sekarang ibu bapa terpaksa bekerja disebabkan kos saraan hidup dan bebanan hidup. Jadi pada masa sekarang ini anak-anak ada kalanya terbiar, sendirian. Jadi mereka ini tidak mendapat dari segi pendidikan agama, akhlak dan juga pendidikan ilmiah yang saya rasa penting dan saya rasa Kementerian Pendidikan harus melihat dari aspek ini, mana sepatutnya memanglah ini tugas ibu bapa.

Disebabkan peredaran zaman, saya rasa sistem pendidikan juga harus dipertingkatkan untuk memasukkan lebih elemen-elemen sosial ini supaya ianya dapat diterap daripada peringkat persekolahan lagi. Sebagai contoh, kalau di peringkat sekolah rendah kita ada Kafa semua. Akan tetapi sekolah menengah sudah tidak ada dari segi pendidikan agama. Baru-baru ini saya ingat hujung tahun lepas saya mempengerusikan satu mesyuarat PIBG di sekolah menengah. Sebanyak 70% pelajar Islam tidak tahu mengaji dan tidak bersolat. Jadi saya rasa 70% out of 90% yang Melayu. Jadi saya rasa ini amat membimbangkan dan harus kita beri perhatian yang lebih. Apa pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju. Cumanya kadang-kadang kita hendak menyalahkan sistem persekolahan semata-mata pun tidak adil juga. Oleh sebab ini adalah satu budaya pemikiran masyarakat hari ini yang mana kadang-kadang bukan kadang-kadangnya, saya rasa hampir ramai ibu bapa hari ini yang bekerja kerana faktor sosial dan juga ekonomi yang ada...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya celah sedikit?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Sekejap saya habiskan dulu nanti saya bagi ruang. Dalam konteks ini saya rasa ibu bapa pun tidak boleh menswastakan ataupun *out source*, dengan izin. Menswastakan apa? Menswastakan tanggungjawab mereka sebagai ibu bapa untuk mendidik dan juga mengajar anak-anak juga. Maknanya sekarang ini seolah-olah segala-galanya dihumbankan ke sekolah. Guru-guru terpaksa bukan sahaja mengajar pelajaran tetapi juga guru-guru terpaksa untuk mengambil alih tugas dan tanggungjawab ibu bapa di rumah untuk memastikan akhlak mereka baik, sahsiah mereka baik dari segi penghayatan agama mereka baik dan sebagainya.

Saya rasa ini tidak adil. Bahkan kalau kita bercakap dalam konteks realistik dan praktikal pun guru-guru dengan anak murid yang 30 ke 40 orang tidak dapat memberikan satu pengajaran yang berkesan dalam konteks holistik. Walau bagaimanapun saya setuju bahawa peranan guru-guru ini bukan hanya seperti mana yang saya sebut daripada awal. Bukan hanya proses untuk menyumbat ilmu, bukan hanya untuk memastikan anak-anak kita mendapat semua 'A'. Akan tetapi mereka juga adalah murabbi yang menjadi *role model* ataupun contoh teladan yang terbaik.

Sebab itulah ada satu pepatah Arab yang boleh saya kongsi disebut... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Maksudnya, "*Bagaimanakah kita hendak meluruskan satu bayang-bayang kalau batangnya bengkok*". Jadi batang ini saya merujuk kepada tenaga pengajar itu. Tenaga pengajar kena dipastikan supaya mereka menghayati falsafah ini. Falsafah Pendidikan Negara yang mana tugas dan tanggungjawab mereka bukan hanya bersifat untuk menyumbat ilmu ataupun menyampaikan mata pelajaran habis *syllabus* tapi ada juga suara-suara nakal mengatakan guru-guru hari ini hanya

memfokuskan perkara-perkara asas yang diperlukan untuk *discover* ataupun dihabiskan di kelas-kelas, kerana ada tugas sebagai guru tuisyen itu lebih banyak imbuhan.

Ini suara-suara nakallah. Sejauh mana perkara ini benar dan sebagainya mungkin pelajaran pun harus mengambil peduli perkara yang sedemikian. Oleh sebab wujud persepsi-persepsi yang mungkin benar, mungkin salah tetapi ini adalah persepsi yang ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agaknya cuba ringkaskan Yang Berhormat kerana kita...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa antara perkara yang penting juga saya hendak sebutkan di sini...

Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah: Boleh mencelah sekejap sahaja hendak bagi pandangan. Sebentar tadi ada disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Norliza bahawa perkara yang menjadikan keadaan begini adalah kerana kedua-dua ibu bapa bekerja. Saya berpandangan bahawa kita patut ada pilihan. Ada kalanya memang tidak perlu bahawa kedua-dua bekerja. Akan tetapi oleh sebab hendak mengejar kemewahan, kebendaan dan sebagainya, hendak beli rumah yang lebih besar, kereta lebih besar maka kedua-duanya bekerja.

Saya ada juga ramai kawan-kawan yang telah opsyen untuk isteri tidak bekerja. Hanya suami sahaja keluar bekerja. Saya rasa sudah tiba masanya kita mesti menukarkan cara hidup kita. *We can live a very simple life and get very happy life...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah: Boleh tak saya dapat pandangan daripada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila ambil perhatian. Kita sedang membahaskan rang undang-undang. Cuba fokus yang contoh-contohnya minimum kerana kalau kita hendak dari segi tajuk-tajuknya memang panjang. Yang Berhormat cuba fokus kepada rang undang-undang ini apa yang sepatutnya pandangan itu bagus tapi jangan terlalu panjang. Jangan jadikan isu untuk sama-sama kita berbahas dalam perkara yang amat menyeronokkan tetapi masa itu agaknya kita terpaksa hormati. Sekarang ini tadi ada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus ada bangkit sekejap. Saya hendak bagi peluanglah apa Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus hendak tanya itu silakan. Ringkas sahaja.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya dalam banyak hal boleh dikatakan 99% bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi. Tapi bila Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi cuba hendak membela jangan dipersalahkan sistem persekolahan saya tidak setuju. Sebab saya rasa kita harus mempertanyakan terus tentang sistem persekolahan kita ini. Kenapa PIPP dulu gagal? PIPP gagal kerana itu ditukar dengan yang terbaru PPPM. Jadi kegagalan PIPP itu saya rasa kerana kita memuji tidak habis-habis PIPP. Begitu juga bila Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi ada menyebut jangan salahkan sistem persekolahan saya rasa kita harus mempersoalkan terus menerus sistem persekolahan ini.

Kegagalan PIPP kerana terlalu banyak yang memuji. Bila ada yang menegur, disalah anggap dan kegagalan PIPP ialah yang menimbulkan timbulnya PPPM. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat cuba ringkaskan.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih. Saya bukannya hendak mempertahankan sistem persekolahan kita semata-mata cumanya saya kata tidak wajarlah kalau kita hanya menyalahkan sistem sekolah semata-mata. Okey cuma saya hendak satu *point* penting apabila kita menyentuh soal profesionalisme guru. Dalam mewujudkan satu piawai menilai tahap profesionalisme guru-guru ini. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, instrumen yang digunakan adalah instrumen yang disebut dalam perkara ini ialah Instrumen Penilaian Bersepadu atau dengan izin, *Unified Instrument* yang menilai kompetensi dan prestasi guru berasaskan piawai-piawai tertentu. Ini mustahak kerana bagi saya berbalik kepada hujah yang saya bantah tadi, saya mahu kementerian memperjelaskan kepada Dewan ini.

Apakah piawai-piawai ataupun komponen-komponen dalam piawaian ini? Apakah ia termasuk kerana kita bercakap soal guru di negara kita yang berasaskan dan berteraskan falsafah pendidikan kita yang mana hendak mewujudkan satu generasi masa depan negara yang saya rasa apabila saya tengok dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Saya tidak nampak sangat komponen piawai ini atau komponen penilaian ini yang memfokuskan aspek-aspek penting seperti contoh aspek-aspek kenegaraan umpamanya. Berapa ramai anak-anak muda kita ini dalam *Facebooknya*, dalam *Twitternya* mempersoalkan perkara-perkara asas yang melibatkan soal kenegaraan.

Ini penting kerana dalam konteks Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini kerana fungsi utamanya hendak memastikan peningkatan pembangunan profesionalisme guru. Saya mendambakan, saya berhasrat untuk melihat Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini seperti mana satu badan profesional lain seperti badan profesional akauntan, MACPA, MIA ataupun kejuruteraan ada badan profesional yang menilai, sistem peguamnya ada *Bar Council* dan sebagainya. Saya rasa Yang Berhormat Tan Sri Datuk Rahim sebut *quantity surveyor* pun ada dia punya badan-badan profesional.

■1550

Saya rasa sudah tiba masanya. Memang amat penting sekali untuk kita ada badan profesional yang menilai dan mentaksir sejauh mana guru-guru kita ini mencapai standard piawai yang mana kayu ukur piawai ini ditentukan mengikut acuan kita, bukan acuan Barat, bukan acuan mana-mana pihak, mengikut apa yang kita kehendaki. Generasi kita yang kita kehendaki masa depan untuk membina negara masa depan. Saya rasa ini penting dan mustahak untuk diambil kira kerana mungkin Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini boleh berperanan sedemikian. Kalau kita boleh wujudkan satu akta yang sebesar ini sebagai satu badan berkanun pula. Saya rasa ini kita kena dari segi struktur *foundationnya*, dengan izin, perlu jelas daripada awal. Oleh sebab itu saya rasa, ini penjelasan yang saya harap dapat daripada Kementerian Pendidikan. Itu sahaja daripada saya, saya mohon untuk menyokong Rang Undang-Undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.* Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Rohani Abdullah. Oleh kerana masa, kalau boleh

kita cuba ringkaskan kerana kalau sekiranya ada perkara-perkara yang telah pun dan belum disentuh oleh mana-mana Yang Berhormat tadi. Silakan Yang Berhormat Senator.

3.51 ptg.

Datuk Hajah Rohani binti Abdullah: *Insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua, saya ringkas sahaja. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, dan salam 1Malaysia. Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya turut menyokong Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 ini kerana ia merupakan suatu yang wajar ditubuhkan bagi menggantikan Kumpulan Wang Simpanan Guru 1962. Saya juga menyokong cadangan berkaitan saranan serta pandangan dan cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat kita yang telah berbahas sejak petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya mengambil peluang untuk menyentuh sedikit fasal 5(c) yang berbunyi, "*Bahawa melakukan apa-apa perkara yang wajar atau sesuai manfaat atau perlu dalam menjaga kebajikan guru*". Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar apabila yayasan ini ditubuhkan, ia dapat mendirikan pusat jagaan kanak-kanak. Saya selalu dalam apa-apa sahaja saya bersuara hasrat ini bahawa mendirikan pusat jagaan kanak-kanak atau taska di sekolah-sekolah untuk kemudahan guru yang mana kemudahan kepada guru-guru menempatkan anak-anak mereka yang belum bersekolah tanpa perlu menghantar anak-anak ini ke taska-taska yang jauh dari rumah. Jadi ibu atau cikgu-cikgu ini adalah satu bumbung dan satu kawasan dengan anak-anaknya.

Mungkin saya berpengalaman sebagai guru dari usia muda sampailah bersara, saya nampak inilah keperluan yang perlu dititikberatkan. Walaupun Yang Berhormat Menteri sudah pun menjawab menyatakan bahawa jika ada permohonan dari sekolah-sekolah berkenaan, maka pusat asuhan ini perlu didirikan. Akan tetapi bagi saya, satu kewajipan kerajaan waima macam mana pun perlu juga waima sebuah bilik darjah untuk keperluan pusat penjagaan ini. Ini kerana saya merasakan keselamatan dan keperluan anak-anak itu lebih terjamin. Pandangan saya ini berpegang kepada hak asasi kita iaitu ibu adalah madrasah bagi anak-anak di awal usia anak-anak.

Dalam melahirkan modal insan yang sempurna untuk negara kita, kebajikan guru-guru dan anak-anak perlu diberi keutamaan yang mana tradisi meninggalkan anak-anak di rumah ataupun di pusat jagaan yang di bawah jagaan pengasuh-pengasuh asing perlu diminimumkan kerana masalah ini dibimbangkan akan berlaku lagi, akan sentiasa berterusan perkara-perkara penderaan kepada kanak-kanak yang kita tidak mahu perkara ini berlarutan kepada anak-anak kita. Itu sahaja. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, seperti saya janji, ringkas. Penubuhan yayasan ini diharap akan menjadi realiti serta dapat disegerakan demi menjaga kebajikan warga guru dan memartabatkan profesion keguruan itu sendiri. Oleh itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang saya silakan Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

3.55 ptg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas dalam Rang Undang-Undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014.

*Ke Surabaya bersama mentua,
Sambil memakai baju kebaya,
Sungguh cantik baju Tuan Yang di-Pertua,
Nampak segak lagi bergaya... [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak masa lebihkah?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: [Ketawa] Ikhlas, ikhlas Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mengucapkan setinggi tahniah khasnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana mengambil langkah untuk mewujudkan satu yayasan yang boleh membantu dan menjaga kebajikan serta memberi pengiktirafan kepada guru dan usaha yang sangat baik dalam menjaga kebajikan guru-guru dan mereka yang berkaitan. Kita sedar guru tunggak kejayaan negara. Tanggungjawab guru hari ini memang begitu relevan dengan pembangunan negara yang perlu melahirkan modal insan yang berdaya saing bagi menghadapi negara maju berpendapatan tinggi bagi tahun 2020.

Justeru, guru-guru ini perlu dipelihara kepentingannya dan dibela keperluannya serta perlu diberi perhatian yang bersungguh-sungguh oleh kerana penubuhan yayasan ini merupakan satu langkah yang baik dan bertepatan dan selaras dengan usaha untuk hendak meningkatkan pembangunan kepada profesional guru-guru di Malaysia ini. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua kerana hari ini saya agak kurang sihat tetapi demi tanggungjawab, saya datang juga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari ucapan dasar Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada disebutkan bahawa Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini tidak melibatkan implikasi kewangan kerajaan kerana ia tidak menerima peruntukan kewangan daripada kerajaan. Di samping itu, yayasan ini juga akan memberi faedah kepada semua guru tanpa mengenakan sebarang yuran keahlian. Jadi saya inginkan penjelasan, bagaimanakah yayasan ini akan mencari dana kewangan untuk menguruskan yayasan tersebut dan melaksanakan fungsinya seperti yang telah dinyatakan dalam rang undang-undang ini?

Dari penelitian saya terhadap Rang Undang-Undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini, saya dapati yayasan juga boleh membuat pelaburan. Walau bagaimanapun seperti yang kita sedia maklum, pelaburan adalah bidang yang memerlukan pengetahuan, kepakaran, dan pengalaman bagi memastikan ia diurus dengan baik supaya tidak menjejaskan kedudukan kewangan yayasan ini. Bidang pelaburan merangkumi banyak cabang seperti pelaburan saham, simpanan tetap, dan pelaburan dalam hartanah. Saya mohon penjelasan bagaimana yayasan dapat memastikan

pelaburan yang dibuat dapat memberikan pulangan modal kepada yayasan ini? Sehubungan dengan itu, saya mohon Menteri Pendidikan menyatakan sama ada yayasan yang akan ditubuhkan ini mempunyai kepakaran dalam bidang pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan rang undang-undang ini, Menteri juga menyebut bahawa sebelum ini wujudnya satu organisasi Kumpulan Wang Simpanan Guru yang ditubuhkan bertujuan menjaga kepentingan dan memberi faedah kepada guru-guru bukan kerajaan di bawah skim perkhidmatan guru-guru yang dipersatukan. Hasil daripada pengurusan yang cekap yang efisien dan akhirnya mewujudkan pendapatan yang begitu banyak dan ianya disalurkan kepada ahli. Sebagaimana yang disebut dalam pembentangan oleh Menteri sebelum ini, Kumpulan Wang Simpanan Guru ini ada bangunan KWSG yang diberi sewa kepada organisasi dan agensi-agensi swasta. Mereka ada simpanan tetap dan ada juga difahamkan pegangan saham di beberapa buah syarikat di Bursa Saham.

■1600

Ini merupakan satu perkara yang cukup baik kepada syarikat di bursa saham dan pencapaian ini amat menggalakkan. KWSG telah mencapai matlamatnya dan telah melaksanakan fungsinya. Di sini saya ingin mohon penjelasan, bagaimanakah kedudukan KWSG pada masa ini. Apakah perancangan terhadap aset-aset yang dimiliki oleh KWSG memandangkan ia akan dibubarkan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang baru ini mengandungi lapan bahagian dengan 49 fasal yang menerangkan bagaimana pentadbiran dan pengurusan yayasan yang ditubuhkan nanti. Saya gembira dan menyokong rang undang-undang ini seperti mana yang dijelaskan dalam fasal 5 yang menyatakan fungsi untuk yayasan bagi membantu Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan profesionalisme guru-guru bagi meningkatkan kemahiran guru-guru. Selain itu juga, yayasan ini membantu guru-guru melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapakah jumlah guru-guru yang menyambung pelajaran di peringkat yang lebih tinggi seperti di peringkat ijazah sarjana muda dan peringkat sarjana pada masa ini. Bilakah seorang guru itu dibenarkan menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi? Soalan saya ini diutarakan kerana saya dapati ramai guru sekarang suka belajar dan ada guru-guru muda ini setelah bertugas selama dua tahun, mereka ingin menyambung ke peringkat sarjana tapi halangan mereka, terma perjanjian tidak dibenarkan.

Jadi, adakah kerajaan akan mengkaji semula agar membenarkan guru-guru muda yang sudah bertugas sekurang-kurangnya dua tahun, boleh memohon untuk melanjutkan pelajaran setelah dua tahun bertugas dan boleh memohon biasiswa daripada yayasan ini.

Selain daripada pendidikan guru-guru, yayasan ini juga membantu pendidikan anak-anak guru dan perkara ini amat wajar sekali kerana ini merupakan timbal balas pengorbanan guru-guru kepada

generasi akan datang. Kita minta agar anak-anak guru, terutamanya di luar bandar ini diberi peluang yang lebih untuk diberi biasiswa. Lantaran itu Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan amat sangat...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: ...Supaya guru-guru di masa-masa yang akan datang sebagaimana yang dikatakan oleh rakan saya tadi...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya hendak minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bolehkah Menteri minta penjelasan?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Menteri hendak minta penjelasan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *It looks awkward* tapi saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kita dapati sekarang ini banyak tuduhan mengatakan guru-guru menentang kerajaan. Tiba-tiba kita hendak buat kurikulum sejarah untuk membolehkan anak didik, pelajar-pelajar berterima kasih bersyukur kepada Allah kerana mereka berada di bumi yang bertuah ini. Kalau sekiranya guru-guru ini menentang kerajaan, tentulah pihak pembangkang suka tapi sebenarnya dari segi hukum Allah lain balik ya.

Jadi, apakah yayasan guru ini bercadang untuk menganjurkan apa-apa pendekatan supaya pemikiran guru-guru ini dibetulkan ataupun orang yang tuduh guru menentang kerajaan itu dibetulkan bahawa sebenarnya guru tidak menentang kerajaan. Oleh sebab pada pandangan kita, bila guru ataupun mana-mana pegawai kerajaan yang bekerja makan gaji sekarang, mereka mesti *serve government of the day*, kerajaan yang memerintah sekarang. Kerajaan yang memerintah sekarang ini ialah Barisan Nasional. Kalau sekiranya guru-guru memesongkan untuk tidak menyokong kerajaan, ini ialah satu perbuatan yang kurang baik. Akan tetapi mungkin antara sebabnya ialah pendekatan kita dengan mereka juga kurang baik. Jadi, apakah yayasan guru ini ingin meningkatkan penyambungan silaturahim itu dapat dipertingkatkan sehingga guru kembali balik ke zaman asal dahulu di mana guru dan kerajaan berpisah tiada.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ini bukan Menteri hendak jawab, tidak sepatutnya. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita buat yang terbaik. Saya rasa kalau ada yang mengatakan guru itu tidak menyokong kerajaan, saya fikir itu disebabkan nila setitik, rosak susu sebelanga. Bukan semua guru menentang kerajaan. Saya tidak fikir tapi kalau masih ada guru-guru yang menentang kerajaan ataupun pegawai-pegawai kerajaan, marilah kita berbalik ke pangkal jalan. Saya tidak fikir semua guru ada yang berbuat begitu tetapi yakinlah bahawa hasil daripada guru-gurulah, maka kita jadi manusia yang sebegini baik. Jadi, terima kasih kepada guru-guru dan pandangan daripada Yang Berhormat Menteri itu...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak suruh Yang Berhormat jawab. Saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya dan minta bahawa pandangan saya itu dimasukkan dalam ucapan itu. Itu maksud saya.

Jadi Yang Berhormat, bila sesuatu itu di cakap dengan terlampau luar biasa dalam media sosial dan mana-mana. Kehadiran banyak daripada mereka ini dalam media sosial dengan nama yang berlainan untuk menentang kerajaan, maka sekarang bukan lagi nila setitik dalam belanga sebab dahulu guru sedikit. Mungkin itu belanga tapi sekarang guru sudah ramai, 10 kali *swimming pool*, bubuh setitik tidak berasa apa-apa di dalam *swimming pool* tersebut. Jadi, makna kata kehadiran mereka yang tidak berpuas hati dengan kerajaan bukan kerana kerajaan tidak bagi gaji mahal, kerajaan bagi gaji cukup mahal kepada cikgu-cikgu dan tidak ada orang dapat naik pangkat yang hebat dalam dunia ini ialah guru. *Time based*. Cukup tempoh, apa pun mereka naik pangkat. Padahal pegawai PTD hanya 10,000 orang kalau tidak dapat naik pangkat, tidak naik pangkat. Merana jiwa mereka. Walau bagaimanapun, kita sedang mempertimbangkan supaya mereka juga ikut *zone based* bukan *time based*.

Okey, *back to this one*. Guru-guru dahulu telah mendidik kita, kita jadi orang. Jadi, senator, jadi profesor, jadi penulis terkenal, jadi sosialis, jadi macam-macam, jadi kapitalis, jadi ahli agama. Ini hasil didikan guru yang lepas tapi saya tidak mahu *blame* guru-guru. Akan tetapi sekarang ini saya hendak bagi tahu bahawa penagih dadah begitu ramai di kalangan pelajar-pelajar sekolah, peminum-peminum air daun ketum. Apakah salah kurikulum, apakah salah guru, apakah salah ibu bapa? Sudah pasti jawapannya ialah masing-masing ada salah seorang sedikit.

Jadi, apakah yayasan guru ini ingin menggunakan peruntukan yang begini besar untuk memastikan supaya guru, seperti yang saya sebutkan awal tadi, meletakkan diri, pemikiran mereka iaitu guru dan kerajaan berpisah tiada. Saya baru keluar kenyataan akhbar sekejap tadi Tuan Yang di-Pertua iaitu kehadiran dua orang lagi anggota Kabinet dalam Jabatan Perdana Menteri. Mereka tanya, apakah jawatan saya akan dibahagi-bahagi, tidak. Jabatan Perdana Menteri ada 83 portfolio jabatan dan saya sendiri sebenarnya cukup tertekan dengan begitu banyak portfolio yang ada di sana. Jadi, sekarang ini saya boleh fokus kepada tujuh portfolio saya iaitu APMM, Parlimen yang dikasihi ini, Suruhanjaya Pilihan Raya, Audit. Audit bawah saya bukan bawah orang lain. Kemudian JPA, ICU, PERMATA, PR1MA. Yang ini terus saya akan bagi perhatian. Termasuk lagi satu yang saya sedang jaga dengan hebatnya ialah ESSCOM.

Okey, balik kepada ini bahawa apakah peruntukan yang begini besar perlu dibelanjakan untuk tujuan meningkatkan pemikiran dan martabat guru ke tahap guru. Kalau dia seorang guru, dia buat kerja tidak elok, jadi orang kata cikgu. Macam peribahasa kita, kalau cikgu kencing berdiri pun ada peribahasanya. Kalau ulama pakai seluar pendek main bola pun ada peribahasanya. Kalau orang sosialis pergi naik kereta *Lamborghini*, akan ada peribahasanya. Kalau Ahli Parlimen tiba-tiba pergi buka baju, menyanyi, orang kata macam-macam. Jadi, ada gelarannya. Jadi, kita hendak supaya martabat guru itu dipertahankan, dimartabatkan lebih tinggi bahawa guru ialah guru. Guru tetap guru, dulu, kini dan selamanya.

■1610

Sekali jadi guru, dia tidak boleh pecat. Dia tidak mahu jadi guru, tidak boleh. Itu sebab kalau guru tumbuk anak murid, itu bukan guru, itu dipanggil penyamun tarbus. Kalau guru, ialah dia mendidik anak-anak. Jadi apakah Yang Berhormat bercadang untuk memasukkan dalam ucapan Yang Berhormat ini supaya Menteri Pendidikan boleh menjawab dengan hebatnya di belakang sana. Terima kasih.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Okeylah Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak. Marilah kita memberikan penghargaan di atas pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi dan dimasukkan ke dalam *Hansard* saya pada hari ini. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Menteri dan tahniah juga, nampaknya Yang Berhormat Menteri jaga Parlimen juga. Jadi terima kasih banyak-banyak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya hendak tentukan pencelahan Yang Berhormat Menteri tadi, adakah Yang Berhormat masukkan dalam hujah-hujah Yang Berhormat?

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Ya, saya masukkan dalam hujah-hujah saya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebahagianlah.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Sebahagiannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan perbahasan saya ini. Selain daripada pendidikan guru-guru, yaysan ini juga membantu pendidikan anak-anak guru-guru dan perkara ini amat wajar sekali kerana ini merupakan timbal balas pengorbanan guru-guru kepada generasi akan datang. Kita minta agar anak-anak guru-guru terutama dari luar bandar ini dapat diberikan peluang yang lebih baik untuk diberi biasiswa ini. Segala-galanya telah diberi peluang kepada anak-anak kita ini Tuan Yang di-Pertua, supaya apa kala mereka ini menjadi guru nanti, tidaklah dia menjadi guru yang menentang kepada kerajaan nanti.

Seterusnya berkaitan dengan Bahagian IV berkaitan dengan penubuhan dan kuasa Lembaga Pemegang Amanah, keanggotaan lembaga dan sebagainya. Kita harap agar pelantikan ahli lembaga dibuat secara telus dan pelantikan ahli perlu mengambil kira dan mereka ini berkemampuan dalam aspek pentadbiran dan pembangunan yayasan berkenaan. Saya mengharapkan supaya ada juga wakil wanita yang dilantik di dalam yayasan ini supaya ianya akan mengambil kira supaya wanita...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sebab saya bergegas hendak pergi tengok panda ini dan saya tidak boleh bercakap dah dua hari, ketagih ya, minta maaf. Jadi Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat hendak mencadangkan di sini supaya kehadiran lembaga pengarah itu sama banyak lelaki dan wanita sebab guru wanita sekarang lebih ramai dari lelaki. Kenapa wanita membiarkan lelaki menguasai keadaan? Malah, 50% pengundi adalah wanita tetapi anggota Kabinet majoriti kami lelaki. Akan tetapi dah wanita tidak kata apa-apa, jadi kita pun diam.

Jadi apakah Yang Berhormat ingin memasukkan permohonan di sini supaya 50% daripada ahli lembaga pengarah wanita? Saya akan menyokong seratus peratus kerana emak saya wanita, isteri saya wanita, anak-anak perempuan saya pun wanita. Jadi majoriti yang menguasai kehidupan bagi setiap lelaki itu, kebanyakannya wanita. Tak terkecuali buat pembangkang. Pembangkang menyokong, ahli agama pun akan menyokong, saya percaya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya hendak beri pujian kepada Menteri kerana Yang Berhormat Menteri mempunyai semangat gender sensitif. Teruskan Yang Berhormat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah dia yang dinamakan pemimpin. Jadi saya sebagai Ahli Dewan Negara menyokong seratus peratus apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri, sebab itu saya ada buat dalam ini dan kalau boleh semua sekali biar dilantik ahli lembaga wanita kerana wanita ini kalau buat kerja memang *special*, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang sokong sangat-sangat.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, tahniah banyak-banyak kepada Dato' Seri Shahidan sebentar tadi kerana difahamkan beliau ini jaga Parlimen, jaga kita semua. Kalau jaga kita semua Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh elaun kita ini ingat, jangan lupa.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada peluang bercakap di Dewan Rakyat tetapi di Dewan Negara ini saya hendak maklumkan bahawa perkara yang menjadi gundah gulana kita iaitu pada tahun 2012 Perdana Menteri telah umumkan dalam bajet bahawa elaun Ahli Parlimen yang di antara yang terendah di dunia ini dikaji semula. Jadi pada prinsipnya, pihak kerajaan akan maklumkan perkara ini dalam bajet yang akan datang. Terima kasih [*Tepuk*]

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh tanya sikit?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, boleh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak mencelahkah?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, oleh kerana pusing-pusing ikut tu. Sebenarnya kalau ikut cadangan yang kita buat, memang mengikut penggal inilah. Eh, bukan ikut penggal ini, mengikut pengumuman tahun 2012 itu. Jadi kita harap tahun 2012 lah. Ia sudah pasti kena ditimbang ke arah tersebut sebab kita mengambil kira pelbagai faktor bahawa elaun yang tertinggi sekarang ini ialah Dewan Undangan Negeri Sarawak, kemudian yang keduanya Selangor. Jadi mesti diambil asas pertimbangan supaya tidak terlampau tinggi dan tidak terlampau rendah tetapi tidak boleh ke arah yang boleh menyebabkan orang pertikai kenapa Parlimen ini yang menjaga...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya memang sukalah dengan apa yang Yang Berhormat katakan itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Cumanya, ia tidak ada kaitan dengan apa yang kita bincangkan sekarang. Teruskan Yang Berhormat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sudah tiga hari ini, walaupun ini tidak ada dalam perbincangan, sudah tiga hari ini memang saya terasa rindu Dato' Seri

Shahidan tidak masuk dalam Dewan. Jadi hari ini baru dia ada. Dia kata dia pergi Thailand. Jadi *alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua, apa yang disarankan oleh Dato' Seri Shahidan sebentar tadi, kita menyokong penuh. Cuma, ada lagi satu Tuan Yang di-Pertua walaupun ia tidak ada dalam perbahasan ini. Oleh kerana Dato' Seri Shahidan sudah terlanjur dia cakap satu penggal tiga tahun ini, kalau boleh lima tahun itu jangan lupalah Tuan Yang di-Pertua, sama ada sudah diuruskan atau belum.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja saranan saya. Dengan ini, saya menyokong sangat-sangat rang undang-undang ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah.

4.17 ptg.

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana menggubal satu rang undang-undang yang akan memartabatkan profesion perguruan. Penubuhan Yayasan Guru Tun Hussein Onn ini yang bertujuan membawa usaha-usaha yang konkrit untuk penambahbaikan demi untuk menentukan bahawa warga perguruan akan mendapat pembelaan yang terbaik dan manfaat yang setimpal dengan usaha mereka untuk memberi pembelajaran dan menanamkan nilai-nilai yang murni dan sikap jati diri yang sempurna kepada pelajar-pelajar.

Pada masa yang sama, dapat menentukan bahawa guru akan lebih komited dengan tanggungjawab mereka dengan adanya aktiviti meningkatkan pembangunan profesionalisme guru, juga dengan adanya dana yang mencukupi dalam memperkukuhkan usaha guru-guru membina anak bangsa ke arah satu pembangunan yang boleh dibanggakan terutamanya dalam persediaan dan persiapan kita untuk mencapai negara maju tahun 2020 dan seterusnya.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara, di antaranya ialah Bahagian III iaitu fungsi dan kuasa Yayasan. Fasal 5 yang menggariskan empat fungsi utama Yayasan yang berbeza dengan fungsi Kumpulan Wang Simpanan Guru. Saya dimaklumkan masih ada tuntutan pencarum-pencarum yang tidak dituntut. Sekiranya ada, berapakah jumlahnya dan masih adakah ruang lagi untuk waris menuntut memandangkan ada waris-waris yang kurang faham tentang prosedur yang harus dibuat? Saya juga ingin dimaklumkan jumlah, nilai dan pecahan aset-aset dan pegangan ekuiti syarikat-syarikat dan saham setakat ini yang akan dipindahkan kepada yayasan ini. Dengan adanya *investment team* ataupun pasukan pelabur yang berpengalaman tinggi dan bertauliah ini, apakah jangkaan peningkatan pulangan daripada aktiviti pelaburan dan peningkatan pegangan aset dan ekuiti yang diunjurkan?

■1620

Saya juga ini tahu, adakah yayasan ini dibuka juga kepada guru-guru daripada sekolah swasta termasuk yang peringkat antarabangsa yang ada di sini atau hanya yang berkhidmat dengan kerajaan sahaja. Fasal 5(a) iaitu mengenai aktiviti meningkatkan pembangunan profesional guru, saya ingin dimaklumkan bentuk-bentuk aktiviti yang dirancang yang diharap adalah yang terkini, semasa dan progresif dan tidak bertindih dengan pelbagai program yang telah pun dilaksanakan oleh institusi yang sedia ada. Meningkatkan profesionalisme guru akan meningkatkan prestasi dan komitmen guru-guru dan akhirnya akan menentukan bahawa pelajar-pelajar akan mendapat pembelajaran yang terbaik.

Seterusnya fasal 5(c) iaitu melakukan perkara-perkara yang wajar bagi menjaga kebajikan guru. Saya mohon penjelasan mengenai bentuk-bentuk kebajikan yang akan diberikan dan adakah ia melibatkan kesemua guru atau mengikut kategori yang terpilih sahaja. Saya juga ingin mencadangkan perkara-perkara berkaitan dengan kesihatan hendaklah diberi keutamaan memandangkan kos kesihatan, kos perubatan, perbelanjaan untuk penyakit kritikal semakin meningkat dan juga saya cadangkan bahawa bantuan kebajikan kesihatan guru-guru ini dipanjangkan juga kepada ahli keluarga terdekat termasuklah memikirkan tentang *medical insurancenya* sekali. Di dalam aspek kebajikan, perhatian juga mestilah diberi kepada guru-guru yang dihantar ke kawasan-kawasan pedalaman kerana pengorbanan mereka ini janganlah diabaikan dan dilupakan.

Daripada sudut kebajikan lagi, penubuhan yayasan ini diharap boleh melihat aspek yang lebih terperinci yang boleh menyenangkan dan melegakan guru-guru umpamanya menggalakkan klise-klise yang diiktiraf oleh kerajaan dengan ada geran permulaan daripada kerajaan juga disediakan juga memperjuangkan penyediaan ruang-ruang di kawasan sekolah untuk menempatkan anak-anak guru yang masih memerlukan jagaan ataupun yang tidak selamat tinggal di rumah berseorangan terutamanya untuk guru-guru perempuan khususnya supaya tidaklah mereka rasa terganggu dan tertekan supaya guru-guru boleh memberi fokus kepada mengajar murid-murid di sekolah.

Kita juga tidak mahu berulang lagi insiden di mana seorang ibu, seorang guru yang terlampau banyak bebanan tanggungjawab sehingga lupa ia meninggalkan anaknya di dalam kereta seharian dan kanak-kanak itu sudah tidak bernyawa apabila dia sedar kerana ibu ini terlampau banyak yang hendak difikirkan dan diuruskan sehingga terlupa anaknya ditinggalkan dalam kereta. Kalau ada fasiliti sebegini di dalam kawasan sekolah, guru-guru boleh memberi sepenuh perhatiannya kepada pembelajaran murid-murid. Dengan ini, prestasi guru dan sekolah akan meningkat. Murid-murid diberi sepenuh perhatian dan ibu bapa akan rasa gembira kerana anak mereka selamat dan terpelihara dan akan cemerlanglah mereka dalam peperiksaan.

Seterusnya fasal 5(d), membantu pendidikan anak-anak guru. Adalah dicadangkan agar yayasan boleh mengadakan kaedah pembelajaran kelas-kelas tambahan yang berlainan umpamanya untuk muzik, untuk bahasa, untuk pembelajaran pelbagai bahasa dan lain-lainnya khas kepada anak-anak guru untuk menentukan kecemerlangan pencapaian pendidikan anak-anak guru ini.

Saya ingin juga menyentuh tentang Bahagian IV iaitu mengenai lembaga pemegang amanah dalam fasal 9 hingga ke fasal 18. Fasal 9 menyatakan bahawa suatu lembaga pemegang amanah yang dibentuk hendaklah bertanggungjawab bagi mentadbir yayasan ini. Lembaga ini terdiri daripada 9 anggota yang akan dilantik oleh Menteri. Jika dilihat daripada fungsi baru yang akan dilaksanakan oleh yayasan, ia melibatkan pertukaran fungsi yang amat nyata iaitu daripada hanya berfungsi sebagai sebuah tabung persaraan khusus untuk guru-guru kepada sebuah yayasan yang akan mempunyai empat tugas utama, isu itu memandangkan fungsi yayasan yang akan berubah. Adalah dicadangkan supaya kerajaan melihat semula cadangan ahli lembaga pemegang amanah yang akan dilantik.

Jika diteliti daripada RUU ini, keanggotaan masih lagi ramai daripada pegawai yang masih berjawatan dengan Kementerian Pendidikan yang masing-masingnya mempunyai tugas hakiki dengan kementerian yang memerlukan komitmen masa yang tinggi. Justeru itu, apakah jaminan kementerian bahawa mereka ini akan dapat memberi komitmen yang sepenuhnya kepada yayasan ini. Jika diteliti daripada senarai ahli lembaga, juga didapati ada pertambahan kepada ahli yang mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan atau pelaburan. Cadangan ini memang tepat kepada pembangunan yayasan ini terutama bagi aktiviti pelaburan yang akan dijalankan dan juga pembangunan institusi pendidikan secara keseluruhan.

Namun begitu, adalah juga amat perlu suara akar umbi iaitu suara daripada badan-badan atau NGO guru-guru dimasukkan sebagai anggota lembaga yayasan ini memandangkan ada ketikanya program-program yang dirancang untuk guru-guru tidak difahami oleh guru-guru itu sendiri kerana perancangan awal yang dilakukan tidak dimasukkan hasrat atau keperluan guru-guru yang sebenarnya. Dengan itu juga saya memohon penjelasan apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai oleh kementerian bagi memilih anggota lembaga yayasan ini. Adalah dicadangkan agar mereka yang dilantik datang daripada kalangan mereka yang berpengetahuan tinggi, dihormati dan berintegriti tinggi dan benar-benar bersemangat dan komited bagi melaksanakan fungsi-fungsi yang telah digariskan.

Saya nak pendekkan sahaja. Jadi dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah, silakan Yang Berhormat.

4.28 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk saya bangun dan ikut sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-Undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 yang bakal mengambil alih fungsi dan peranan Kumpulan Wang Simpanan Guru yang dicadangkan untuk dibubarkan dan diambil alih oleh rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyentuh profesion keguruan, saya terpanggil untuk menyentuh isu beban tugas guru yang semakin bertambah hari ini. Mungkin pihak Kementerian Pelajaran selepas penggubalan rang undang-undang ini boleh mengusul agar diwujudkan jawatan pembantu guru bagi meringankan tugas guru khususnya dalam kerja-kerja perkeranian. Ini penting supaya guru boleh fokus sepenuhnya kepada proses pengajaran dan pembelajaran tanpa diganggu dengan tugas-tugas kepejabat, pentadbiran dan perkeranian yang mungkin boleh diselesaikan oleh pembantu guru ini.

Saya menyebut perkara ini kerana guru sekarang terpaksa mengisi data *dashboard* yang mana semuanya "e-", "e-" belaka. Ada 11 "e-" semuanya dalam *dashboard* yang mana e-Kehadiran. Jadi e-Kehadiran guru ataupun e-Kehadiran murid ini mesti diselesaikan sebelum jam 9 pagi dihantar ke Jabatan Pelajaran.

■1630

Jadi bagi sekolah-sekolah yang di luar bandar, bagi sekolah-sekolah di kawasan pedalaman masalah *online*, masalah internet tidak lancar. Inilah yang saya sebut bebanan tugas yang guru terpaksa keluar ke bandar untuk mengakses perkara-perkara ini. Inilah yang saya sebut bebanan tugas guru. Jika kosnya tinggi, maka bolehlah difikirkan suatu *sharing concept* dengan izin, di mana beberapa orang guru jumlahnya boleh ditentukan oleh pihak kementerian, diberikan seorang pembantu yang bertanggungjawab menyelia segala aspek hal ehwal pentadbiran dan perkeranian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan agar pihak kementerian menyediakan bantuan guaman kepada guru-guru yang berdepan dengan saman oleh ibu bapa murid. Guru-guru zaman sekarang terpaksa berdepan dengan pelbagai risiko dalam tugas seharian sedangkan niat mereka sangat baik dan murni untuk melihat pelajar berjaya. Kadang-kadang kes saman ini menyebabkan mereka trauma. Akhirnya mereka mengambil sikap mengajar sekadar untuk habiskan *syllabus*, anak murid hendak jadi apa mereka tidak kisah.

Saya sebut juga perkara ini Tuan Yang di-Pertua kerana pada zaman dahulu, mungkin pada zaman saya bersekolah dahulu ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan yang mulia ini yang sezaman dengan saya, kalau saya bercakap Kelantan sedikit boleh Tuan Yang di-Pertua? Kalau di Kelantan, mungkin Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, Dato' Dr. Johari bin Mat fahamlah. Ibu bapa ini datang ke sekolah dia kata "*Ajarlah, hendak ajar anak hamba, asal jangan patah dan buta.*" Betul begitu Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman? Itu dahulu.

Kalau sekarang kita cuit sedikit anak, ibu bapa datang sekolah hendak saman kita. Cuit sedikit. Ini berlaku kepada saya. Saya bekas seorang guru. Ada sekali saya hendak cerita sedikit. Minta izin Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Ada seorang murid mencuri dalam kelas, murid perempuan. Jadi, saya marah budak itu dan saya kata, "*Awak ini rupa lawa, cantik tetapi perangai hodoh.*" Dia balik cerita kepada emaknya. Saya kata rupa dia hodoh. Jadi ibu bapa datang ke sekolah.

Emaknya datang dia kata, “Eh! Cikgu yang awak kata anak saya hodoh itu, awak cantikkah?” Itulah, saya kata perangai hodoh. Dia balik cerita kepada emaknya saya kata dia hodoh. Itulah ibu bapa zaman sekarang.

Seorang Ahli: Betul.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Tuan Yang di-Pertua, isu kebajikan guru juga, saya berpandangan untuk menjamin kualiti guru serta wujudnya sistem penyampaian yang lebih berkesan sebagai agen transformasi, isu kebajikan guru perlu ditangani dengan bijaksana. Dalam hal ini saya hanya ingin sentuh satu aspek iaitu mengenai guru baru. Perhatian perlu diberikan kepada guru-guru yang baru menjejaki alam pendidikan terutama mereka yang ditugaskan di kawasan pedalaman. Ada yang sukar mendapat tempat tinggal apabila pertama kali tiba di tempat bertugas. Adalah wajar bagi keperluan ini kerajaan memberi peruntukan yang sesuai untuk guru-guru yang baru memulakan tugas.

Bantuan kewangan secara *one-off* mungkin dapat meringankan beban mereka sesuai dengan Program Transformasi Daerah yang dilaksanakan di setiap PPD. Maka amat sesuai satu garis panduan diberikan kepada Pejabat Pelajaran Daerah bagaimana peranan mereka dalam membantu guru yang bermasalah.

Dato’ Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan? Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tentang guru baru. Jadi, saya dapat makluman yang guru baru itu *posting* yang pertama, kalaulah dia dapat *posting* ke Sabah dan Sarawak atau di mana-mana, dia tidak akan terima walaupun mereka sudah tandatangan setuju *posting* ke mana-mana di dalam negara kita. Akan tetapi sebagai guru dia tidak pegang janji mereka sendiri. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang guru yang saya sebut tadi? Kenapa dan apa kekurangan dengan guru yang begitu? Terima kasih.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Yang Berhormat Dato’ Lim Nget Yoon. Bagi saya, saya tidak kesemuanya begitu sebab ada juga guru-guru yang ditempatkan di Sabah dan Sarawak, mereka sanggup untuk ke sana cuma saya rasa hanya segelintir sahaja yang begitu. Itulah saya rasa, jawapan saya. Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Tuan Yang di-Pertua, bidang pendidikan tidak dapat dipisahkan dari aspek kajian dan penyelidikan. Jadi, saya juga merasa guru-guru juga perlu diberi peruntukan untuk membolehkan mereka menjalankan kajian dan penyelidikan khususnya bagi tujuan meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya boleh membantu dalam meningkatkan prestasi murid. Kajian seperti ini amat perlu bagi membantu guru mencari kaedah yang terbaik dalam mengatasi masalah pembelajaran murid dan membantu mereka menguasai kemahiran dalam sesuatu tajuk atau subjek yang diajar.

Selain daripada itu, kajian dan penyelidikan oleh guru terutama dalam bilik darjah dapat membantu guru menangani masalah pembelajaran murid dan seterusnya membantu murid mencapai tahap yang cemerlang dengan menggunakan strategi dan teknik baru yang bersesuaian dengan

tahap dan kebolehan murid. Dengan adanya bantuan dan peruntukan kewangan kepada guru untuk menjalankan penyelidikan secara langsung, merupakan satu galakan kepada guru supaya lebih berinovasi dan kreatif terhadap pengajaran mereka.

Secara tidak langsung ia juga dapat menggalakkan guru untuk mencari penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi oleh murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Sudah sewajarnya guru sendiri yang membuat penyelidikan dan kajian bagi mencari strategi yang sesuai untuk membantu meningkatkan kelemahan murid ini kerana guru lebih mengetahui kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh murid-murid mereka.

Oleh itu, saya ingin tahu sama ada Yayasan ini boleh membantu guru-guru yang berminat untuk menjalankan kajian bagi membantu meningkatkan pencapaian murid di sekolah. Jika boleh, bentuk bantuan yang macam mana boleh diberikan kepada guru-guru dan sekolah yang ingin membuat kajian tindakan bagi mencari penyelesaian dan kaedah terbaik dalam membantu murid memahami dan menguasai sesuatu topik yang diajar dengan mudah dan berkesan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Bahagian III termasuk fasal 12, fasal 13, fasal 14 dan fasal 15 yang menyentuh pelantikan dan fungsi anggota Pemegang Amanah. Saya ingin bertanya apakah kriteria yang diguna pakai untuk melantik anggota Pemegang Amanah? Sudah adakah calon-calon yang sesuai? Dalam hal ini, saya juga mencadangkan agar keanggotaan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Guru Tun Hussein Onn dilantik dari kalangan mereka yang ada kepakaran serta memahami tugas dan beban guru. Saya juga bersetuju seperti cadangan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat supaya keanggotaannya diberikan kepada lebih ramai wanita kerana saya rasa wanita lebih fokus kepada kerja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

4.39 ptg.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya bersama-sama untuk membahaskan Rang Undang-undang Yayasan Guru Tun Hussein Onn 2014 ini.

Sepintas lalu daripada sejarahnya, Kumpulan Wang Simpanan Guru atau KWSG ini kini boleh dikira sama seperti Kumpulan Simpanan Wang Pekerja iaitu KWSP telah ditubuhkan pada tahun 1960. Di antara lainnya bertujuan sebagai sebuah tabung persaraan khusus bagi kalangan guru.

■1640

Ahli-ahli ketika itu perlu membuat caruman bulanan sekitar 6% daripada gaji masing-masing. Bayangkanlah rata-rata orang masa itu, gaji guru sekitar RM250 dan mereka mencarum RM15 setiap bulan untuk tabung Kumpulan Wang Simpanan Guru ini. Lanjutan pelaksanaan Gaji Aziz itu,

Suruhanjaya Diraja Aziz pada tahun 1968, guru-guru diletakkan di bawah skim perkhidmatan yang disatukan serta bertaraf kakitangan kerajaan dan berpencen.

Kebanyakan pencarum KWSG mula menghentikan caruman mereka pada tahun 1972 dan tahun-tahun berikutnya. Ini tidak termasuk sekitar 2,000 guru yang menolak opsyen Gaji Aziz tadi. Berdasarkan rekod tertentu, KWSG kini diletak di bawah pentadbiran Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan menyelenggarakan akaun seramai 14,039 pencarum membabitkan jumlah hasil lebih RM110 juta. Mohon pihak Menteri mengesahkannya. Jika benar, ia satu jumlah yang amat besar.

Sehingga tahun 2006, bilangan pencarum termasuk dua ahli yang masih aktif membuat caruman dan mereka yang belum layak mengeluarkan caruman masing-masing belum mencapai usia wajib iaitu persaraan 55 tahun di samping sekitar 2,500 pesara guru yang layak mengeluarkan caruman berjumlah sekitar RM27 juta tetapi masih belum berbuat demikian. Ini disebabkan oleh mereka yang telah pun meninggal dunia, waris tidak dimaklumkan atau mungkin faktor masa yang agak lama proses pengeluarannya yang begitu ketat.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah KWSG ini hendak dibubarkan? Jika berdasarkan Akta 550, seksyen 153, Akta Pendidikan 1996, arahan pembubaran mana-mana tabung kewangan hanya boleh dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong dan setelah mendapat nasihat daripada Menteri Kewangan. Sekali lagi saya ingin mengambil kepastian. Apakah sudah perkara ini dikaji dan diperhalusi dari sudut undang-undang?

Walaupun kebanyakan pencarum KWSG terutamanya yang menyertai Skim Gaji Aziz telah pun mengeluarkan caruman masing-masing terutamanya apabila bersara dari perkhidmatan pendidikan, namun masih terdapat sekitar 2,500 pesara guru yang tidak berbuat demikian. Persoalannya, jika wujud yaysan ini nanti, apakah bekas guru seramai 2,500 orang ini boleh mengeluarkan caruman mereka itu?

Yang jelas tidak diketahui berapa jumlah sebenarnya simpanan mereka yang terkumpul setakat ini dan rata-rata bekas-bekas guru ini tidak dimaklumkan secara bertulis berapakah jumlah caruman mereka. KWSG lupa kepada mereka atau pun mereka mungkin tidak dapat dihubungi. Dana dan aset KWSG ternyata cukup banyak dan besar sehingga ke hari ini termasuklah Wisma KWSG setinggi 22 tingkat yang tersergam di Jalan Kampung Attap Kuala Lumpur. Mohon pihak menteri memaklumkan berapakah nilai semasa bangunan tersebut? Berapakah perbelanjaan pengurusannya sehingga kini dan apakah lain-lain aktiviti pelaburan yang dilakukan oleh mereka? Perkara ini perlu jelas sebelum KWSG dibubarkan dan diwujudkan yaysan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah beberapa pihak ingin mengambil alih KWSG ini tetapi gagal. Ini termasuklah Yayasan Guru Malaysia Berhad iaitu YGMB, sebuah pertubuhan diasaskan oleh sekumpulan bekas-bekas guru yang pernah mencarum. Bagi bekas-bekas guru yang telah bersara, KWSG merupakan simbol kegigihan dan pengorbanan guru terdahulu. Ia cukup nostalgik dan tentunya mempunyai nilai sentimental yang cukup tinggi. Janganlah kita lupa bahawa kita sedang

berbincang wang caruman hasil titik peluh mereka. Apakah mereka pernah dilibatkan bagi maksud penubuhan yayasan ini?

Sungguhpun begitu, penubuhan yayasan ini amatlah dialu-alukan. Sungguhpun begitu, adalah harapan saya adalah:

- (i) segerakanlah penglibatan guru-guru yang mempunyai kepentingan langsung semenjak wujudnya KWSG dahulu;
- (ii) mengadakan satu bank data mengenai pencarum-pencarum yang mungkin sudah tiada dan segerakanlah membantu waris-waris mereka supaya mereka juga mendapat manfaat dari penubuhan yayasan ini; dan
- (iii) bentuklah satu pelan perancangan pembangunan guru secara jelas supaya ia tidak bertindih dengan perancangan pembangunan perguruan yang sedia wujud oleh pihak kementerian.

Sesungguhnya penubuhan yayasan ini tepat pada masanya dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Datuk Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

4.45 ptg.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bercakap dan menyokong rang undang-undang ini. Saya berjanji pada diri saya dan pada kita semua akan bercakap dengan ringkas dan terus kepada *point* yang relevan.

Sebagaimana yang dinyatakan sewaktu Yang Berhormat Menteri membentangkan rang undang-undang di Dewan Rakyat bahawa tujuan utama rang undang-undang ini dibentangkan untuk menjadi akta ialah untuk menggantikan Kumpulan Wang Simpanan Guru atau KWSG yang fungsinya hanyalah terbatas kepada menerima caruman daripada guru dalam perkhidmatan UTS. Ini petikan daripada ucapan Yang Berhormat Menteri.

Dengan itu, dapatlah kita simpulkan bahawa fungsi yayasan ini, yang baru ini bila rang undang-undang sudah menjadi akta nanti, fungsinya jauh lebih luas daripada sekadar mengutip dan menguruskan duit. Sedangkan KWSG hanya terbatas pada pengutipan dan pengurusan duit. Akan tetapi, yayasan ini bila sudah berdiri, nanti mempunyai fungsi yang lebih besar, yang lebih penting iaitu membangunkan manusia, membangunkan watak dan membangunkan negara bangsa. Itulah yang kita harapkan daripada yayasan ini bila sudah ditubuhkan nanti. Apa lagi dengan modal yang sedia ada daripada wang yang dikumpulkan yang terkumpul dari KWSG dan juga sumbangan-sumbangan lain yang berikutnya.

Sebelum saya mengemukakan beberapa cadangan yang hendak saya kemukakan, saya ingin tahu wang KWSG yang tidak dituntut, yang katanya telah dipindahkan kepada pendaftaran wang tidak dituntut, saya hendak tanya adakah mungkin wang itu dituntut kembali daripada badan wang tidak

dituntut itu untuk dimasukkan ke dalam dana atau dalam kumpulan wang Yayasan Guru Tun Hussien Onn ini. Ertinya, katanya tadi wang yang demikian sudah...

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih. Tiga perkara asas Yang Berhormat sebutkan tadi saya tengah berjalan. Pembinaan negara bangsa, watak dan sumber manusia. Apakah selama ini kementerian gagal atau pun kurang berjaya dalam melaksanakan tiga perkara asas ini dalam sistem pendidikan kita? Mohon pandangan Yang Berhormat sebab disentuh tadi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Antara gagal dan kurang berjaya tidak jauh beza Yang Berhormat. Saya dengan rasa dukacita walaupun saya menganggap diri saya sebagai penyokong tegar kerajaan. Saya rasa ketiga-tiga fungsi itu tidak terlaksana sebagaimana kita harapkan. Kalau fungsi itu terlaksana sebagaimana kita harapkan, kalau umpamanya fungsi pembinaan watak, *character building* berjaya, kita tidak akan menghadapi masalah mat rempit, masalah gadis di bawah umur melahirkan anak tanpa suami. Ini adalah tanda atau contoh-contoh kegagalan kita membina watak atau *character*.

Oleh kerana itu saya rasa, dan begitu juga kegagalan kita dalam membina negara bangsa. Kalau kita berjaya membina negara bangsa melalui sistem pendidikan kita, kita tidak akan mendapati orang-orang yang songsang, yang derhaka di negara kita sekarang. Mengenai pembinaan sumber tenaga manusia. Kita berulang-ulang mendengar *miss matching* pendidikan dan kerjaya. Ini seperti saya katakan bukanlah hendak menepuk air di dulang, tetapi kata orang sayang anak dipukul-pukul, sayang isteri ditinggal-tinggalkan, sayang kerajaan ditegur dan disapa.

■1650

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang hendak mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus tadi. Berhubung dengan tiga perkara tadi dan saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kurang berjaya sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Haji Yunus tadi yang menyebabkan hal-hal itu berlaku yang kita sebenarnya tidak mahu berlaku. Apakah sebabnya faktor yang saya hendak tahu dari Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat, boleh tidak saya tanya setuju tidak Yang Berhormat dengan tanggapan saya persepsi saya tentang kegagalan yang saya sebutkan itu? Yang Berhormat setuju? Yang Berhormat setuju setidak-tidaknya sudah ada persetujuan antara orang PAS dan orang UMNO, bagus. Saya rasa panjang ceritanya kalau hendak disebut tentang sebab musabab. Saya ingin memfokuskan kepada akibat yang kita

hadapi sekarang. Sebab-musababnya saya rasa terlalu banyak termasuklah umpamanya tentang kecenderungan memuji-muji tanpa batas.

Begitu juga umpamanya saya menyebut tadi tentang PIPP, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan. Saya rasa gagal, kenapa? Sebab sewaktu dilakukan penilaian terhadap PIPP dahulu, minta maaf pegawai-pegawai yang mengatakan berjaya, berjaya, berjaya. Sedangkan ukuran kejayaan itu tidak pernah dinilai. Dikatakan sampai mengatakan kononnya antara teras PIPP dahulu ialah untuk memajukan sekolah-sekolah luar bandar.

Pernah saya tanyakan dalam Dewan ini dahulu Kementerian Pendidikan ini menjawab, berjaya dengan angka 90% lebih. Sesuatu yang termakan dek akal. Jadi inilah antara sebab-sebab yang boleh kita sebut, kalau hendak disebut dan banyak sebab yang lain lagi. Akan tetapi yang saya rasa agak terkilan, saya tidak pasti sama ada secara tersirat mungkin ada, tetapi secara eksplisit mungkin tidak disebutkan di dalam pelan yang baru ini. Pelan Pendidikan Malaysia yang baru ini tidak disebutkan tentang kegagalan-kegagalan itu secara eksplisit tetapi secara implisit bahawa kita terpaksa mengemukakan pelan baru adalah pengakuan kita terhadap kegagalan pelan lama itu. Antara sebab kegagalan pelan lama itu saya rasa adalah kerana pegawai-pegawai memberikan laporan yang tidak tepat. Dengan maaf, saya bercakap di sini, tetapi itulah antara perkara pada pandangan saya.

Saya rasa sebenarnya saya tidak perlu minta maaf dalam ini, kerana saya sendiri terlibat dan ada pegawai-pegawai kementerian pada waktu itu menegur saya dalam perbincangan. Waktu itu saya Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, ada orang yang lebih tinggi pangkat dia daripada saya di kementerian, tidak membenarkan saya bercakap. Dengan izin, *snub me* sewaktu saya bercakap mengenai perkara-perkara ini. Ini antara contoh-contoh yang saya rasa di dalam semangat reformasi, dalam semangat transformasi sekarang patut kita sedari dan kita akui. Jadi itulah saya harap segelintir jawapan, sekelumit jawapan kepada Yang Berhormat kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Johari.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa perubahan status kumpulan KWSG tadi daripada sebuah kumpulan pengutipan wang kepada satu yayasan. Kita harap pengubalan status ini dengan sendirinya akan memberi ruang lingkup yang lebih luas kepada badan baru ini kepada yayasan ini untuk berfungsi melaksanakan tugas adan tanggungjawab. Itulah yang kita harapkan. Untuk itu saya mencadangkan supaya yayasan baru ini nanti di samping dianggap sebagai pembantu kepada Kementerian Pendidikan seperti yang diharapkan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri ini, supaya kementerian lebih bertoleransi menjadikan badan ini seperti mengingat kembali kutipan daripada ucapan daripada Yang Berhormat Allahyarham Ketua Pemuda UMNO Datuk Syed Jaafar Albar.

Beliau mahu supaya pemuda UMNO pada zaman dia menjadi *ginger group*. Jadi saya mencadangkan supaya kementerian dengan semangat yang *sportive* dengan semangat yang rela ditegur, menerima yayasan ini di samping sebagai *supporting group* juga dijadikan sebagai *ginger group* untuk mengemukakan teguran-teguran yang barangkali agak pedas dari semasa ke semasa, tetapi penting. Untuk itu yayasan ini perlulah diberi ruang untuk berfikir di luar kotak mengemukakan

pandangan-pandangan yang barangkali tidak popular secara *public*, tetapi barangkali banyak manfaat secara implisit.

Antara perkara yang kita barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat yang berumur di bawah 59 tahun dalam Dewan ini lupa bahawa guru adalah merupakan tonggak atau jentera nasionalisme Melayu dalam merebut kemerdekaan. Kita mahu supaya fungsi guru sebagai jentera atau roda, atau penggerak kepada nasionalisme itu dikembalikan melalui kewujudan yayasan ini. Kita tidak mahu guru hanya diharapkan untuk menjadi robot, menjadi mekanikal, menjadi 'pengia', sebaliknya biarlah menjadi penggerak. Jangan lupa pada tahun 1959, guru-guru Melayu yang menyokong UMNO keluar dari UMNO kerana ada dasar-dasar kebangsaan yang diharapkan akan dilaksanakan oleh UMNO tidak dilaksanakan sehingga sebahagian besar guru-guru...

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Yang Berhormat hendak mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila, sila.

Dato' Khairudin bin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus kerana bercerita pasal masa-masa lalu guru-guru ini. Saya betullah yang yayasan ini diwujudkan walaupun tidak terlambat tetapi sudah berlaku. Ini satu pengiktirafan kepada guru-guru. Apa yang saya hendak sebut ini, setuju atau tidak Yang Berhormat dengan saya bahawa yang menyekat guru-guru daripada melibatkan diri dengan masyarakat, dengan UMNO umpamanya ialah oleh kerana *general order* yang ada sebab guru-guru sekarang tidak seperti dahulu. Guru-guru sekarang semua graduan-graduan yang keluar dari universiti dan kemudian mereka ini terikat dengan DO yang kita minta supaya dibuat pindaan agar guru-guru dapat melibatkan diri dengan masyarakat.

Kalau tidak mereka sudah jadi satu masyarakat yang terpencil yang tidak boleh bermasyarakat, yang tidak boleh berpolitik dan akhirnya ini yang terjadi guru-guru ramai tersisih dalam arus pimpinan negara. Jadi bersetuju atau tidak Yang Berhormat kalau DO ini dapat dipinda kerana ianya bukan al-Quran ataupun Hadis. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kalau saya sebagai orang UMNO bersetuju dengan sahabat saya orang PAS di sebelah sana, tidak ada sebab saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi. Saya bersetuju dan inilah antara perkara-perkara yang harus kita hadapi dengan penuh keberanian dan sikap yang tegas. Okey Yang Berhormat?

Oleh kerana itu seperti saya katakan tadi kerajaan harus mempunyai sikap yang toleran untuk membiarkan yayasan ini bukan sahaja sebagai satu kumpulan untuk menyokong dasar-dasar kerajaan, membantu kerajaan tetapi juga bertindak sebagai *ginger group* kepada kerajaan. Minta maaf bercakap *ginger group* inilah yang sekarang alpa, *absent* dalam parti kita. Minta maaf, yang berkesan. Oleh sebab itu salah satu tugas yayasan ini yang kita harapkan ialah demi untuk memperkasakan tugas dan tanggungjawab guru agar kembali sebagai tonggak nasionalisme dalam pembangunan negara kita ialah untuk membiarkan guru-guru itu dan yayasan ini berfikir di luar kotak.

▪ 1700

Mengemukakan pandangan-pandangan yang barangkali tidak popular secara *public* tetapi bermanfaat dalam jangka panjang. Oleh kerana itu saya mengharapkan supaya antara tugas yayasan ini ialah untuk melanjutkan gerakan revolusi mental seperti yang di pelopori oleh Allahyarham Datuk Senu sewaktu Dasar Ekonomi Baru hendak dilaksanakan dulu.

Bercakap mengenai revolusi mental, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian kita bersama kepada manifesto calon Presiden di Indonesia sekarang iaitu Jokowi iaitu revolusi mental berdasarkan kepada tiga pesanan Allahyarham Presiden Sukarno yang disebut Trisakti iaitu ekonomi yang makmur, politik yang bebas dan kemudian keperibadian bangsa. Jadi sudah tiba masanya untuk kita kembali ke pangkal jalan kalau kita tersesat di hujung jalan.

Kalau umpamanya Jokowi telah bercakap tentang keperluan untuk Indonesia menjadi satu bangsa yang makmur dari segi ekonomi, yang berdaulat dari segi politik dan berkeperibadian dari segi budaya, saya rasa tidak ada salahnya kalau kita meneladaninya. Saya harapkan supaya yayasan ini sebagai badan baharu yang mendapat sokongan dan mendapat tanggapan yang berapi-api di Dewan ini akan dapat menerimanya. Oleh kerana itu, saya mengharapkan supaya gerakan revolusi mental yang dipelopori oleh Datuk Senu itu dilanjutkan oleh yayasan ini.

Itu sebab saya katakan perlunya yayasan ini dibenarkan berfikir di luar kotak. Yayasan ini perlulah melanjutkan Gerakan Obor Aminuddin Baki. Bagi yang berumur 50 tahun ke bawah, barangkali tidak tahu apa dia Obor Aminuddin Baki, tetapi kalau tidak tahu, tolonglah tengok internet atau apa-apa. Ertinya gerakan inilah usaha untuk memperkasakan pendidikan Melayu di akhir tahun 1950-an atau di awal 1960-an dulu. Gerakan Obor Aminuddin Baki adalah satu panduan yang patut dirujuk kembali oleh Yayasan Pelajaran Tun Hussein Onn ini. Beri mereka keupayaan berfikir di luar kotak.

Selain dari itu, Yayasan Pendidikan Tun Hussein Onn ini haruslah bukan sahaja dibenarkan tetapi diharapkan dan digalakkan untuk melanjutkan misi dan visi Zaaba. Misi dan visi Syed Sheikh Al-Hadi. Ini adalah pelopor-pelopor pendidikan kita pada zaman peralihan dulu. Selain dari itu, saya hendak mengulang sedikit apa yang telah saya sebutkan kepada Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop tadi bahawa Falsafah Pendidikan Negara walau ke mana pun mengarahnya, mestilah sentiasa dipandu oleh tiga pedoman utama. Seperti yang saya katakan tadi, pertama, bahawa matlamat pendidikan negara jangan tergelincir daripada tiga matlamat ini. Pertama, pembangunan watak (*character building*) dilakukan dengan terancang, teratur atau *concerted*, dengan izin.

Selain daripada memikirkan itu, maka yang kedua yang patut kita fikirkan ialah pembangunan sumber tenaga manusia atau *human resource development*. Dengan sedih saya mengatakan bahawa obsesi kita selama ini ialah pembangunan sumber tenaga manusia. Bukan tidak penting tetapi di dalam obsesi kita hendak membangunkan sumber tenaga manusia itu, ia memang penting. Kita mengabaikan aspek pembangunan watak dan *character building*. Maka serata tempat di Kuala Lumpur ini berteraburlah bahasa-bahasa Inggeris, berteraburlah iklan-iklan lucah yang mempamerkan bagaimana lelaki lebih kuat. Amat sedih kalau Ahli-ahli Yang Berhormat pergi sekarang ke Sentral.

Cuba tengok bahasa yang digunakan di Sentral di tempat yang paling strategik. Ini sebenarnya perkara ini saya timbulkan dalam soal jawab lisan saya tetapi sayangkan terbenam ke nombor [Disampuk] Seratus kata Dato' Rahim.

Saya rasa, minta maafah Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan saya mengenai bahasa yang saya timbulkan akibat keprihatinan saya melihat iklan-iklan bahasa Inggeris. Pengabaian dan kecuaiannya kerana Bahasa Melayu di Sentral itu patut menjadi dengan izin, *the first stand* atau sepuluh yang pertama dalam soalan yang dijawab secara lisan oleh Menteri di dalam ini. Akan tetapi sayang tidak tahu siapa hendak disalahkan, tetapi soalan itu yang saya rasa cukup relevan dalam pembinaan watak, dalam pembinaan keperibadian atau *self identity* kita terbenam. Jadi ini antara kesilapan-kesilapan kita.

Kemudian mengenai pembangunan negara bangsa. Sekali lagi kita melihat tentang anak-anak muda yang tidak...

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Boleh minta celah sedikit.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila-sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya mendengar kepada perbahasan Yang Berhormat Senator Dato' Firdaus. Dua tiga hari dulu saya pun mendengar daripada Presiden MSM iaitu Dato' Rahim yang mementingkan bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris sekarang merosot dan betapa pentingnya budak-budak sekarang atau guru-guru bertutur dalam bahasa Inggeris di dalam kelas. Bahasa Inggeris ini penting sebab Malaysia ini, objektif kita hendak jadi satu negara yang berasaskan perkhidmatan. *Financial services* macam itu.

Akan tetapi mengikut perbahasan Yang Berhormat Senator, macam lebih banyak menumpukan- hanya memakai kepada Bahasa Malaysia sahaja. Memang penting itu tetapi hanya memakai ini di KL Sentral dan jangan hendak menggunakan bahasa Inggeris langsung di tempat-tempat ini. Bukankah ini satu konflik. Apakah pandangan Yang Berhormat Senator?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat tidak faham itu...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mikrofon itu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya tidak mengatakan jangan menggunakan bahasa Inggeris. Yang saya katakan ialah pengabaian dan pengkhianatan terhadap Bahasa Melayu. Minta maafah, bila Dato' Jaspal tidak memahami apa yang saya katakan itu, itu memberi contoh kepada apa yang saya katakan benar.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya mohon menyentuh sikit sebab nama saya disebut oleh Yang Berhormat Dato' Jaspal. Apa yang saya maknakan ialah sementara kita mengagungkan Bahasa Malaysia tetapi kita juga mesti memperkuatkan bahasa Inggeris di peringkat sekolah. Jadi apa Yang Berhormat katakan tadi ialah dia hairan mengapa iklan-iklan di Sentral misalnya semua sekali bahasa Inggeris. Maknanya seolah-olah kita mengabaikan Bahasa Melayu seterusnya.

Apa yang saya kata bukan kerana semua sekali kena dalam bahasa Inggeris misalnya atau semua sekali dalam bahasa Cina dan sebagainya. Akan tetapi nampaknya saya setujulah dengan ini. Pengiklanan ini, nampaknya kita telah mengabaikan Bahasa Melayu. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Itulah minta maaf, Dato' Jaspal. Saya mengatakan tadi, bila Dato' Jaspal salah anggap apa yang saya katakan, itu adalah contoh tentang kemerosotan penguasaan kita terhadap Bahasa Melayu. Saya sangat sedih. Minta maaf. Saya tidak mengatakan kita abaikan bahasa Inggeris. Seluruh pendidikan saya mulai daripada SMC(1) di MBS Sentul, tempat kita sekampung barangkali sampai dapat PhD. di *Columbia University, all in English. I don't deny that, but the important*, dengan izin, kepentingan Bahasa Melayu itu jangan diabaikan. Saya mengatakan ini...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh saya mencelah? Saya cukup berminat dengan perbahasan, Tuan Yang di-Pertua yang telah diutarakan oleh Dato' Dr. Firdaus. Saya sering atau kadang-kadang naik pesawat. Saya dapati sebahagian daripada syarikat penerbangan Malaysia- penerbangan yang ada di Malaysia.

■1710

Bukan MAS tetapi pesawat yang ada di Malaysia ini, mereka menggunakan dwibahasa dalam pengumuman sebelum berlepas dan akan mendarat, mereka gunakan bahasa Inggeris dulu sedangkan saya lihat perkara itu bercanggah dari segi moralnya dengan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan di mana sepatutnya kalau hendak mengumumkan, umumkan dalam Bahasa Malaysia dulu, kemudian diumumkan pula dalam bahasa Inggeris. Akan tetapi sebaliknya berlaku. Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Dato'?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Inilah persamaan orang PAS dan orang UMNO yang patut digalakkan. Semoga ini akan mempertemukan UMNO dan PAS dalam satu tempat dalam masa singkat [*Ketawa*] Saya setuju tetapi dan dalam hal ini memang kita jauh tertinggal. Saya minta maaflah memberi contoh yang, tidak tahulah sama ada perlu minta maaf atau tidak memberi contoh ini.

Selama tiga bulan yang lalu, saya berada di Indonesia bertugas sambil di sebuah universiti di sana. Oleh kerana itu, saya mendapat kesempatan untuk mengikuti kempen pilihan raya di Indonesia sekarang di mana saya dapati perdebatan mengenai perkara-perkara yang konseptual, perkara yang abstrak tentang ketatanegaraan, tentang undang-undang, tentang politik, semuanya dilangsungkan dalam bahasa Indonesia yang sangat sofistikated, yang sangat canggih. Kita jangan lupa bahasa Indonesia sebenarnya adalah *an advance form of* Bahasa Melayu, dengan izin.

Kalau umpamanya masyarakat Indonesia keturunan Cina, keturunan India, masyarakat yang di rumahnya berbahasa Ambon, berbahasa Aceh, berbahasa Minangkabau dapat menggunakan bahasa Indonesia dengan begitu fasih mengungkapkan perkara-perkara yang bukan perkara membeli hamburger, perkara-perkara yang cukup abstrak. Di mana kita sekarang?

Inilah antara kegagalan- untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop tadi. Antara kegagalan kita di dalam mengembangkan bahasa, di dalam

memodenkan bahasa kita. Kita terlalu terpengaruh dengan perkara-perkara yang remeh-temeh, kenapa istilah ini tidak digunakan, apa beza istilah ini. Istilah adalah perkara yang paling kecil. Yang paling penting ialah bagaimana fikiran kita diungkapkan dengan bahasa kita mengenai perkara-perkara yang lebih abstrak. Istilah, saya selalu mengatakan kepada pelajar saya, istilah boleh berkembang tetapi yang jangan dilupakan ialah satu istilah itu barangkali boleh mewakili pelbagai konsep. Kalau dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, perkataan “kapur”. Perkataan “kapur” dengan sendiri adalah satu istilah. Istilah yang kadangkala mewakili konsep kapur sirih. Istilah yang kadangkala mewakili konsep yang cat rumah.

Oleh kerana itu, jangan kejahilan kita tentang penggunaan istilah itu dijadikan sebab, dijadikan isu untuk mengatakan bahasa ini tidak betul. Istilah digunakan mengikut konteksnya. Perkataan “kapur” satu istilah tetapi dalam konteks penggunaannya dapat memberi erti yang berbagai-bagai. Inilah kecanggihan, keanjalan bahasa kita yang dilupakan. Bukan sahaja dilupakan malah dijadikan isu dan minta maaf, ini dijadikan salah satu soalan utama...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Ringkas sahaja. Saya ingin tahu pandangan rakan saya, kalau saya boleh panggil rakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh, boleh, boleh, masuk UMNOlah [*Ketawa*]

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Mengenai pengalaman langsung Yang Berhormat dan saya dalam mesyuarat-mesyuarat di peringkat pemerintah yang dihadiri oleh Menteri kadangkala yang menggunakan bahasa Inggeris lebih banyak daripada bahasa Melayu. Adakah bersetuju dengan pandangan itu?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat memanggil saya kalau boleh memanggil rakan. Kita memang sudah menjadi rakan dan kita akan menjadi sahabat yang lebih akrab bila Yang Berhormat masuk UMNO [*Tepuk*]

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Mungkin berlaku.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Politic is the art of the possible* [*Tepuk*] Saya berterima kasih kerana Yang Berhormat menambahkan lagi contoh-contoh yang memperkuat hujah-hujah saya. Inilah yang saya rasa pihak pemerintah, minta maaf Dato' Seri Shahidan, patut bersikap *tolerance* terhadap teguran-teguran *ginger group* seperti ini. UMNO sekarang, antara punca kelemahan UMNO, minta maaf Dato' ialah kerana tidak membiarkan *ginger group* itu berkembang dengan baik dan inilah antara perkara yang Almarhum Jaafar Alba mengingatkan kita, dan kita tahu bagaimana kuatnya UMNO zaman Jaafar Alba.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, *ginger group* itu apa?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Sorry?*

Timbalan Yang di-Pertua: *Ginger group* itu apa dalam bahasa?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya yang bertanya [*Ketawa*]

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kumpulan pendesak, kumpulan yang memberikan teguran-teguran yang barangkali tidak popular.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Ginger* itu Yang Berhormat tahulah kan, halia. Kalau *ginger group* itu, halia itu agak pedaskan [*Disampuk*] Sedap, pedas dan menyihatkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Faham Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ini harus digalakkan tetapi saya rasa akhir-akhir ini tidak digalakkan. Jadi itulah saya rasa supaya kita mengharapakan tiga fungsi pendidikan, pembangunan watak, *character building*...

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Saya minta mencelah sekali lagi, boleh?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila, sila.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Kepada rakan saya ini. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus ini dia seorang pensyarah, profesor. Jadi tadi yang tiga subjek itu, Yang Berhormat sedang bincangkan akibat seperti Mat Rempit, akibat macam-macam tetapi *one fact* yang betul ini adalah daripada berita yang kita dapat *study* bahawa pada masa ini kualiti institusi tinggi, *education* kita sudah turun. Tidak dapat ranking langsung di bawah *top 100 university* di Asia, dengan izin. Adakah ini sebab kita yang merosot ataupun mungkin kita hanya ideal, negara-negara lain telah lebih cepat memperkuatkan atau memperkasakan *system education* mereka dan kita terlambat atau kita merosot? Apakah pandangan Yang Berhormat Senator dan bagaimana yayasan ini boleh menolong meningkatkan prestasi Malaysia untuk meningkatkan prestasi kita di negara Asia ini?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jaspal. Itu saya katakan salah satu caranya adalah untuk memberikan kebebasan yang bertanggungjawab terhadap yayasan ini bukan sekadar membantu Kementerian Pendidikan sahaja tetapi menegur Kementerian Pendidikan berfikir di luar kotak, kembali kepada apa yang saya katakan tadi, melanjutkan semangat revolusi mental Datuk Senu, melanjutkan semangat Gerakan Obor, Aminuddin Baki, melanjutkan visi dan misi Ungku Omar, visi dan misi Syed Za'ba, visi dan misi Syed Al-Hadi secara sedar, bukan secara sambilan.

Ertinya, kementerian kalau betul-betul ingin mendapatkan input yang konstruktif daripada yayasan ini, perlulah secara sedar menjadikan yayasan ini sebagai satu, sekali lagi dengan izin, *ginger group* yang konstruktif. Itu caranya saya rasa.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Satu poin lagi. Bila saya meneliti akta ini Yang Berhormat, saya dapati ia mementingkan pelaburan. Walaupun fungsinya banyak tetapi *structure board* itu memang untuk pelaburan. CEO kena ada *qualification* kewangan, *Board Member* pun dia punya fokus itu kewangan. Jadi saya kluatir di sini bahawa *expectation* Yang Berhormat untuk yayasan ini dan komposisi *board* itu berlainan sedikit. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang ini?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Rang undang-undang ini drafnya disediakan oleh kerajaan, oleh pihak eksekutif dan juga *judiciary* agaknya. Adalah tanggungjawab kita sebagai cabang daripada pemerintahan, sebagai cabang legislatif untuk menegur

dengan berani dan bertanggungjawab. Saya rasa itulah saya rasa saya- apa hendak buat lagi kan, saya sudah *last term*, satu sesi lagi [Ketawa]

Itulah saya kata kadang-kadang kita pun lupa bahawa kita adalah *the legislative branch of the government*, dengan izin, yang bertanggungjawab memastikan supaya *executive branch* melaksanakan tanggungjawabnya dengan penuh tanggungjawab, dengan produktif. Tugas kita ialah kalau tadi Yang Berhormat- nampaknya Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa lebih banyak mementingkan tentang kemahiran, tentang *management* sampai lupakan aspek-aspek tentang pembangunan seperti yang saya sebutkan itu tadi. Itu saya rasa adalah tanggungjawab kita. Tanggungjawab kita sebagai cabang legislatif untuk mengingatkan cabang *executive* tentang kelalaian atau kealpaan mereka ini.

■1720

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Boleh saya mencelah. Saya fikir rang undang-undang ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya fikir rang undang-undang ini telah memenuhi dua yang disebutkan. Yang pertama oleh Yang Berhormat, untuk meninggikan profesionalisme pelajaran termasuklah mengagungkan Bahasa Melayu. Akan tetapi *at the same time*, kita tidak boleh hendak harapkan oleh sebab yayasan ini daripada peruntukan kerajaan. Kita kena gunakan apa yang kita ada, yang saya difahamkan lebih daripada RM200 juta ini, untuk menggunakan dengan bijak-bijaknya *investment* supaya kita dapat kewangan itu untuk menambah baik apa yang kita hendak profesionalisme.

Jadi, saya fikir rang undang-undang ini telah difikirkan dengan teliti dan dua aspek ini ialah untuk memenuhi kehendak yang kita ada. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, jadi sebenarnya tidak menurut prosedur biasa ini. Akan tetapi oleh kerana benda ini disebut dan saya percaya kementerian tidak akan menjawab perkara ini, jadi saya hendak minta Yang Berhormat boleh tidak masuk dalam ucapan Yang Berhormat. Begini ya. Bila kita pergi persidangan luar negara, ada beberapa buah negara mempertahankan bahasa mereka itu diperkenalkan di peringkat antarabangsa. Di antaranya ialah China. India dia bahasa Inggeris. Thailand, negara-negara dan termasuklah Indonesia yang menggunakan bahasa mereka dan lepas itu kita akan dengar terjemahan.

Akan tetapi malangnya sekarang ini, Indonesia tidak lagi yang menggunakan bahasa Indonesia. Dia menggunakan bahasa Inggeris terus kerana ramai mereka yang dididik dalam bahasa Inggeris itu menjadi perwakilan-perwakilan daripada Indonesia. Mereka hanya menggunakan bahasa Indonesia ini bila berkomunikasi dengan kawan-kawan daripada Malaysia. Akan tetapi kita lihat negara-negara yang menggunakan bahasa mereka dan lepas itu menggunakan penterjemah, tahap bahasa Inggerisnya sudah tinggi daripada Malaysia termasuk Thailand, termasuk China sendiri. Malah, semalam ini yang merasmikan Persidangan Menteri-Menteri Keselamatan ASEAN ialah orang nombor dua di Thailand. Dia menggunakan bahasa Thailand dan terjemahan. Akan tetapi bila dia mari bersembang minum kopi, orang yang pertama dia nampak ialah saya. Dia kata, *I've seen you some*

where, dengan izin, kan. Saya kata, *yes*. Lepas itu rupa-rupanya kami sebenarnya sebelum ini bersahabat.

Sekarang saya bersahabat dengan Ketua Tentera Thailand ya. Kena ingat itu. Saya kenal dia sebelum itu lagi. Akan tetapi dia menggunakan bahasa Thai dan diterjemahkan tetapi dari segi bahasa Inggeris di kalangan pegawai-pegawai ini, dia antara yang terbaik. Jadi, apakah Yang Berhormat hendak cadangkan supaya penggunaan bahasa itu mesti digunakan di tahap yang lebih baik. Bukan bahasa pasar. Sekarang ini rakyat Malaysia terutama orang terpelajar, bila menggunakan Bahasa Malaysia, menggunakan bahasa pasar di semua peringkat. Akan tetapi mahir menggunakan bahasa Inggeris oleh kerana mereka tidak dapat berkomunikasi dengan baik. Komunikasi ini adalah perpaduan. Kita lihat ada sikit kekangan di antara kita dengan rakyat kerana tidak dapat berkomunikasi dengan baik.

Kita tidak dapat berkomunikasi dengan mat rempit dengan baik. Kita kena komunikasi dalam bahasa yang mat rempit lebih faham. Jadi, bahasa Indonesia dia berjaya menyatupadukan rakyat tetapi penggunaannya di peringkat antarabangsa saya ingat sudah semakin kurang. Saya sudah hadir banyak kali. Termasuk ini Yang Berhormat Senator Sungai Petani ini. Apa nama? Baru angkat sumpah sebab saya baru nampak hari ini. Jadi, dia pun hadir persidangan banyak kali dengan saya. Kita lihat orang Indonesia tidak pakai bahasa Indonesia. Dia pakai bahasa Inggeris. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak jadi kumpulan *ginger* ataupun *ginger* campur cili, dia lebih bagus sebab biar dia pedas sikit, supaya penggunaan bahasa ini untuk berkomunikasi digunakan dengan baik di semua peringkat. Oleh sebab keindahan Bahasa Malaysia ini ialah kita boleh menyebutkannya dengan baik dan lembut kalau kita hendak marah dekat orang.

Macam Tuan Yang di-Pertua hendak marah dekat saya, "*Datuk, ini Datuk Menteri*". Cakap dengan lembut, saya pun duduk tadi, saya tidak kata apa sebab dia dapat digunakan...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tidak gunakan halia.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, ya. Itu sebab saya cukup suka dengan Timbalan Yang di-Pertua ini ya kerana dia baik. Akan tetapi bahasa ini bahasa yang boleh digunakan dengan baik. Bahasa Arab bagus tapi kadang-kadang ia agak keras sikit, ikut negeri-negeri yang dipakai. Jadi, apakah penggunaan bahasa ini biar digunakan dengan sepenuhnya dan dengan baik. Kita boleh berpakat dengan Indonesia sebab apa, populasi Indonesia dan juga Kepulauan Melayu sudah 400 juta kan? Supaya kita dapat berkomunikasi di semua peringkat. Bukan sampai di peringkat pegawai saja tetapi di peringkat yang lebih bawah daripada itu.

Jadi, Indonesia pun mungkin akan hilang identitinya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang ini mencelah ke berhujah?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya hendak minta supaya dimasukkan dalam ucapan penangguhan dia, bertanya kepada kementerian. Apakah penggunaan Bahasa Malaysia ini hanya di peringkat-peringkat sekolah saja. Apakah hendak digunakan dengan cara yang lebih luas supaya bahasa ini komunikasi. Tidak ada salah sebab apa, Thailand menggunakan bahasa Thai tetapi dia *can speak English. I think they are the better than us*, dengan izin, *even* Indonesia, bahasa

Inggerisnya lebih bagus daripada kita, *even* Philipines memang orang kampung tukang kayu pun cakap orang putih ya. Di Vietnam pun dia mula. Akan tetapi dari segi antarabangsa dia menggunakan bahasa mereka dengan terjemahan.

Bila kita menggunakan penterjemah, makna kata penterjemah akan belajar bahasa itu dengan lebih mendalam lagi untuk dia boleh terjemah dengan baik. Ini sebagai contoh bahawa Yayasan Guru ini apakah mungkin memberi penekanan kepada bahasa ini supaya kita boleh berinteraksi dengan baik supaya rakyat ini dapat di satu padukan dengan baik. Sekarang ini kita tidak dapat satu padukan dengan baik kerana berkomunikasi dalam bahasa pasar yang kadang kasar. Biar berkomunikasi dengan bahasa yang lebih lembut dan indah. Keindahan itu ialah perpaduan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih kerana memberi sokongan Yang Berhormat Menteri. Cuma satu yang saya hendak berbeza pendapat sikit dengan Yang Berhormat. Mengenai kecenderungan Indonesia menggunakan bahasa Indonesia dalam persidangan internasional, masih ada. Dalam persidangan *Parliamentary Pacific* di Mexico kira-kira...

Timbalan Yang di-Pertua: CPA

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya, *sorry*.

Timbalan Yang di-Pertua: CPA

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: CPA?

Timbalan Yang di-Pertua: APPF.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: APPF. Dalam Persidangan APPF di Mexico dulu. Barangkali Tuan Yang di-Pertua juga menyedari bahawa semua ucapan wakil-wakil Indonesia di dalam sidang pleno, bukan dalam sidang komiti ya. Di dalam sidang pleno, ucapan-ucapan wakil Indonesia adalah dalam bahasa Indonesia yang diterjemahkan serentak. *Simultaneous interpretation*, dengan izin, ke dalam bahasa Inggeris. Jadi, mereka masih menggunakan. Saya setuju yang sebenarnya di samping mereka sudah semakin maju dalam penggunaan bahasa Indonesia, mengungkapkan perkara-perkara yang abstrak, yang canggih, yang sofistikated, penguasaan bahasa Inggeris mereka juga semakin bertambah baik. Seperti saya katakan, tiga bulan saya di Indonesia, tiga bulan yang lalu saya dapati ini bagaimana pelajar-pelajar Indonesia sendiri pun nampak bahasa Inggeris pelajar-pelajarnya ada di antara mereka yang lebih baik daripada pelajar-pelajar kita yang setaraf kedudukan kelasnya.

Akan tetapi yang mengagumkan ialah penguasaan bahasa Indonesia mereka. Kalau umpamanya ada di antara Yang Berhormat di sini ingin melihat bagaimana Indonesia menggunakan bahasa Indonesia yang merupakan di *the advance form of Malay Language*, dengan izin. Tengoklah melalui *internet*, dalam perdebatan antara calon-calon *capres* dipanggil sana, calon presiden pada 28 ini, hari Sabtu malam, pukul 7.30. Kalau tidak ada aral, sekarang boleh kita lihat dengan menggunakan *internet* kita boleh mengakses perdebatan- 28 hari bulan ini, hari Sabtu akan berlaku perdebatan antara calon-calon wakil presiden, Yusof Kala dengan Raja Shah Hatta mengenai konsep-konsep tertentu dalam ketatanegaraan Indonesia.

■1730

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, waktu sekarang tepat pukul 5.30 petang. Yang Berhormat boleh sambung balik esok ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya, ucapan saya sudah selesai. Terima kasih banyak atas peluang yang diberikan dan saya menerima dengan baik apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Akan tetapi saya berharap Yang Berhormat, kalau perkara ini juga dapat Yang Berhormat timbulkan dalam sidang Kabinet.

Dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini dan mengucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya kita masih ada empat orang lagi yang ingin membahaskan rang undang-undang ini. Mungkin Yang Berhormat ini Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat boleh membahaskan rang undang-undang ini esok ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk dikemukakan usul penangguhan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 15(3)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Malaysia Sebagai Hab Hiburan

5.31 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Malaysia bakal menjadi hab hiburan sebagaimana pembentangan kerajaan melalui Program Transformasi Ekonomi atau *Economic Transformation Program*. Kerajaan dijangka melaburkan dana berjumlah RM467 juta dan akan mendapat pulangan hasil sebanyak RM427 juta serta mewujudkan

8,000 peluang pekerjaan. Manakala pendapatan hiburan malam hasil penubuhan zon hiburan di Greater KL, Lembah Klang, Genting Highlands, Pulau Pinang, Langkawi dan Kota Kinabalu berganda kepada RM1.8 bilion menjelang tahun 2020.

Bagi mencapai matlamat ini, menjelang tahun 2014, sekurang-kurangnya sepuluh buah kelab malam akan menjalankan aktiviti di zon hiburan di mana enam buah kelab malam akan beroperasi awal tahun 2012 dijangka dapat menampung 900 pengunjung dan dua lagi akan beroperasi pada tahun 2013 dan tahun 2014.

Antara langkah lain adalah melonggarkan syarat ketat penggambaran filem dan persembahan artis luar negara serta mepakejkan semula acara antarabangsa seperti *Formula 1* dan MotorGP. Selain itu, artis luar negara juga menikmati pelepasan cukai dan pelonggaran imigresen.

Justeru, sepanjang tahun 2013 dan tahun 2014, rakyat dapat menyaksikan secara *live* persembahan artis-artis luar negara walhal penampilan dan budaya mereka jauh berbeza malah terkenal bertentangan dengan norma masyarakat Malaysia seperti gaya hidup bebas, berpakaian menjolok mata, kehidupan gay dan sebagainya.

Kelab malam juga bertambah di zon-zon hiburan. Keadaan ini boleh menjadi pemangkin kepada masalah-masalah sosial yang sememangnya telah menjadi barah dalam masyarakat kita seperti zina, buang anak, rogol, kelahiran anak luar nikah, ketagihan arak, alkohol, ekstasi, pil kuda dan sebagainya.

Apa jua hasil daripada pembangunan hab hiburan ini sama ada daripada aspek kewangan mahupun peluang pekerjaan, ia pasti tidak seimbang dengan kerugian yang akan kita alami dari sudut material, penghakisan nilai-nilai ketimuran dan adat budaya Malaysia, hilang maruah, mengganggu keharmonian rumah tangga, kekeliruan identiti masyarakat Malaysia dan sebagainya.

Pepatah Arab menyatakan... [*Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab*] Pepatah Melayu pula menyebut, "*Mencegah lebih baik daripada mengubati*". Maka, kerajaan perlu proaktif dalam usaha mencari solusi gejala sosial masyarakat Malaysia. Peranan kerajaan bukan sekadar menyeru dan menjalankan kempen agar mengelakkan daripada terlibat dengan gejala sosial, malah mencegah dan membasmi segala punca gejala sosial. Apatah lagi kerajaan sendiri yang menggariskan suatu dasar yang menggalakkan punca-punca gejala sosial serta menjadikan ia sebagai punca hasil negara.

Sedia dimaklumi, aktiviti di pusat-pusat hiburan masa kini adalah tidak terkawal. Bilangannya bercambah sama ada pusat hiburan berlesen mahupun beroperasi tanpa lesen. Ia berterusan menjadi pusat maksiat, dadah, pelacuran, memperdagangkan manusia dan sebagainya, walaupun kerajaan memperuntukkan pelbagai undang-undang dan syarat operasi pusat hiburan.

Kelemahan dan kemampuan penguatkuasaan perlu diambil kira. Kita sama sekali tidak boleh mengharapkan masyarakat patuh dengan undang-undang dan syarat tersebut dengan mempertaruhkan maruah dan identiti masyarakat Malaysia mengambil kira paras sakit sosial masyarakat hari ini. Hiburan sebegini mendidik nafsu yang lemah dan kurang jati diri.

Sehubungan ini, kerajaan perlu menilai dan mengkaji semula keputusan membangunkan Malaysia sebagai hab hiburan melalui Program Transformasi Ekonomi. Justeru, pelbagai impak negatif jangka pendek dan jangka panjang ke atas masyarakat Malaysia amnya. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri.

5.36 ptg.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed di atas ucapan penungguhan yang disampaikan.

Saya percaya bahawa ucapan penungguhan ini disampaikan di atas kecaknaan ataupun keprihatinan Yang Berhormat tentang masa depan negara kita terutama sekali apabila dilihat berlakunya gejala-gejala yang dikaitkan dengan aspek-aspek negatif di dalam pembangunan sosial kita yang disebutkan tadi seperti dadah, buang anak dan pelbagai perkara yang lain.

Namun begitu, perlu kita lihat bahawa apakah semestinya penyalahgunaan dadah misalnya, buang anak, perlakuan yang tidak baik itu semestinya dikaitkan dengan hal-hal yang berkaitan dengan hiburan yang dilihat dalam aspek ataupun dalam konteks yang sempit tadi.

Misalnya kita lihat bahawa kalau dilihat negeri-negeri di Malaysia ini, kalau dikatakan paling kurang berlakunya ataupun diwujudkan pusat-pusat hiburan dalam konteks seperti *night club* dan sebagainya adalah di Kelantan sendiri. Akan tetapi menurut statistik yang dikeluarkan oleh PDRM misalnya, kes-kes rogol, Kelantan adalah yang tertinggi di negara kita, berada di tempat yang keempat. Kes penyalahgunaan dadah misalnya, Kelantan juga adalah yang tertinggi dalam negara kita.

Bahkan kalaulah peristiwa ini satu peristiwa yang menyayat hati baru-baru ini bagaimana seorang anak gadis yang dirogol oleh hampir ataupun 30 orang, saya difahamkan di antara 28 hingga 30 orang pun berlaku di negeri Kelantan, walaupun di Kelantan dikatakan adalah sebuah negeri yang mengawal segala bentuk hiburan yang dikaitkan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Oleh sebab itu, kalau kita menganggap bahawa terdapatnya suatu apa yang disebutkan dengan izin, *correlation* ataupun hubung kait banyaknya pusat hiburan, banyaklah gejala keruntuhan sosial dan sebagainya, ia boleh dipertikaikan. Ada tempat yang di mana hiburannya tinggi tetapi tidak semestinya perkara-perkara yang dikaitkan dengan gejala sosial itu tinggi, tidak semestinya begitu kerana masalah gejala sosial sesuatu yang boleh dilihat terdapat faktor-faktor lain seperti pendidikan, alam sekitar, pekerjaan dan sebagainya.

Oleh sebab itu apabila dalam ETP menyebutkan tentang apa yang disebutkan tentang membenarkan Malaysia ini untuk menjadikan pilihan misalnya kepada pelancong ataupun mereka yang ingin bekerja di sini seperti yang disebutkan sebagai ekspatriat misalnya, untuk diberikan pilihan untuk mendapatkan pelbagai bentuk hiburan. Hiburan ini mesti dilihat dalam konteks yang luas. Misalnya taman tema, itu adalah juga hiburan dan Malaysia dikenali antara negara yang mempunyai

taman tema antara yang terbaik. Misalnya kalau pelancong dari Timur Tengah misalnya, tiga tempat yang paling popular di kalangan pelancong-pelancong Timur Tengah yang datang ke Malaysia, pertama, di Kuala Lumpur kerana *shoppingnya*.

■1740

Keduanya di Sunway kerana taman temanya. Ketiga, kalau disebut tadi seperti di Genting Highlands juga kerana taman temanya. Ini juga ialah hiburan, tetapi hiburan keluarga.

Namun begitu, kita tahu bahawa ada juga yang datang ke sini untuk mendapat suatu suasana yang dikatakan *nightlife* yang *vibrant* ataupun kehidupan malam yang menggetarkan. Saya tidak tahu apakah itu istilah yang terbaik. Akan tetapi, *nightlife* ini tidak semestinya dikaitkan dengan soal-soal yang menjurus kepada maksiat. Misalnya ramai orang pergi ke Eropah, dia rasa pergi sekali dan tidak mahu pergi lagi kerana banyak kota di Eropah itu dianggap kota yang membosankan, pukul 6 petang semua sudah tutup, kedai makan sudah tidak ada lagi.

Akan tetapi di Malaysia dikatakan *nightlife* yang *vibrant*, dengan izin, ialah di mana-mana ada gerai yang pilihan makanannya begitu banyak sekali. Untuk mencari makan di kedai-kedai 24 jam satu perkara yang mengejutkan bagi sesetengah mereka yang berada daripada negara-negara yang tidak pernah tahu bahawa di Malaysia ada tempat makan yang dibuka 24 jam. Ini dianggap sebagai *nightlife* yang *vibrant*. Dia kata bahawa sentiasa hidup. Kuala Lumpur tidak pernah tidur dan sebagainya.

Disebutkan *night club* dan sebagainya, ya benar ia ada untuk memberi pilihan kepada pelancong-pelancong dan mereka yang mungkin tidak ada halangan keagamaan untuk pergi ke sana. Akan tetapi ini bukanlah sesuatu agenda yang terlalu besar. Oleh sebab itu walaupun ada, maka ia perlu dizonkan bagi tujuan kawalan. Ia tidak boleh dibuat di tempat-tempat yang terdapatnya kawasan perumahan ataupun terdapat tempat-tempat untuk upacara keagamaan seperti masjid, gereja dan sebagainya. Ini ialah aspek-aspek kawalan dan kawalan ini juga adalah untuk melihat sejauh manakah ia dapat dikendalikan mengikut norma-norma yang ditentukan.

Saya tidak nafikan bahawa kemungkinan penyalahgunaan ini berlaku di tempat-tempat walaupun ia dizonkan, tetapi pilihan kita ia lebih bahaya sekiranya ia berlaku dengan cara yang tidak mudah untuk dikesan. Misalnya orang tahu bahawa ada negeri-negeri yang tertentu, mereka tidak memberikan lesen-lesen kelab malam baru. Akan tetapi orang beroperasi, aspek-aspek yang dikaitkan dengan operasi kelab malam itu dilakukan di tempat-tempat yang lesennya lesen kafe, lesennya lesen kantin misalnya.

Ada negeri yang tertentu yang mendakwa bahawa kalau mereka diberikan kuasa misalnya, mereka tidak akan membenarkan perkara-perkara begini. Akan tetapi negeri yang berkenaan dilihat paling banyak sejak akhir-akhir ini membenarkan lesen-lesen rumah urut, berlaku walaupun atas nama urut kaki. Akan tetapi pernah saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, di Dewan Rakyat bahawa definisi kaki itu sudah banyak dipertikaikan. Kaki itu daripada mana ke mana misalnya, yang dikaitkan dengan perkara-perkara yang boleh disalahgunakan bercambah dalam negeri yang

berkenaan. Kalau dahulunya hanya ada beberapa ratus, tetapi sejak perubahan kerajaan, sekarang ini sudah hampir 4,000 atau 5,000.

Jadi ini juga ialah perkara yang saya tidak mengatakan bahawa saya menyalahkan sesiapa. Akan tetapi keputusan-keputusan dalam soal-soal yang berkaitan dengan hiburan ini tidak semuanya keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi sebahagian besarnya dari segi pelesenan dan sebagainya ditentukan oleh kerajaan negeri melalui kerajaan tempatan masing-masing. Ia boleh diberi pilihan sama ada di Kelantan, Pulau Pinang, Selangor dan sebagainya untuk kerajaan berkenaan membuat satu dasar.

Maka di negeri Selangor dan Pulau Pinang tidak ada langsung aspek-aspek yang dikaitkan dengan pusat hiburan yang berkait dengan soal-soal yang menjurus kepada maksiat seperti kelab malam, rumah urut dan sebagainya. Ini adalah pilihan yang boleh diputuskan oleh negeri-negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih. Saya tahu ini merupakan *concern* ataupun keprihatinan Yang Berhormat bahawa negara kita, kita mahu bangunkan dan bebas daripada perkara-perkara yang negatif, perkara-perkara yang menjurus kepada soal-soal kejatuhan moral rakyat negara kita. Namun begitu, saya percaya bahawa kita tidak perlu cepat untuk membuat keputusan bahawa hiburan semestinya dikaitkan dengan kejatuhan moral dan sebagainya.

Ini kerana melalui statistik, kita melihat bahawa penyalahgunaan dadah misalnya, paling banyak sekali di tempat-tempat yang tidak ada hiburan. Mungkin mereka tidak ada pilihan melainkan mengambil dadah. Saya kaitkan bahawa kes-kes seperti jenayah, rogol dan sebagainya pun berlaku dan dikaitkan dengan banyak berlaku di tempat-tempat yang kononnya ada kawalan daripada kerajaan negeri berkenaan daripada membenarkan hiburan-hiburan yang seperti ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul penangguhan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 26 Jun 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.46 petang.]